

**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 2**

**Isnin**

**20 Ogos 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- |   |             |
|---|-------------|
| - Ahli-ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan           | (Halaman 1) |
| - Teks Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong | (Halaman 2) |
| - Memperkenankan Akta-akta                            | (Halaman 2) |
| - Perutusan Daripada Dewan Rakyat                     | (Halaman 2) |

**URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 3)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 4)

**USUL-USUL:**

- |   |              |
|---|--------------|
| - Jalan-jalan Masuk ke Parlimen   | (Halaman 25) |
| - Mendahulukan Urusan Kerajaan di Bawah P.M 13.(1) dan (2)              | (Halaman 26) |
| - Waktu Mesyuarat dan Urusan<br>Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 56) |

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- |   |               |
|---|---------------|
| - Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018                                  | (Halaman 27)  |
| - Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018                            | (Halaman 82)  |
| - Rang Undang-undang<br>Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 | (Halaman 106) |
| - Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018                              | (Halaman 134) |
| - Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018                           | (Halaman 139) |

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 20 Ogos 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 17 Julai 2018:**

1. Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin
2. Yang Berhormat Datuk Haji Husain bin Awang
3. Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy
4. Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong
5. Yang Berhormat Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad
6. Yang Berhormat Tuan Haji Marzuki bin Yahya
7. Yang Berhormat Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin
8. Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim

**Pada 10 Ogos 2018:**

1. Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Abdun
2. Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat
3. Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker
4. Yang Berhormat Puan Siti Fatimah binti Yahya

## TEKS TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis iaitu pada 17 Julai 2018, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Seri Paduka Baginda itu, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Seri Paduka Baginda itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Diraja boleh didapati dalam Penyata Rasmi Bil. 1/ DN-17072018]*

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2017) 2018;
2. Akta Antiberita Tidak Benar 2018;
3. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018;
4. Akta Had Masa (Pindaan) 2018;
5. Akta Timbang Tara (Pindaan) (No.2) 2018;
6. Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018;
7. Akta Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018; dan
8. Akta Pergigian 2017.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“9 Ogos 2018

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR.10/2018 – Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018;
2. DR.11/2018 – Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018;
3. DR.9/2018 – Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018;
4. DR.12/2018 – Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018; dan
5. DR.13/2018 – Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018

16 Ogos 2018

1. DR.15/2018 – Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018;
2. DR.14/2018 – Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018;
3. DR.16/2018 – Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018; dan
4. DR.17/2018 – Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT”

**URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2) saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

■1010

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak diri saya dan rakan-rakan saya untuk ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pelantikan sebagai Senator dan seterusnya sebagai Yang Berhormat Menteri.

1. **Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah** minta Perdana Menteri menyatakan, usaha-usaha yang akan diambil untuk memelihara perpaduan dan keharmonian antara kaum sedang Kerajaan sebelum ini telah menolak ketiga-tiga Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara dan juga tidak bersedia untuk melaksanakan syor lain yang terkandung dalam Laporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Tuan Yang di-Pertua adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri dari kepelbagaian kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara. Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung perkauman dan diskriminasi kaum ketika ini tidak bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan sebaliknya usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Antara usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk memelihara perpaduan dan keharmonian antara kaum adalah menguatkuaskan undang-undang sedia ada dan mengambil tindakan tegas ke atas pihak-pihak yang sengaja mencetuskan kebimbangan dan tidak bertanggungjawab di kalangan masyarakat pelbagai kaum di bawah undang-undang seperti Kanun Keseksaan di bawah seksyen 298(A), 504 dan 505, memberi nafas baru kepada Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (NUCC) dengan menjenamakannya sebagai Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat dan membuat pelantikan ahli-ahli NUCC yang baru untuk tempoh dua tahun mulai 2018 hingga 2020 yang akan memberi fokus kepada usaha-usaha menyemarakkan dan meneguhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) melalui kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi dengan perunding individu dari Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia di mana PTPN akan menjadi kayu ukur keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan nasional oleh semua jabatan dan agensi kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan.

Menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar dalam Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta mahasiswa dalam Sekretariat Rukun Negara di institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan menterjemahkan prinsip-prinsip tersebut di dalam kehidupan seharian. Menyokong sebarang usaha memperkasakan perpaduan yang telah wujud sejak tahun 1969 sehingga kini dalam menghadapi pelbagai cabaran besar menguruskan isu-isu perpaduan kaum dan keharmonian agama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Pemerkasaan perpaduan amat perlu bagi menjadikan jabatan ini sebagai *focal point* untuk berhadapan dengan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan, kesejahteraan rakyat dan keharmonian negara. Dengan itu adalah ditekankan bahawa tanggungjawab mendidik masyarakat bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama turut diseru bersama-sama memainkan peranan memupuk perpaduan kaum melalui penyaluran maklumat berguna dan menjadikan rakyat negara ini sebagai masyarakat yang bertamadun dan berilmu yang mengutamakan kesepakatan dan perpaduan negara agar rakyat berbilang kaum, agama dan budaya negara ini dapat hidup harmoni, aman dan sejahtera. Terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terima langkah-langkah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi soalan tambahan saya kalau kita tengok pengalaman kita sebelum ini, NUCC pada mulanya dicadangkan pada tahun 2012, sekarang sudah tempoh masa enam tahun lepas NUCC ada cadangan tertentu, tarik balik dan sebagainya.

Soalan tambahan saya satu, adakah satu *time line* yang ditetapkan supaya kita dapat undang-undang baru secara khususnya, undang-undang baru, bukan langkah-langkah ini. Fasal pada mulanya antara lain dia hendak ganti Akta Hasutan dan sebagainya. Fokus saya kepada tiga undang-undang ini. Kenapa saya rasa *time line* ini penting ialah kalau kita tengok laporan dari pusat KOMAS tahun 2017, dari segi peningkatan dalam diskriminasi *religious* dengan *racial*, itu satu *time line*.

Yang kedua, *buy in* daripada *various stakeholders*. Sebelum ini kalau kita tengok kenapa NUCC tidak *take off* fasal tidak ada *buy in* daripada beberapa pihak tertentu. So soalan saya, apakah *first, time line*; dan yang kedua, apakah *progress* untuk mendapat *buy in* daripada lain-lain *stakeholders*. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, rang undang-undang tersebut, iaitu tiga rang undang-undang kini sedang diteliti oleh jabatan kami, dan jabatan ini akan mengadakan konsultasi awam bagi mendapatkan *input* daripada semua pihak yang berkepentingan, dan juga pemegang taruh yang terlibat.

Jika semuanya berjalan lancar Yang Berhormat, undang-undang khas untuk menangani isu perkauman tersebut akan dibentangkan pada sesi Parlimen tahun 2019. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya suka melihat kepada statistik 2017, Indeks Ketegangan Masyarakat 11.5 kes. Indeks Rasa Selamat 92.21 peratus. Kalau kita tengok daripada indeks ini tidak berapa menakutkan sangat.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, yang berlaku di kampung, yang berlaku keceleruan perpaduan ini adalah kepimpinan yang di atas. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat, apakah ada kebetulan kerana sesetengah pemimpin-pemimpin di atas yang menyebabkan yang di bawah ini menjadi celaru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Untuk makluman Yang Berhormat, saya secara peribadi boleh bersetujulah. Kadangkala ada pemimpin tertinggi yang juga telah menyebabkan perpaduan di kalangan masyarakat terjejas. Walau bagaimanapun, kerajaan baharu akan menjalankan segala usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini dengan turut berunding dan juga mengadakan konsultasi dengan semua pihak terlibat termasuk juga pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga pemimpin-pemimpin yang lain supaya kita boleh bersatu padu dan berusaha bersama-sama untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang panjang lebar dan jelas. Cuma saya terdengar kalau tidak silap saya tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan bahawa berbagai usaha dilakukan termasuk penubuhan kelab-kelab rukun negara di peringkat sekolah rendah. Persoalan saya ialah adakah juga pihak kerajaan atau kementerian nanti bercadang untuk mewujudkan satu mata pelajaran baru ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat di peringkat sekolah rendah. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan itu juga telah dikemukakan dan pihak jabatan sedang mengkaji cadangan tersebut dan akan mendapatkan keputusan daripada Kabinet sebelum cadangan tersebut dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

## ■1020

2. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengenai pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang akan diperkenalkan pada 1 September 2018, dan apakah pula langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan SST tidak menyebabkan harga barang naik dan membebankan rakyat.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad atas soalan yang ditujukan kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul yang dijadualkan pada 20 Ogos 2018; Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang dijadualkan pada 20 Ogos 2018; Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung yang dijadualkan pada 27 Ogos 2018; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang dijadualkan pada 27 Ogos 2018; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin yang dijadualkan pada 27 Ogos 2018, memandangkan ia melibatkan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, hasrat kerajaan untuk menggantikan GST dengan SST adalah merupakan pendekatan terbaik buat masa ini demi menjaga kesejahteraan rakyat khususnya kepentingan pengguna. SST diharapkan dapat mengurangkan bebanan dari segi kos sara hidup rakyat sekiranya dibandingkan dengan GST. Ini kerana SST dikenakan hanya pada satu peringkat iaitu di peringkat pengilang, pengimport dan penyedia perkhidmatan manakala GST dikenakan di setiap peringkat rantai pembekalan atau *supply chain*, dengan izin.

Jangkaan kutipan hasil SST selepas SST dilaksanakan pada 1 September nanti adalah sebanyak RM21 bilion setahun berbanding dengan GST yang dijangka akan mengutip RM44 bilion pada tahun 2018. Ini bermaksud Tuan Yang di-Pertua, beban cukai ke atas pengguna adalah jauh lebih rendah kerana RM23 bilion telah dikembalikan kepada rakyat. Sehubungan itu, peningkatan harga bagi beberapa barang berikut pelaksanaan SST akan secara amnya lebih rendah berbanding dengan peningkatan yang disebabkan oleh pelaksanaan GST pada 1 April 2015.

Selain itu secara perbandingan, skop pengenaan SST adalah lebih kecil di mana cukai jualan atau *sales tax* pada kadar lima peratus dan sepuluh peratus akan dikenakan ke atas produk dikilangkan dan produk yang diimport yang tertentu manakala cukai perkhidmatan atau *service tax* pada kadar enam peratus akan dikenakan ke atas perkhidmatan yang tertentu sahaja. Secara amnya, barang tertentu seperti makanan diproses akan dikenakan cukai jualan pada kadar lima peratus kecuali barang-barangan tertentu seperti ikan bilis, udang kering yang akan diberikan pengecualian.

Kerajaan Pakatan Harapan tidak menafikan bahawa rakyat berkemungkinan akan terkesan daripada segi kewangan atau kenaikan harga susulan pelaksanaan SST. Akan tetapi

kesan daripada pelaksanaan SST termasuk kenaikan harga adalah hampir separuh lebih ringan berbanding dengan GST kalau kita mengikut jumlah kutipan GST sebanyak RM44 bilion berbanding dengan RM21 bilion di bawah SST.

Perkara ini disebabkan oleh skop kenaan cukai yang lebih rendah iaitu liputan sebanyak 60 peratus daripada bakul barang dan perkhidmatan (CPI) atau Indeks Harga Pengguna yang lebih luas untuk GST berbanding dengan 38 peratus daripada bakul tersebut di bawah SST. Pengecualian sebanyak 5,443 item barang dan perkhidmatan di bawah SST yang merupakan sepuluh kali ganda lebih besar daripada 545 item yang dikecualikan di bawah GST serta 11,197 barang yang dikenakan cukai GST berbanding dengan 6,405 barang yang dikenakan cukai SST. Jelas sekali jumlah barang dan perkhidmatan yang akan dicukai di bawah SST adalah jauh lebih kecil daripada semasa era GST.

Selain itu, memandangkan SST merupakan cukai seperingkat dengan jumlah pendaftar yang kecil berikutan penetapan nilai ambang atau *threshold* bagi tujuan pendaftaran yang dinaikkan kepada RM500,000. Kerajaan berpandangan bahawa masalah aliran tunai perniagaan di bawah sistem GST yang disebabkan oleh kelewatan bayar balik tuntutan cukai input atau GST *refund* juga dapat dilakukan. Ini sekali gus membantu peniaga untuk tidak menaikkan harga barang kerana tidak dapat balik *refund* GST. Sehubungan itu, kadar inflasi dijangka terkawal dan sekiranya berlaku peningkatan, ia tidak setinggi seperti yang berlaku semasa GST diperkenalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kadar sifar GST pada 1 Jun 2018 telah secara jelas dan ketara membolehkan rakyat Malaysia dan pengguna menjimatkan enam peratus daripada kos pembelian. Menurut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Harga Pengguna pada bulan Jun 2018 merekodkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding dengan 1.8 peratus pada bulan Mei 2018. Ini adalah kali pertama dalam tempoh 40 bulan semenjak Februari 2015 di mana kadar inflasi adalah di bawah satu peratus.

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan menghindari pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menaikkan harga untuk meraih keuntungan yang berlebihan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memberi tumpuan sepenuhnya untuk membendung isu kenaikan harga barang melalui pelbagai langkah kawalan harga serta inisiatif seperti berikut.

- (i) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018;

- (ii) melaksanakan tindakan dan penguatkuasaan pencatutan di bawah Ops Catut; dan
- (iii) mengadakan sesi libat urus atau *engagement* dengan Persatuan Pengguna dan agensi kerajaan dan melaksanakan langkah penguatkuasaan ke atas perniagaan yang dijalankan secara berterusan di seluruh negara.

Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna daripada Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya dengar tadi jawapan itu memang panjang lebar. Saya nak sebut ini Yang Berhormat Menteri ialah sewaktu GST sifar ini, saya melihat enam peratus itu dikeluarkan tetapi harga barang itu masih lagi harga lama. Maksudnya masa GST dilaksanakan, harga barang katakanlah meningkat dan apabila kerajaan baharu mengeluarkan GST sifar tetapi harga barang tetap, cuma keluar enam peratus tetapi harga barang tetap harga yang lama. Macam manakah kita nak selesaikan masalah-masalah seperti itu? Peniaga-peniaga ini masih lagi mengambil kesempatan untuk tidak menurunkan harga barang. Itu maksud saya. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Pihak kerajaan memang sedar tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator bahawa pengguna-pengguna di Malaysia sekarang hanya jimat pembayaran enam peratus GST sahaja sedangkan harga barang, beberapa barang perlu masih kekal di tahap yang sama.

#### ■1030

Di antara sebab yang kita boleh kesan ialah tentulah *demand and supply* iaitu dari segi permintaan dan bekalan di peringkat antarabangsa, di mana harga masih pada tahap yang sama. Juga satu lagi sebab adalah kuasa monopoli ke atas barang-barangan perlu seperti gula dan beras. Sungguhpun enam peratus GST telah pun dikeluarkan, pengguna jimat dari segi membayar enam peratus, tapi harga masih berdegil tidak mahu turun. Salah satu faktor ialah *structural factor*, dengan izin, iaitu kuasa monopoli ini. Mereka, kerana hendakkan keuntungan yang mereka tetapkan, mereka gunakan kuasa monopoli untukkekalkan harga.

Dalam aspek ini, satu kajian menyeluruh sedang dijalankan untuk menimbang perkara ini. Ini kerana sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, harga gula di peringkat antarabangsa adalah dalam lingkungan RM1.40 tapi kalau kita lihat harga runcit dalam pasaran adalah RM2.90. Mengapa ia sekali ganda lebih besar? Ini adalah masalah *structural* iaitu kuasa monopoli yang nampaknya tidak memberi kepentingan kepada rakyat. Ini adalah

salah satu perkara yang sedang dikaji dan pengumuman akan dibuat selepas kajian siap disempurnakan.

Tentang harga gula, suatu pengumuman akan dibuat oleh Menteri Hal Ehwal Pengguna dan kami akan tunggu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak payahlah soalan tambahan fasal kita ada rang undang-undang berkenaan dengan GST dan SST, boleh buat dalam perbahasan.

**3. Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, secara terperinci mengenai empat buah penjanaan *independent power producer* (IPP) kontrak yang telah dibatalkan dan berapa buah IPP yang akan disemak semula oleh kementerian berserta jumlah kapasiti penjanaan IPP tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada pembentukan kerajaan baharu, kerajaan telah mengkaji semula semua projek pembinaan loji jana kuasa yang telah dianugerahkan secara rundingan terus. Ia melibatkan lapan projek penjanaan elektrik di Semenanjung dan Sabah.

Pengkajian semula projek pembinaan loji jana kuasa ini hanya melibatkan kontrak *independent power producer* (IPP) yang telah dianugerahkan secara rundingan terus tetapi belum dibina lagi. Ia melibatkan kajian mengenai implikasi teknikal, perundangan dan kewangan bagi setiap projek tersebut sekiranya kerajaan mengubah keputusan membatalkan projek-projek tersebut. Setakat ini, kajian bagi empat projek penjanaan elektrik telah selesai dilaksanakan dan kementerian sedang dalam proses untuk mendapatkan keputusan kerajaan atas pembatalan projek-projek tersebut. Sebarang pengumuman berkaitan projek-projek yang akan dibatalkan akan dibuat pada masa yang sesuai. Terima kasih.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, menurut maklumat di bawah Akta Bekalan Elektrik, sehingga kini bilangan loji penjana kuasa yang dikendalikan oleh penjana bebas atau IPP ialah 21 buah di Semenanjung dan enam buah di Sabah. Selain itu, sehingga tahun 2017, TNB memiliki tujuh stesen jana kuasa hidro di seluruh negara dan memperoleh 19 buah stesen mini hidro di Semenanjung.

Soalan tambahan saya, adakah dengan pembatalan empat buah projek IPP ini akan mengalami risiko keselamatan tenaga dan ketidakcukupan untuk menampung keperluan tenaga bagi 10 tahun yang akan datang? Kedua, apakah kriteria lain yang dikenakan oleh kementerian ketika menentukan empat projek IPP tersebut dibatalkan tetapi bukan projek yang lain, di samping alasan melaksanakan proses pembidaan tidak terbuka, di mana

kebanyakan IPP ini juga akan menjual tenaga elektrik tersebut kepada TNB, dimaktubkan di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA)?

Akhir sekali, satu daripada meningkatkan kapasiti tenaga diperbaharui ialah keterbukaan monopoli TNB dalam sektor penjana tenaga diperbaharui. Maka, selaras dengan inisiatif kerajaan baharu iaitu mengurangkan isu monopoli dalam aset penting negara, apakah kementerian akan membuka peluang kepada lebih penjana swasta yang lain untuk bersaing dalam pasaran ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kaedah dan pendekatan yang digunakan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Untuk soalan pertama, untuk makluman, kerajaan sebelum ini telah anugerahkan banyak projek IPP secara rundingan terus sekitar sebelum pilihan raya. Jadi sekiranya IPP ini dibina, Malaysia akan mencapai 46 peratus rizab margin pada tiga hingga lima tahun kemudian dan ini jauh lebih tinggi daripada yang diperlukan. Sekiranya ini terjadi, maka pengguna akan terpaksa membayar lebihan kapasiti *payment*.

Untuk keterbukaan untuk swasta, kita melihat kepada keperluan pembinaan dan juga Kementerian MESTECC, kita mengamalkan *open tender* dalam mana-mana projek di bawah kementerian ini.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada mendengar sedikit tentang IPP yang mana kelebihan IPP tenaga yang disalurkan kepada pengguna bagi mengelakkan harga ditanggung oleh konsumen ataupun pengguna elektrik.

Tapi yang saya ingin bertanya tadi berkenaan dengan teknologi ataupun tenaga boleh diperbaharui sebab saya ingin bertanya dengan pihak Menteri dan pihak kerajaan, apakah perancangan yang hendak dibuat oleh pihak kerajaan melalui SEDA dan juga Suruhanjaya Tenaga dalam memastikan projek penjanaan tenaga boleh diperbaharui ini boleh dikembangkan dalam tempoh lima tahun? Sebab, kita tahu setiap enam bulan kerajaan akan mengkaji semula harga tarif elektrik melalui ICPT dan sebagai pengguna ataupun isi rumah, setiap bulan kita membayar 1.6 peratus kepada KWTTB. Akan tetapi pada baru-baru ini iaitu pada 1 Jun, telah berlaku kenaikan tarif harga.

Maka saya nak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah perancangan dalam masa tempoh jangka masa panjang bagi mengurangkan kebergantungan kerajaan ataupun sumber tenaga ini kepada sumber asli, sumber fosil tetapi digantikan dengan tenaga baharu bagi mengelakkan kenaikan harga barang atau kenaikan harga tarif elektrik dalam tempoh lima tahun akan datang? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Kita akan kaji dari segi teknikal dan pastikan bekalan elektrik ini mencukupi. Bagi soalan Yang Berhormat Senator, saya akan bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

**4. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Industri Utama menyatakan, apakah perancangan kerajaan dalam usaha menstabilkan harga pasaran getah dan apakah bentuk bantuan yang dapat diagihkan kepada pekebun-pekebun kecil bagi membantu mereka semasa kejatuhan harga komoditi getah.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam Malaysia baharu. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ada dua komponen penting di dalam soalan Yang Berhormat iaitu yang pertama adalah soal strategi ataupun perancangan kerajaan untuk menstabilkan harga getah, manakala yang kedua ialah apakah bentuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil.

Seperti komoditi lain juga, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan juga penawaran antarabangsa. Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi harga getah asli seperti prestasi niaga hadapan, harga minyak mentah, kadar pertukaran mata wang asing dan pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeluar dan pengimport utama getah dunia.

#### ■1040

Malaysia tidak mampu untuk bertindak bersendirian bagi mempengaruhi harga getah asli kerana *share* pengeluaran Malaysia hanyalah 5.5 peratus daripada jumlah pengeluaran getah dunia.

Bagi jangka masa panjang Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh kementerian bagi menstabilkan harga getah termasuklah meningkatkan penggunaan getah dalam negara sehingga 10 peratus daripada jumlah pengeluaran getah asli negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berdasarkan getah seperti *seismic bearings*, sarung tangan getah dan juga yang lain-lain.

Selain itu, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dengan izin, *R&D* ke arah menghasilkan dan mempelbagaikan produk-produk baru berdasarkan getah asli seperti tayar mesra alam dan hijau berdasarkan *ekoprena*, komponen getah automotif, bahan seni visual berdasarkan *latex*, terus dipertingkatkan termasuk menyediakan piawaian bagi produk-produk getah.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkuatkan lagi harga getah. Skim

kuota pengeksportan yang dipersetujui iaitu *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) merupakan mekanisme yang diwujudkan oleh ketiga-tiga negara ini untuk mengurangkan kesan pergolakan harga ketika mengalami trend ataupun keadaan penurunan yang mendadak. Dalam pada itu, negara-negara ITRC juga melaksanakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *supply management scheme* bagi mengawal pengeluaran getah asli.

Dalam maksud jawapan kepada soalan bantuan kepada pekebun kecil Yang Berhormat, pihak kerajaan sentiasa prihatin dan peka terhadap permasalahan yang dihadapi pekebun kecil getah terutamanya apabila berlaku ketidakstabilan harga pasaran yang bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah turut melibatkan semua negara pengeluar getah dunia.

Antara bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil getah terutamanya dalam mengurangkan beban pendapatan apabila berlaku kejatuhan harga getah adalah seperti berikut.

Pertama, kita melaksanakan yang disebut Insentif Pengeluaran Getah (IPG). IPG dilaksanakan bertujuan untuk menangani kesan kejatuhan harga getah ke atas pendapatan pekebun kecil, di samping menggalakkan pekebun kecil untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran.

Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata dua hektar dan produktiviti getah sekerap atau *cup lump*, dengan izin, sebanyak 3,000 kilo per hektar per tahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak *insya-Allah* RM1,100. Sehingga Julai Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 765,375 tuntutan telah diterima dan RM88.8 juta telah dibayar kepada pekebun kecil. Pendekatan ini membolehkan pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan semasa harga getah yang rendah.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, mekanisme penetapan harga di ladang. Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sejak Jun 2014 sebagai modal pusingan kepada koperasi yang terlibat di dalam aktiviti urus niaga getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi harga pembelian getah pada peringkat ladang. Sehingga kini, sebanyak 20 koperasi terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan harga pada purata RM0.10 hingga RM0.20 sekilogram sekerap ataupun *cup lump* lebih tinggi berbanding pembeli getah. Penglibatan koperasi ini tentunya akan menggalakkan pelesen-pelesen yang berdekatan bersaing untuk memberikan harga yang sepadan.

Ketiga, iaitu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, pemulangan semula kutipan Ses RM0.14 sekilogram pada pekebun kecil getah. Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah membuat kutipan Ses sebanyak RM0.14 sekilogram bertujuan untuk Skim Tanam Semula oleh RISDA dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Namun, kutipan Ses getah tersebut telah dipulangkan kepada pekebun kecil getah bagi meringankan beban pendapatan mereka semasa kejatuhan harga komoditi ini. Pemulangan Ses dilaksanakan apabila purata harga bulan SMR 20 FOB pada bulan sebelumnya mencecah di bawah paras RM5.50 sekilogram. Bayaran Ses ini akan disalurkan kepada pekebun kecil bersama-sama Insentif Pengeluaran Getah (IPG) tadi. Sebagai contoh, sekiranya harga purata SMR 20 FOB pada bulan Jun 2018 berada di bawah RM5.50 sekilogram, Ses akan dipulangkan pada kadar RM0.14 sekilogram bersama-sama tambahan IPG kepada pekebun kecil getah pada bulan berikutnya. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, apakah peranan yang boleh disumbangkan oleh *Rubber Research Institute* ataupun RRI agar hasil kajian pembangunan dan komersial getah dapat digunakan di sektor utama negara agar harga lebih tinggi dan stabil? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang penting ini. Bagi kerajaan dalam situasi hari ini, sememangnya kita menekankan kepada industri hiliran dan tentulah hasil-hasil kajian ini merupakan nilai tambah kepada pendapatan, khususnya pekebun-pekebun kecil. Misalnya saya sebutkan tadi soal, *rubber rice road*, kita melaksanakan dengan bersungguh-sungguh berkaitan dengan pembinaan jalan mengguna berdasarkan getah ini. Malah saya hendak sebut pada di dalam Dewan yang mulia ini, sepanjang tempoh projek ini dilaksanakan, pembinaan jalan rintis telah menunjukkan kita berjaya membuat jalan sepanjang 77.5 kilometer jalan berdasarkan getah ini. Ini tentunya hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Industri Utama dan tentunya kita akan kembangkan lagi dengan industri hiliran yang lain supaya pendapatan pekebun kecil itu dapat kita tambah. Ini komitmen kerajaan yang baharu ini. Terima kasih.

**5. Datuk Sambathan a/l Manickam** minta Perdana Menteri menyatakan, mengenai Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB), di mana ia telah menyediakan 1.5 bilion unit saham amanah kepada masyarakat India untuk tempoh 5 tahun bermula pada 29 Januari lalu di bawah pemerintahan bekas Perdana Menteri yang terdahulu. Persoalannya, adakah kerajaan akan terus menambah lagi jumlah unit saham kepada masyarakat India dalam tahun-tahun akan datang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk terus menambah ekuiti masyarakat India di dalam ekonomi negara seperti yang dinyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan.

Di bawah iltizam khusus untuk masyarakat India, satu dana khas untuk pembangunan sosial dan ekonomi warga India akan dibentuk dengan peruntukan sebanyak RM4 bilion untuk 10 tahun yang pertama. Dana ini akan dikhaskan untuk masyarakat India dan bertujuan untuk membantu membangunkan mereka dengan cara yang saksama. Modal awal dana ini akan dikumpulkan daripada sumbangan kerajaan serta sumbangan syarikat-syarikat milik kerajaan GLC dan syarikat swasta. Terima kasih.

**Datuk Sambathan a/l Manickam:** Soalan tambahan saya, menerusi Pelan Tindakan Masyarakat India atau *Malaysian Indian Blueprint*, apakah program di bawah pelan tersebut yang telah memberikan impak dan reaksi proaktif kepada masyarakat India yang tergolong dalam pendapatan rendah B40 ini?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sedang masih mengkaji segala program yang telah dijalankan di bawah pelan tindakan atau yang dikenali sebagai *Malaysian Indian Blueprint* (MIB) dan kerajaan kini sedang cuba memperbaiki usaha-usaha untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat India di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan Menteri yang telah pun memberikan berkaitan dengan masyarakat India. Dalam masa Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) yang ditubuhkan oleh kerajaan yang terdahulu, memang masyarakat India kagum dengan cadangan-cadangannya. Soalan saya adalah adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) ini ataupun mengkaji balik atau menggantikannya dengan pelan tindakan yang lain dalam usaha untuk memartabatkan masyarakat India di negara ini? Terima kasih.

## ■1050

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Untuk makluman Yang Berhormat, *Malaysian Indian Blueprint* sebenarnya adalah hasil daripada ataupun produk akibat daripada bekas Perdana Menteri yang lalu yang tidak menunaikan janji-janji beliau semasa pilihan raya 2013 yang lalu di mana beliau telah berjanji untuk menjalankan program-program khas untuk masyarakat India iaitu suatu MoU telah ditandatangani bersama dengan HINDRAF.

Akan tetapi selanjutnya apabila MIB dikemukakan oleh kerajaan yang terdahulu, banyak janji telah dibuat tetapi tidak dilaksanakan. Kerajaan kini sedang meneliti kembali *Malaysian Indian Blueprint* tersebut. Kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak NGO dan juga pihak-pihak berkepentingan lain untuk mendapatkan maklum balas sepenuhnya sebelum mengambil keputusan sama ada meneruskan dengan MIB tersebut ataupun sebelum menggantikannya dengan apa-apa pelan yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita sudah dengar proses *engagement* dengan beberapa pihak. Cuma soalan saya satu. Kalau kita tengok *Malaysian India Blueprint* semasa dia *launched* pada April 2017, sampai sekarang tidak dibentangkan di Parlimen.

Saya masih ingat semasa *launched* itu bekas Perdana Menteri dia cakap dia pakai perkataan ‘*verru peccu*’. So, pada saya sama ada proses kaji semula itu akan melibatkan pembentangan dalam Parlimen atau sekurang-kurangnya pada Kabinet. Kalau tidak, ia akan betul-betul jadi ‘*verru peccu*’ kalau tidak dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sebagaimana yang saya katakan tadi akan mengkaji kembali dan Kabinet akan membuat keputusan sama ada kajian tersebut ataupun apa-apa pelan yang baru akan dikemukakan di Parlimen kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan.

6. **Tuan Khairul Azwan bin Harun** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kepentingan UEC untuk diiktiraf sedangkan negara sudah mempunyai sistem peperiksaan yang cukup lengkap dan komprehensif.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sedia maklum bahawa pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) sebagai kelayakan masuk ke universiti awam (UA) tersenarai sebagai salah satu manifesto kerajaan baharu.

KPM berpandangan isu pengiktirafan UEC perlu dilihat secara menyeluruh dan sewajarnya keputusan tidak dibuat secara terburu-buru. Untuk tujuan ini, KPM menubuhan Jawatankuasa *Fact Finding*, dengan izin, bagi menjalankan kajian yang menyeluruh, mengumpulkan pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan secara konsensus dengan mengambil kira kepentingan bahasa Melayu. KPM akan memastikan isu UEC tidak menjelaskan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu serta tidak menjelaskan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara Malaysia yang kita cintai ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat... *[Disampuk]* Bukan Yang Berhormat, yang Berhormat duduk sekejap. Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Cuma saya ada soalan tambahan

iaitu adakah kerajaan bersungguh-sungguh bercadang untuk menjadikan subjek bahasa kebangsaan dan juga sejarah sebagai subjek wajib lulus apabila melaksanakan UEC kelak?

Apakah perbezaan mengiktiraf UEC dengan mengiktiraf sebagai contoh, sistem yang lain sebagai *A-Level* atau pun sistem-sistem yang ada yang diguna pakai di beberapa tempat institusi pendidikan. Apakah ia juga boleh diiktiraf sebagaimana kerajaan bercadang untuk mengiktiraf UEC? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan sebentar tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya setakat ini memang KPM, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerima IB dan juga *A-Level* sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan kepada UA. Jadi di sini, itu memang sudah dibuat.

Jadi saya rasa dalam pendirian Kerajaan Pakatan Harapan ini adalah satu perkara yang kita telah janji dalam manifesto. Jadi cara terperinci, itu terpulang balik kepada Jawatankuasa *Fact Finding* untuk selesaikan kajian barulah kita akan bentangkan cara ataupun pendekatan terperinci untuk pengiktirafan UEC ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Satu sahaja saya minta penjelasan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi apabila menyebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini bukan perbahasan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Betul. Sedikit *clarification*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti boleh jumpa Yang Berhormat Menteri dekat luar.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa, pengiktirafan UEC akan diberi dalam beberapa bulan atau dalam tahun ini sedangkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pula mengatakan memerlukan masa lima tahun.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kita perlu lima tahun sedangkan dalam seluruh negara pengiktirafan UEC telah pun dilakukan di negeri Sarawak dan sebagainya. Adakah kita mempunyai mana-mana insiden yang mengatakan bahawa pengiktirafan UEC ini akan menyebabkan porak-peranda negara. Sebenarnya tidak berlaku langsung. Janganlah setelah kita memberi janji dalam manifesto, setelah kita mendapat mandat baru kita memberi helah. Ini tidaklah ikhlas, tidak jujur dan tidak menghormati mandat rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Saya harap bahawa Yang Berhormat Senator fahamlah jawapan daripada

Yang Berhormat Menteri dalam Dewan Rakyat. Dalam jawapan beliau bukan menyatakan bahawa kita perlu lima tahun untuk menunaikan janji tersebut. Akan tetapi jawapan beliau adalah pengiktirafan UEC bukanlah janji 100 hari. Jadi maksudnya kita ada tempoh lima tahun untuk melaksanakan tetapi tidak semestinya kita perlu tunggu kepada tahun kelima. Jadi saya harap bahawa Yang Berhormat Senator janganlah putar belit tentang jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tersebut.

Saya rasa memang Kerajaan Pakatan Harapan, kita mengambil serius tentang janji-janji kita dalam manifesto. Saya juga ingin memperingatkan Yang Berhormat Senator daripada Barisan Nasional bahawa pengiktirafan UEC juga telah berkali-kali dijanjikan oleh bekas Timbalan Menteri Pendidikan dan juga bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bahawa pengiktirafan UEC mesti akan diselesaikan. Kalau tidak, beliau menyatakan bahawa beliau tidak akan keluar untuk bertanding lagi. Saya merujuk kepada Datuk Dr. Teo Kok Seong, dengan izin.

Jadi saya rasa tidak perlu risaulah. Saya cukup yakin bahawa kita akan mencari satu penyelesaian sempurna untuk selesaikan isu ini. Kalau Yang Berhormat Senator memang ikhlas dalam isu ini, saya harap Yang Berhormat Senator bolehlah bantu kita untuk meyakinkan rakan-rakan daripada UMNO terutamanya daripada parti UMNO bahawa UEC ini tidak sepatutnya menjadi satu isu perkauman. Sekian sahaja, terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Yang Berhormat, isi-isi...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ditanya saya pada awal tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk. Apa lagi Yang Berhormat?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tak, saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya minta *clarification* tadi. Saya tidak ada soalan tambahan pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya, tadi Yang Berhormat Menteri beritahu kata *A-Level* dan juga yang lain-lain itu sudah pun diiktiraf. Jadi, bolehkan Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah sistem dan peperiksaan lain yang telah pun diiktiraf selama ini untuk pelajar-pelajar supaya boleh masuk ke universiti-universiti awam. Saya hendak tahu itu Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya tanya tadi.

**Puan Teo Nie Ching:** Selain daripada STPM, kita ada matrikulasi dan kita juga ada asasi. Selain daripada itu, diploma lepasan UA ataupun daripada politeknik juga telah diterima. Selain daripada itu, kita masih ada Sijil Tinggi Agama Malaysia.

**■1100**

Jadi sebenarnya, untuk kelayakan daripada luar negeri untuk pelajar-pelajar antarabangsa, kalau kelayakan itu adalah setaraf dengan STPM, memang permohonan mereka boleh ditimbang oleh UA.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Menteri tadi yang menyebutkan bahawa UEC ini seolah-olah mesti dilaksanakan kerana janji Kerajaan Pakatan Harapan dalam manifesto. Jawapannya seolah-olah bersungguh-sungguh untuk melaksanakan kerana manifesto. Adakah nanti pihak Menteri ingin juga mengingatkan kementerian lain supaya beria-ia, bersungguh-sungguh menepati manifesto, termasuk pembatalan tol, harga minyak dan sebagainya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak payah jawab, Yang Berhormat Menteri tak payah jawab [*Ketawa*]

**7. Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, kajian tentang kes-kes yang dilaporkan bahawa kanak-kanak didera atau dipukul dan mengakibatkan kematian pada tahun 2017 dan kebanyakannya berlaku di tempat pengasuh yang tidak berdaftar. Berapakah jumlah kejadian begini yang berlaku pada tahun 2013-2018.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya adalah mengenai kajian yang pernah dilakukan mengenai kes penderaan kanak-kanak.

Kementerian memang memandang serius terhadap kes kanak-kanak yang dilaporkan didera atau dipukul dan mengakibatkan kematian. Bagi membantu kerajaan dalam pemahaman mengenai kes-kes penderaan ini, tiga kajian telah dilakukan pada tahun 2017 sebagai panduan serta sumber maklumat bagi menangani isu ini. Mengikut maklumat dalam sistem *MyResearch* Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat tiga kajian telah dilakukan oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengenai isu perlindungan kanak-kanak dan penderaan kanak-kanak. Tajuk-tajuk kajian adalah seperti berikut:

- (i) menangani masalah penderaan kanak-kanak di negeri Selangor;
- (ii) apakah punca berlakunya kekerapan penderaan fizikal kanak-kanak pada masa kini; dan
- (iii) hentikan penderaan terhadap kanak-kanak.

Penemuan kajian ini secara ringkasnya adalah faktor-faktor penyebab seseorang individu melakukan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak adalah seperti berikut:

- (i) kurang didikan agama di kalangan ibu bapa;
- (ii) masalah kewangan ataupun kemiskinan yang dihadapi sesebuah keluarga menyebabkan para ibu bapa berasa beban dan tertekan;

- (iii) gaya keibubapaan yang menggunakan kekerasan bagi mendisiplinkan anak;
- (iv) tekanan perasaan atau emosi yang tidak terkawal, masalah psikologi dan mental;
- (v) ibu bapa yang pernah menjadi mangsa dera;
- (vi) kurang pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan rumah tangga; dan
- (vii) pengaruh dadah dan alkohol.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2013 sehingga 2018, kes penderaan yang melibatkan pengasuh mempunyai jumlah sebanyak 1,483 kes. Bagi tahun 2013 hingga Jun 2018, sebanyak 29 kes kematian kanak-kanak berlaku di taska yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah tersebut, 13 adalah kes di taska berdaftar dan 16 kes adalah kes di taska tidak berdaftar. Manakala bagi tahun 2013 hingga Julai 2018, sebanyak 27 kes kematian kanak-kanak berlaku di rumah pengasuh yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bilangan pengasuh yang berkelayakan memberi implikasi terhadap jumlah taska yang berdaftar. Unjuran benci oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 menganggarkan jumlah kanak-kanak berusia 0 hingga 4 tahun pada tahun 2018 adalah seramai 2.3 juta orang.

Berdasarkan statistik ini, sekiranya kita beranggapan bahawa 50 peratus daripada kanak-kanak di Malaysia yang berusia 0 hingga 4 tahun memerlukan taska, maka negara kita memerlukan 38,333 buah taska bagi menampung jumlah kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun sedihnya statistik pendaftaran taska JKM menunjukkan bahawa bilangan taska yang berdaftar adalah sebanyak 4,302 buah sahaja iaitu 11 peratus sahaja daripada jumlah yang sepatutnya diperlukan.

Bilangan ini menunjukkan kekurangan yang amat jelas dari aspek keperluan dan ketersediaan taska di negara kita. Kekurangan bilangan pengasuh yang berkelayakan dan bilangan taska berdaftar akan memberi implikasi terhadap jaminan kualiti dan keselamatan anak-anak kita. Kementerian ini juga memandang serius kes ini dan telah pun melakukan pindaan undang-undang untuk kes penderaan, seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun. Denda dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000 atau kedua-duanya serta menjalani perintah khidmat masyarakat seperti hukuman mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga ada melakukan banyak tindakan penguatkuasaan untuk memastikan kita menyelesaikan ataupun memantau taska-taska yang tidak berdaftar. Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan taman asuhan yang

dikendalikan oleh pengusaha berada di tahap keselamatan yang tinggi, JKM menjalankan pemantauan ke taska berkaitan. Di antara bentuk pemantauan yang kita lakukan adalah:

- (i) menjalankan aktiviti pengesanan taska tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM. Kami juga melakukan Jom Daftar *roadshow*;
- (ii) menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke taska oleh pegawai yang diberi kuasa;
- (iii) mengambil tindakan penguatkuasaan seperti di dalam peruntukan Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 seperti arahan bertulis, tutup sementara, batal pendaftaran, lak, kompaun dan menjalankan pendakwaan di mahkamah. Bagi taska tidak berdaftar, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah lak, kompaun dan pendakwaan. Manakala bagi taska yang berdaftar, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah arahan bertulis, tutup sementara, batal pendaftaran, lak, kompaun dan pendakwaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sejak tahun 2014 sehingga tahun 2018 adalah sebanyak 483 tindakan penguatkuasaan. Terima kasih.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu baik sekali. Soalan tambahan saya, bagaimana kerajaan menggunakan Daftar Kanak-kanak yang diwujudkan di bawah Akta Kanak-kanak dengan secara maksimum bagi memastikan bahawa individu yang memiliki rekod jenayah seksual, rekod mahkamah dan rekod polis, tidak terlibat secara langsung dengan kanak-kanak, terutama di taska dan tempat pengasuh. Sekian, terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang baik sekali. Oleh kerana kes ini merupakan satu fokus untuk kementerian ini sejak kematian *baby Adam* pada bulan lepas. Kementerian ini sekarang sedang melaksanakan tiga pindaan undang-undang yang kami hendak laksanakan semenjak *baby Adam* meninggal. Pertamanya adalah untuk Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 akan dipinda untuk mengawal selia pengasuh. Buat masa sekarang, kalau pengasuh itu mempunyai empat kanak-kanak ke atas, baru perlukan pendaftaran. Jadi, kita hendak mengawal selia yang menjaga kurang daripada empat orang kanak-kanak dan kita telah mulakan *workshop* dan *lab* untuk mengambil pandangan semua pihak, *stakeholders* untuk membuat pindaan ini.

Daftar Kanak-kanak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah satu Daftar Kanak-kanak sedia ada dalam akta kanak-kanak tetapi berdasarkan penemuan kita,

Daftar Kanak-kanak ini tidak menyeluruh. Kita telah *check* dan dalam Daftar Kanak-kanak itu, nama pesalah hanya kita mempunyai lebih kurang 300 nama sahaja.

Kenapa kita mempunyai kekangan untuk mendapatkan nama semua ini adalah, setiap kali kita ada satu permohonan daripada- saya bagi contoh, sekolah ataupun taska, mereka hendak mengasuh cikgu baru, mereka hendak *check* dengan Daftar Kanak-kanak. JKM kena tulis surat kepada mahkamah, kena tulis surat kepada polis untuk dapatkan *update*. Proses ini mengambil masa untuk mendapatkan maklum balas. Jadi, kementerian ini sekarang hendak membuat pindaan kepada Akta Kanak-kanak kita untuk memperkasakan Daftar Kanak-kanak dengan pendaftaran secara automatik.

Jadi, kita memerlukan pertolongan daripada pihak mahkamah, pihak polis. Kita telah pun berbincang dengan mereka, satu mesyuarat pertama telah pun dipanggil. Pihak mahkamah mereka bersedia tetapi mereka juga mempunyai kekangan kerana *online system* mereka sekarang hanya melibatkan lapan mahkamah dan mahkamah-mahkamah lain adalah secara manual, pihak polis juga. Jadi, sekarang ini kalau kita lihat, kita hendak *upgrade* semua sistem ini, kita memerlukan bajet. Memandangkan Menteri Wanita kita merupakan Timbalan Perdana Menteri, kes ini telah pun mendapat fokus dan perhatian kementerian kita untuk memperkasakan.

## ■1110

Kementerian ini melihat, ini adalah wang yang harus dibelanjakan kerana melibatkan aset negara iaitu kanak-kanak. Sebanyak 30 peratus daripada populasi negara adalah kanak-kanak dan kita perlu menyelesaikan masalah ini.

Jadi daftar kanak-kanak ini setelah kita perkasa masa depan nanti, kita hendak membolehkan sesiapa sahaja yang berurusan dengan kanak-kanak sama ada mereka adalah *transporter* ataupun cikgu sekolah ataupun cikgu tuisyen. Ibu bapa boleh *check* dengan daftar kanak-kanak ini untuk melihat sama ada mereka mempunyai rekod jenayah ataupun rekod *complaint sexual* ataupun kesihatan mental mereka juga harus kita masukkan dalam daftar kanak-kanak. Itu adalah matlamat kementerian kita dan kita sudah mulakan proses untuk melihat bagaimana kita boleh memperkasakan daftar kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat Menteri, jawapan yang baik. Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai taska khas untuk kanak-kanak yang kurang upaya. Terdapat dua jenis taska khas ya. Satu khas hanya untuk kanak-kanak OKU dan juga taska berintegrasi yang mengandungi kanak-kanak biasa dan juga kanak-kanak OKU.

Soalan saya adalah, adakah kementerian akan memberi perhatian yang khusus apabila mengambil pengasuh? Khususnya untuk yang mempunyai latihan yang khusus bagaimana untuk menjaga kanak-kanak OKU. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya penderaan ataupun apa-apa yang tidak diingini dari berlaku. Jadi ini harus diberi perhatian yang teliti. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan bagus mengenai keperluan kanak-kanak OKU. Namun, kerana ia berbeza daripada soalan pokok, saya tidak ada informasi tersebut dan saya akan dapatkan secara bertulis untuk Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kemungkinan Yang Berhormat Menteri tidak mengetahui, saya selaku aktivis dadah dan kita mendapat laporan dan kajian. Baru-baru ini kita mendapat laporan bahawa di *flat* yang dua bilik ini, di mana *hotspot* untuk dadah ini di antara jam 8.30 hingga 11 malam, kanak-kanak ini diminta turun ke bawah oleh ibu bapa mereka dan tidak ada aktiviti di bawah. Ini kerana, 8.30 antara pukul 11 malam ini mak bapak hendak buat projek. Projek mak bapak. Ini kerana, rumah dua bilik. Jadi, berlaku di antara 8.30 malam itu sekiranya saya *consider* sebagai penderaan kanak-kanak boleh dikategorikan penderaan kanak-kanak. Ini kerana, kanak-kanak ini diminta turun dan tidak ada aktiviti yang dibuat oleh rumah-rumah pangsa tersebut.

Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan perkara ini? Apakah tindakan yang akan diambil di antara 8.30 hingga 11 malam di *flat* dua bilik ini? Mereka tidak ada *choice* Yang Berhormat Menteri. Mereka terpaksa minta anak-anak turun ke bawah... *[Disampuk]* Projek ibu bapa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri ini soalan di luar dari soalan pokok.

**Puan Hannah Yeoh:** Agak susah. Agak susah untuk saya jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan ini, macam mana hendak *consider* dera ini? Kena turun. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**8. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kemajuan pencapaian manifesto Pakatan Harapan untuk 100 hari, dan apakah langkah-langkah untuk menyelesaiannya selama satu tahun?

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 100 hari pertama dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, tumpuan diberi untuk melaksana 10 janji seperti mana yang termaktub dalam Buku Harapan. Lima janji telah dilaksanakan secara berperingkat, manakala lima janji lagi masih dalam tindakan.

Di samping 10 janji ini, kerajaan juga komited untuk menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan, *stateless Indians*. Melalui jawatankuasa khas, isu dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan masyarakat bukan India yang di pengurus oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Kerajaan akan memastikan manifesto ini dipantau dan diselaraskan bagi menunaikan janji dalam Buku Harapan sebaik mungkin. Malahan, Kerajaan Pakatan Harapan sentiasa komited untuk merealisasikan kesemua sepuluh janji tersebut atas dasar akauntabiliti kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab isu ini menjadi isu yang hangat dan macam-macam pandangan dalam media. Antara yang paling positif dengan yang paling negatif, pertengahan, ada yang objektif, ada yang emosi, ada yang mempunyai persepsi kerana mempunyai kelainan faham politik dan sebagainya.

Jadi, soalan saya mudah sahaja iaitu agak-agaknya dalam masa setahun ini, perkara yang sepuluh itu apa agaknya dari segi prioriti yang boleh diselesaikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Soalan yang mudah, jawapan pun *insya-Allah* mudah. Saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, sepuluh-sepuluh itu adalah prioriti kami. Cumanya, kita hendak memastikan bahawa kita dapat laksanakan seberapa cepat yang mungkin. Sebenarnya, sudah pun laksanakan secara berperingkat. Cumanya, ada perkara-perkara yang kita mungkin perlukan sedikit masa itu kerana kita hendak memastikan segala pelaksanaan itu dapat berjalan dengan baik dan dapat menguntungkan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Antara janji-janji manifesto Pakatan Harapan, yang amat menarik rakyat khususnya rakyat bawahan ialah pemansuhan kutipan tol. Ini telah pun jelas satu pembatalan janji manifesto Pakatan Harapan. Saya cuma hendak tanya, adakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk mengadakan lebuh raya ataupun jalan raya tanpa kutipan tol sebagai perancangan jangka masa panjang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan tersebut. Cumanya saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Senator lah, bahawa soalan yang asal berkaitan dengan 100 hari. Sedangkan kutipan tol ini,

menghapuskan tol ini tidak termasuk di dalam janji 100 hari. Jadi, kalau hendak tanya soalan tambahan, baiknya kena tengok dahulu soalan asal. Ini sebagai satu *guidance* lah.

Akan tetapi, bagaimanapun saya hendak beritahu kita juga komited untuk lima tahun itu dan *insya-Allah* sedang ada dalam perkiraan kerajaan yang sekarang. Jangan takut Yang Berhormat, segala janji yang kita nyatakan dalam buku ini kita akan cuba laksanakan sebaik mungkin. Kita adalah kerajaan yang komited untuk tunaikan janji. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan. Sekian sajalah, silakan Setiausaha.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## USUL

### USUL JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.19 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan Dewan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

**[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]**

■1120

USUL

**MENDAHULUKAN URUSAN KERAJAAN DI BAWAH P.M 13(1) DAN 13(2)**

**11.20 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:**  
Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 13(1) dibaca bersama-sama Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa perbahasan ke atas D.R.10/2018 Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018; D.R.11/2018 Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018; D.R.9/2018 Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018; D.R.12/2018 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018; D.R.13/2018 Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018; D.R.15/2018 Rang Undang-undang Perbekalan (Menguntukkan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018; D.R.14/2018 Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018; D.R.16/2018 Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018; dan D.R.17/2018 Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018, didahulukan sebagai No. 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, namun tertakluk kepada Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah dibahaskan mulai hari Selasa, 28 Ogos 2018.”

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.22 pg.**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai jualan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 yang dicadangkan tersebut adalah bagi membolehkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Saya bagi pihak kerajaan baharu membentangkan rang undang-undang Kerajaan Pakatan Harapan yang pertama, yang bertujuan menyejahterakan rakyat dengan meringankan beban cukai melalui penggantian GST dengan SST, telah memenuhi mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Persekutuan melalui pemansuhan GST dan pengenaan semula SST. Saya ingin tekankan empat teras utama iaitu:

- (i) kesejahteraan rakyat perlu diberi keutamaan dalam memperkenalkan mana-mana sistem cukai;
- (ii) Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan wang kepada rakyat dan ini akan membantu pertumbuhan ekonomi;
- (iii) tekanan harga ke atas rakyat di bawah SST adalah hanya separuh daripada kesan GST; dan
- (iv) aliran tunai untuk perniagaan akan dipermudahkan di bawah SST.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menjangkakan kutipan cukainya akan berkurangan sebanyak RM17 bilion selepas pemansuhan GST dan pengenalan SST diambil kira berbanding dengan bajet asal bagi tahun ini. Pengurangan kutipan cukai ini bermakna bebanan cukai ke atas rakyat akan berkurangan. Dengan erti kata lain, Kerajaan Persekutuan akan memulangkan RM17 bilion kepada rakyat semula pada tahun ini dan secara langsung menyejahterakan rakyat Malaysia.

Pengurangan kutipan dan bebanan cukai ini dapat lebih difahami dengan melihat kepada jumlah barang dan perkhidmatan yang dicadangkan untuk di cukai di bawah SST. Cukai SST hanya merangkumi 38 peratus daripada bakul barang dan perkhidmatan Indeks Harga Pengguna sahaja berbanding dengan GST iaitu lebih besar sebanyak 60 peratus.

Tambahan lagi dalam sub komponen CPI berkenaan, pembekalan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api hanya 28 peratus barang dan perkhidmatan di cukai di bawah cukai SST. Manakala 59 peratus barang dan perkhidmatan telah dikenakan cukai GST.

Apa yang jelas di sini adalah jumlah barang dan perkhidmatan yang di cukai di bawah SST adalah jauh lebih rendah daripada jumlah barang dan perkhidmatan yang di cukai di bawah GST. Semua ini bermakna kuasa membeli pengguna akan meningkat. Malah terdapat 5,443 barang yang tidak dikenakan SST dan ini adalah 10 kali ganda lebih besar daripada jumlah jenis barang yang dikecualikan daripada GST.

Pada masa yang sama, tahap nilai ambang jualan tahunan bagi tujuan pendaftaran cukai jualan juga akan dinaikkan kepada RM500,000 setahun berbanding dengan paras nilai ambang cukai jualan yang lama pada RM100,000. Ini bagi membolehkan pengilang kecil beroperasi tanpa dikenakan cukai ini.

Dengan peningkatan nilai ambang ini, Kerajaan Persekutuan menjangka hanya sebanyak 27,456 pengilang perlu berdaftar di bawah cukai jualan berbanding dengan 32,725 pengilang di bawah GST. Dengan ini sebahagian besar pengilang akan terkeluar daripada skop cukai jualan dan ini akan mengurangkan kos pematuhan dan pentadbiran cukai kepada pengilang-pengilang tersebut yang bersaiz kecil.

Satu lagi faktor yang perlu ditekankan adalah betapa rendah cukai tidak langsung yang akan diserap oleh pengguna. Jika sesuatu barang tersebut dikenakan cukai jualan, ia akan berkadar kosong peratus, lima peratus atau 10 peratus bergantung kepada jenis barang. Oleh kerana cukai jualan adalah cukai yang seperingkat yang hanya dikenakan sekali atas pengilang, pengguna sebenarnya akan hanya berdepan kadar cukai yang lebih rendah daripada kadar yang digunakan. Sebagai contoh, kadar 10 peratus cukai jualan yang dikenakan ke atas pengilang hanya bersamaan dengan kadar efektif lebih kurang enam peratus di bawah GST. Perlu diingatkan di sini bahawa cukai jualan juga dikenakan pada lima peratus dan kadar efektifnya boleh di banding dengan kadar lebih kurang tiga peratus di bawah GST.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat sebahagian besar barang keperluan asas seperti beras, ikan, daging, ayam, sayur-sayuran dan ubat-ubatan tidak akan dikenakan cukai jualan. Ini termasuk juga motosikal berkapasiti di bawah 250cc dikecualikan daripada dikenakan cukai jualan. Basikal pun dikecualikan cukai jualan SST. Satu aspek yang ditimbangkan semasa model SST terbaru ini dibentuk adalah kesannya terhadap kaum wanita. Kerajaan sedar akan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita.

Kerajaan mencadangkan barang asas untuk wanita termasuk tuala wanita, *sanitary pad* yang sebelum ini dikenakan cukai GST sebanyak enam peratus diberikan pengecualian

daripada dikenakan cukai jualan. Keluarga baharu juga akan dipelihara di bawah SST seperti lampin bayi, makanan bayi serta botol susu di cadang untuk tidak dikenakan cukai. Antara barang lain yang dicadangkan dikecualikan adalah susu segar biasa dan berperisa serta makanan asas yang diproses termasuk ikan masin dan udang kering. Ini berbeza sekali daripada sistem GST sebelum ini. Pengurangan kos kekeluargaan ini diharapkan dapat mengekalkan profil demografi bagi Malaysia yang muda untuk masa akan datang.

Malah, cukai GST merupakan satu cukai pelbagai peringkat yang menyeluruh dan dikenakan kepada barang bayi dan juga barang yang diperlukan pada masa tua. Malaysia sekarang mengalami proses penuaan dan kebajikan warga emas akan menjadi lebih penting di masa hadapan. Di bawah cukai jualan seperingkat yang baharu, barang yang diperlukan oleh warga emas seperti lampin dewasa dan peralatan perubatan tertentu termasuk kerusi roda dan tongkat dicadangkan dikecualikan daripada dikenakan cukai SST. Sebelum ini, semua barang ini dikenakan GST.

#### ■1130

Ramai tertanya sama ada pemansuhan GST dan pengembalian semula SST dapat mengurangkan beban sara hidup rakyat. Saya ingin menyatakan di sini yang pengenalan semula cukai SST tidak akan membebankan pengguna seperti yang berlaku dengan cukai GST. Disebabkan jumlah bebanan cukai yang berkurangan, jumlah rendah barang dan perkhidmatan yang dicukai, jumlah pendaftar yang kecil, penyelesaian kepada masalah aliran tunai perniagaan serta nilai ambang bagi tujuan pendaftaran yang tinggi, Kerajaan Persekutuan berpendapat kadar inflasi akan terkawal dan peningkatan ini tidak setinggi seperti yang berlaku semasa GST diperkenalkan. Sekiranya ada kenaikan harga, impak SST dijangka hanya separuh daripada kenaikan yang disebabkan oleh GST.

Kerajaan Persekutuan juga melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengambil langkah berjaga-jaga dan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi menghalang mana-mana pihak daripada mengambil peluang mengaut keuntungan tidak munasabah, hanya kerana pengenalan semula SST.

Pada masa yang sama, pengenaan GST pada kadar sifar mulai 1 Jun telah terbukti berjaya mengurangkan peningkatan harga pengguna iaitu Indeks Harga Pengguna atau CPI telah jatuh kepada hanya 0.8 peratus dalam bulan Jun berbanding dengan 1.8 peratus pada bulan Mei tahun ini.

Pemberian pelepasan cukai atau *tax holiday* kepada pengguna daripada 1 Jun hingga 31 Ogos juga telah menggalakkan rakyat untuk berbelanja lebih. Sebagai contoh, pembelian kereta bagi bulan Jun telah naik sekurang-kurangnya 28 peratus tahun ke tahun. Malah, mengikut laporan MIDF, sesetengah pengedar telah berhenti mengambil pesanan kerana permintaan yang terlampau tinggi yang tidak dapat dipenuhi. Permintaan terhadap barang

lain dijangka terus berkembang dengan baik walaupun cukai jualan dikenakan kerana bebanan cukai SST ke atas pengguna adalah hanya separuh daripada beban cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan GST dan pengenalan semula SST dijangka akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi dalam negara. Ini dapat diperoleh menerusi pengurangan beban cukai yang ditanggung oleh rakyat dan seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Bank Dunia telah menganggarkan pengurangan beban cukai ini akan meningkatkan pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 0.2 mata peratusan. Modal cukai jualan yang dicadangkan ini juga akan memastikan eksport barang Malaysia berdaya saing melalui beberapa kemudahan yang disediakan kepada pengilang berdaftar termasuk kemudahan input bebas cukai. Keyakinan pengguna juga meningkat dan ini akan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi.

Indeks Sentimen Pengguna yang dikeluarkan oleh *Malaysia Institute of Economic Research* (MIER) telah meningkat kepada 132.9 mata pada suku kedua 2018 berbanding dengan 91 mata pada suku pertama tahun yang sama iaitu peningkatan sebanyak 41.9 mata daripada suku ke suku. Ini adalah satu peningkatan yang menakjubkan kerana merupakan paras yang tertinggi dalam masa 21 tahun sejak tahun 1997. MIER juga melaporkan indeks keadaan perniagaan yang dihasilkan institut tersebut telah meningkat kepada 116.3 mata pada suku kedua tahun 2018 berbanding 98.6 mata pada suku pertama. Ini juga merupakan paras yang tertinggi dalam masa 13 suku yang lepas.

Pada masa yang sama, akhbar peniagaan antarabangsa, *Financial Times* juga melaporkan bahawa Indeks Sentimen Ekonomi mereka untuk Malaysia telah naik dengan begitu signifikan sekali kepada 80 mata pada suku kedua berbanding dengan hanya 37 mata pada suku pertama tahun ini setelah berlakunya perubahan kuasa di Malaysia. Ini juga merupakan paras tertinggi yang dicapai di Malaysia sejak *Financial Times* buat pertama kali menerbitkan indeksnya pada tahun 2013. Peningkatan lebih sekali ganda.

Untuk para peniaga khasnya, mereka tidak perlu lagi risau tentang tuntutan cukai input GST yang tidak berbayar lagi. Cukai jualan tidak bergantung kepada pengembalian cukai input seperti cukai pelbagai peringkat GST. Kerajaan Persekutuan faham yang tuntutan GST yang tidak dibayar ini telah mengganggu aliran tunai para peniaga dengan teruk. Tuntutan ini dijanjikan akan dipulangkan dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan dalam undang-undang tetapi hakikatnya adalah tuntutan yang tidak berbayar tertunggak sejak 2015. Masalah ini tidak akan berulang di bawah cukai jualan ini kerana ia adalah cukai seperingkat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan cukai jualan yang baharu akan mengekalkan model dan skop berkenaan berasaskan kepada Akta Cukai Jualan 1972. Namun begitu, berdasarkan kepada penelitian oleh Kementerian Kewangan dan

maklum balas yang dikemukakan oleh para perunding percukaian profesional yang telah dilantik, beberapa penambahbaikan kepada model dan skop berkenaan sedia ada perlu dibuat bagi memudahkan pentadbiran cukai, mengurangkan kos perniagaan dan meminimumkan kelemahan yang terdapat di dalam sistem percukaian seperingkat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Di antara penambahbaikan yang dibuat termasuklah penyeragaman nilai ambang bagi pendaftaran mandatori pengilang kepada RM500,000. Di bawah perundangan cukai jualan terdahulu, nilai ambang yang lama adalah RM100,000 seperti yang saya maklumkan tadi. Nilai ambang RM500,000 ini akan turut terpakai bagi pengilang yang membuat aktiviti sub-pengilangan yang mana dahulunya dikenakan nilai ambang pendaftaran sebanyak RM20,000 sahaja. Selain itu, kemudahan input bebas cukai akan terus diberikan kepada pengilang seperti mana pelaksanaan cukai jualan terdahulu melalui pengecualian cukai. Pengecualian cukai akan diberikan ke atas pembelian bahan mentah, komponen bahan pembungkusan dan *manufacturing aids* atau kelengkapan pembuatan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar.

Di bawah SST yang dahulu, pengecualian bahan mentah dan komponen dibuat secara manual dan ia mengambil masa yang panjang untuk membuat semakan dan kelulusan. Kerajaan sekarang percaya peniaga-peniaga mempunyai tahap keyakinan dan kepercayaan yang tinggi terhadap kerajaan dan tidak berhasrat untuk lari atau mengelak daripada membayar cukai.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil pendekatan baharu di mana pengilang-pengilang yang dileSENKEN di bawah Akta Cukai Jualan perlu memohon pengecualian melalui atas talian atau *online* ke atas bahan mentah dan komponen. Kelulusan pengecualian ini akan diberi secara automatik tanpa apa-apa semakan atau tapisan. Namun begitu, pengilang adalah dinasihatkan supaya tidak mengambil kesempatan atas kelulusan automatik ini dan Jabatan Kastam Diraja akan membuat semakan ke atas pengecualian yang diberi kemudian.

Dalam memastikan pengilang dapat mengenakan cukai jualan pada tarikh berkuat kuasa, pengilang yang merupakan *registered GST* yang telah dikenal pasti akan didaftarkan secara automatik oleh Ketua Pengarah Kastam, tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan. Mana-mana orang yang layak berdaftar dikehendaki berdaftar sebelum 1 September 2018 dan mengenakan cukai jualan mulai 1 September 2018 iaitu tarikh kuat kuasa yang dicadangkan ke atas akta ini.

Sekiranya ada mana-mana pihak yang salah daftar, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan bantu mereka untuk keluar daripada senarai pendaftaran. Kita tidak akan memaksa mereka yang tidak layak dikenakan SST, diwajibkan bayar SST. Pendekatan sedemikian di

mana kita berikan kepercayaan kepada pembayar cukai, kita harap bahawa mereka pun akan bersikap jujur dan benar. Ini kerana sekiranya semakan dibuat bahawa pengecualian yang diberikan kepada mereka secara automatik adalah tidak benar, maka tindakan akan diambil oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, di mana klausula-penalti pun telah disenaraikan di bawah rang undang-undang ini. Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini.

#### ■1140

Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 mengandungi 109 fasal yang dibahagikan kepada 13 bahagian seperti berikut.

Bahagian I – Permulaan. Terdapat 3 fasal di dalam bahagian permulaan seperti berikut.

Fasal 1 mengatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Jualan 2018 dan menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi keseluruhan akta dan tarikh kuat kuasa berlainan bagi pengenaan dan kutipan cukai.

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 menjelaskan definisi pengilangan bagi maksud akta ini ke atas perkara yang tidak berkaitan petroleum di mana ianya melibatkan penukaran sesuatu bahan organik atau bukan organik kepada keluaran baharu sama ada secara manual atau mekanikal dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, jenis atau kualiti bahan itu. Ini termasuklah pemasangan bahagian berlainan supaya menjadi suatu jentera atau keluaran lain, selain bagi maksud pembinaan. Manakala bagi pengilangan berkaitan petroleum, ianya melibatkan proses pengasingan, pembersihan, penapisan, penukaran dan pengadunan.

Bahagian II – Pentadbiran. Bahagian ini mengandungi empat fasal, bermula daripada fasal 4 hingga 7. Fasal ini berkaitan dengan pentadbiran cukai jualan oleh pihak yang diberikan kuasa di bawah akta ini, antaranya:

- (i) melibatkan kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai jualan;
- (ii) semua pegawai yang menjalankan tugas berkaitan cukai jualan adalah penjawat awam; dan
- (iii) keperluan bagi pegawai untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan mereka dan kerahsiaan maklumat.

Bahagian III – Pengenaan dan Skop Cukai Jualan. Bahagian ini yang mengandungi fasal 8 hingga 20 adalah berkenaan pengenaan dan skop cukai jualan yang mana fasal 8 menyatakan cukai jualan akan dikenakan ke atas semua barang bercukai:

- (a) yang di kilang di Malaysia oleh orang kena cukai dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya; atau
- (b) diimport ke Malaysia oleh mana-mana orang.

Fasal 9 menetapkan kaedah dalam menentukan nilai barang bagi tujuan pengiraan cukai jualan. Secara amnya, nilai barang yang dijual atau di kilang adalah ditentukan berdasarkan peraturan yang akan ditetapkan di bawah akta ini. Manakala nilai barang yang diimport pula akan mengambil kira nilai barang tersebut bagi tujuan duti kastam termasuk nilai duti kastam dan duti eksais yang terlibat.

Fasal 10 pula berkaitan kadar cukai jualan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Secara amnya, kadar standard bagi cukai jualan adalah 10 peratus manakala kadar lima peratus ditetapkan bagi barang seperti makanan diproses serta kelengkapan bangunan. Kadar spesifik perlu ditetapkan bagi produk petroleum.

Fasal 11 menetapkan tentang masa bila cukai jualan boleh dikenakan dan dibayar. Barang yang diserahkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa akta ini tetapi jualan telah dibuat di antara 1 Jun 2018 sehingga berkuat kuasanya akta ini adalah tertakluk kepada cukai jualan. Fasal ini juga menentukan layanan cukai apabila berlakunya pemberhentian perniagaan.

Bahagian IV – Pendaftaran. Bahagian ini yang mengandungi fasal 12 hingga 20 adalah berkenaan keperluan pendaftaran bagi orang kena cukai dan lain-lain jenis pendaftaran yang dibenarkan yang mana: fasal 12 memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menentukan nilai ambang jualan tahunan bagi tujuan pendaftaran secara mandatori bagi pengilang. Penentuan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan di dalam warta. Nilai ambang yang dicadangkan adalah RM500,000 setahun, termasuklah bagi pengilang yang membuat aktiviti sub-pengilangan.

Fasal 13 menyatakan bahawa pengilang yang bertanggungjawab untuk berdaftar seperti di fasal 12 perlu memohon untuk berdaftar menggunakan borang yang ditetapkan sebelum hari terakhir bulan berikutnya. Tarikh pendaftaran pula secara asasnya akan bermula pada hari pertama selepas bulan beliau membuat permohonan. Kegagalan pengilang untuk berdaftar adalah satu kesalahan.

Selain itu, bahagian ini juga adalah berkaitan dengan:

- (a) pendaftaran secara sukarela oleh orang yang tidak bertanggungan untuk berdaftar;
- (b) kuasa Ketua Pengarah untuk mengarahkan orang bercukai dilayan sebagai orang bercukai tunggal sekiranya didapati menjalankan pemisahan aktiviti perniagaan secara tiruan atau *artificial*;

- (c) pendaftaran untuk perniagaan secara perkongsian tetapi ianya tidak terpakai untuk *limited liability partnership*;
- (d) penentuan berakhirnya tanggungan untuk berdaftar;
- (e) pemberitahuan pemberhentian tanggungan oleh orang berdaftar;
- (f) pembatalan pendaftaran; dan
- (g) pengecualian daripada mendaftar melalui warta oleh Menteri Kewangan.

Bahagian V – Perakaunan, Penilaian Taksiran dan Pengambilan Balik. Bahagian ini yang bermula daripada fasal 21 hingga 34 adalah mengenai perkara melibatkan perakaunan, penilaian, pengambilan yang berkaitan dengan cukai jualan. Secara amnya, bahagian ini menerangkan:

- (i) tanggungjawab orang berdaftar mengeluarkan invois yang mana invois tersebut perlu mempunyai butiran seperti yang ditetapkan, antaranya nama pengilang dan kadar serta amaun cukai yang terlibat;
- (ii) tanggungjawab menyimpan rekod yang lengkap dan betul sama ada dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris dan rekod tersebut perlu disimpan selama tujuh tahun;
- (iii) tempoh bercukai iaitu selama dua bulan atau lain-lain tempoh seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (iv) kewajipan untuk menghantar penyata serta membuat pembayaran cukai tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya;
- (v) kuasa Ketua Pengarah untuk menaksir amaun cukai yang perlu dibayar jika sekiranya seseorang itu gagal mendaftar, gagal mengemukakan penyata atau mengemukakan penyata yang tidak betul atau lengkap;
- (vi) kuasa Ketua Pengarah untuk mendapatkan semula apa-apa cukai jualan yang kena dibayar sebagai hutang sivil, menetapkan balik pembayaran awal bagi orang kena cukai yang berkemungkinan akan keluar negara serta memohon untuk menghalang mana-mana orang dari meninggalkan negara; dan
- (vii) perkara mengenai bayaran secara ansuran, penahanan barang dalam kawalan kastam eksais sehingga cukai jualan dijelaskan serta tanggungjawab Pengarah.

Bahagian VI – Pengecualian Bayaran Balik, Tarik Balik dan Remisi. Tuan Yang di-Pertua, bahagian ini yang mengandungi fasal 35 hingga 41 memerihalkan kuasa Menteri Kewangan untuk memberikan pengecualian cukai jualan ke atas barang atau sesuatu kelas barang dari dikenakan cukai jualan atau mengecualikan mana-mana orang dari membayar

cukai jualan. Selain itu, Menteri Kewangan juga diberi kuasa untuk mengecualikan pengilang berdaftar daripada mengenakan dan mengutip Cukai Jualan.

Bahagian ini turut menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk membuat bayaran balik dan remisi cukai. Selain itu, bahagian ini menjelaskan kuasa Ketua Pengarah untuk membuat bayaran balik atau mengutip semula cukai melibatkan barang yang dihapus kira akibat hutang lapuk termasuk sekiranya terdapat cukai yang terkurang, terlebih atau tersalah bayar. Bahagian ini turut menerangkan berkenaan kemudahan tarik balik cukai atau *draw back*, ke atas barang untuk tujuan eksport kecuali petroleum.

Bahagian VII – Ketetapan. Bahagian ini mengandungi enam fasal bermula dari fasal 42 hingga 47. Bahagian ini berkenaan perkara berkaitan ketetapan umum dan ketetapan Kastam iaitu:

- (i) ketetapan umum yang memerihalkan takrifan Ketua Pengarah mengenai pemakaian mana-mana peruntukan di dalam akta ke atas mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti perniagaan; dan
- (ii) ketetapan Kastam yang boleh dibuat di bawah kuasa Ketua Pengarah berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang ke atas perkara berikut:
  - (a) pengelasan barang;
  - (b) penentuan orang kena cukai;
  - (c) prinsip yang diguna pakai bagi menentukan nilai barang; atau
  - (d) perkara lain seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### ■1150

- (iii) selain itu, bahagian ini turut menerangkan bahawa ketetapan kastam boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah atas sebab-sebab tertentu dalam situasi berlakunya dua ketetapan kastam dikeluarkan atas perkara yang sama. Ketetapan tersebut akan dianggap batal dan tidak sah dan perlu dimaklumkan kepada Ketua Pengarah.

Bahagian VIII – Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan. Bahagian ini yang mengandungi fasal 48 hingga 54 adalah berkaitan layanan cukai jualan yang terpakai di kawasan yang ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman. Secara amnya, cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang dikilangkan di kawasan tersebut.

Selain itu, cukai jualan juga tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport dari atau dipindahkan ke kawasan yang ditetapkan. Perpindahan barang di antara satu kawasan yang ditetapkan dengan kawasan ditetapkan atau kawasan khas lain, juga tidak dikenakan cukai jualan.

Bahagian IX – Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Khas. Bahagian ini mengandungi fasal 55 hingga fasal 61, menjelaskan layanan cukai jualan di kawasan khas. Secara amnya, cukai jualan tidak dikenakan atau dikutip ke atas barang bercukai yang diimport dari atau dipindahkan ke kawasan khas atau ke atas pemindahan barang di antara satu kawasan khas dengan kawasan khas atau kawasan yang ditetapkan yang lain. Bagi tujuan bahagian ini, kawasan khas adalah terdiri daripada:

- (i) Zon Bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990;
- (ii) kawasan pembangunan bersama di bawah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990; dan
- (iii) gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen di bawah Akta Kastam 1967.

Bahagian X - Penguatkuasaan. Bahagian ini mengandungi 11 fasal iaitu fasal 62 hingga fasal 72, yang berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan. Secara asasnya, bahagian ini meliputi aktiviti berikut:

- (i) pemeriksaan;
- (ii) penyiasatan;
- (iii) penggeledahan;
- (iv) penyitaan; dan
- (v) kuasa untuk menahan.

Bahagian XI – Perbicaraan dan Prosiding. Bahagian ini yang mengandungi fasal 73 hingga fasal 85 adalah mengenai perbicaraan dan prosiding. Sebagai contoh, berkenaan hal:

- (i) pendakwaan;
- (ii) beban pembuktian;
- (iii) obligasi kerahsiaan;
- (iv) perlindungan pemberi maklumat;
- (v) penyampaian saman;
- (vi) Kompaun; dan perintah mahkamah.

Bahagian XII – Pelbagai. Bahagian ini mengandungi fasal 86 hingga fasal 106 yang menjelaskan peruntukan pelbagai. Antaranya melibatkan:

- (i) kesalahan;
- (ii) penalti;
- (iii) semakan semula dan rayuan;

- (iv) pemberian notis dan penyediaan bayaran cukai jualan oleh pelikuidasi syarikat yang digulungkan;
- (v) pengemukaan sijil pengauditan tahunan oleh pengilang berdaftar;
- (vi) perlindungan pegawai daripada liabiliti;
- (vii) ganjaran;
- (viii) kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan fi; dan
- (ix) kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan.

Bahagian XIII – Peralihan. Bahagian ini yang bermula dari fasal 107 hingga fasal 109, menetapkan perkara berkaitan tempoh peralihan daripada sistem percukaian GST kepada cukai jualan. Antaranya melibatkan keperluan pendaftaran awal sebelum tarikh kuat kuasa dan lain-lain cukai ke atas perjanjian yang bersifat progresif atau berkala yang bermula sebelum kuat kuasa akta ini dan berakhir pada atau selepas tarikh kuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan yang berjiwa rakyat mementingkan kesejahteraan rakyat. Dengan meringankan bebanan cukai melalui pemansuhan GST dan pengenalan semula SST, Kerajaan Persekutuan berharap lebih ramai rakyat akan dapat merasai nikmat RM17 bilion yang dikembalikan kepada rakyat pada tahun ini dan RM23 bilion yang akan dikembalikan pada tahun hadapan kepada mereka. Kerajaan Persekutuan akan juga memantau segala harga apabila cukai jualan ini berkuat kuasa sungguhpun penggantian GST dengan SST tidak akan menaikkan harga setinggi seperti GST.

Buat masa yang sama, Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji masalah struktur di dalam ekonomi domestik seperti kuasa monopoli yang membebangkan pengguna bagi memastikan kos sara hidup rakyat adalah pada paras yang munasabah. Contohnya barang-barangan asas, seperti beras dan gula.

Akhir sekali, marilah kita bersama-sama untuk menghadapi cabaran kewangan negara akibat amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Saya berharap Dewan Negara boleh menyokong rang undang-undang ini yang menggantikan GST dengan SST agar lebihan baki semasa atau *current balance surplus* boleh dikekalkan. Sekiranya SST ini tidak diluluskan dan GST tidak dimansuhkan maka RM4 bilion yang dijangka dikutip akan hilang dan baki semasa akan berada di dalam keadaan defisit. Defisit baki semasa bermakna hasil Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi untuk menampung kos pengurusan yang akan menjelaskan kredibiliti ekonomi di mata dunia, termasuklah di antara agensi penarafan antarabangsa.

Sekiranya ini tidak diluluskan, maka *Fitch Ratings*, agensi yang mengekalkan penarafan Malaysia kepada A- juga mungkin terjejas. Oleh itu, saya menyeru Dewan Negara untuk terus memberikan sokongan ke atas rang undang-undang ini juga sebagai satu langkah

menghormati prinsip demokrasi dan mandat rakyat yang diperoleh Kerajaan Pakatan Harapan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai jualan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, silakan.

**11.57 pg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan setinggi penghargaan kepada warga kerja Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di atas pembentangan rang undang-undang yang dinamakan Akta Cukai Jualan 2018. Harapan saya semoga dengan adanya kerangka baharu percukaian ini, pengurusan fiskal dari segi pendapatan negara bakal distabilkan dan ia akan membantu pelabur-pelabur asing mengalihkan fokus pelaburan kepada Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kepada Dewan yang mulia ini, saya mengehadkan masa 10 minit untuk seseorang itu berbahas. Silakan.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa nama akta dan rejim percukaian sama ada diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ataupun Kerajaan Barisan Nasional dahulu, kita mesti memastikan kerangka kerja percukaian, pengendalian operasi kutipan hasil cukai dan impak kepada penduduk mesti diberikan keutamaan dan terus dipelihara.

Fokus percukaian dalam negara merupakan sumber bagi perolehan pendapatan kerajaan untuk membangunkan Malaysia. Justeru, dengan adanya rang undang-undang ini yang menggantikan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, kita mahukan Kerajaan Pakatan Harapan mencari kaedah yang terbaik dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak

menjadi lebih tinggi dan paling penting pengenalan apa-apa dasar percukaian baharu tidak dieksplotasi oleh golongan peniaga-peniaga yang rakus dalam mengambil kesempatan apabila rejim percukaian baharu ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kerangka Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, sebanyak hampir 11,197 barang dilevikan cukai GST berkadar sifar atau 6 peratus.

■1200

Bagi rang undang-undang ini dijangkakan lebih kurang 6,400 barang sahaja yang bakal dikenakan cukai jualan berkadar 5 peratus dan 10 peratus. Soalan yang ingin saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan kastam, apakah persediaan dan tanggungjawab yang diambil kerajaan dalam memastikan senarai 6,400 barang yang dikenakan cukai 5 peratus dan 10 peratus ini benar-benar dimaklumkan kepada rakyat melalui pemberitahuan awam Jabatan Kastam dan media massa serta media elektronik.

Apakah jaminan kerajaan bagi memastikan impak atau kesan kenaikan harga barang yang bakal membebankan tidak berlaku. Ini kerana melalui pemerhatian saya, sejak GST *tax holiday* dikuatkuasakan dari 1 Jun 2018 hingga kini, harga beberapa barang pengguna ada yang meningkat.

Contohnya harga ayam yang sifar GST pada masa sebelum PRU14, dijual sekitar bawah RM6.80 sekilo, tetapi selama tempoh GST *tax holiday*, harga ayam sekilo mencecah RM7.90 iaitu peningkatan hampir RM1.10 sekilo. Ini menjaskan kemampuan golongan berpendapatan rendah B40 terutamanya di bandar besar dan luar bandar. Apakah gandingan kerjasama yang dimainkan kastam dan penguatkuasaan KPDNHEP agar mengambil satu tindakan yang lebih tegas terhadap peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang ekoran transisi skim percukaian baharu ini.

Berdasarkan pengalaman pelaksanaan GST tahun 2015, Kerajaan Barisan Nasional dikecam hebat kerana apabila dilaksanakan banyak barang yang dinaikkan harga oleh penjual dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, saya ingin mendapat kepastian, adakah kastam dan KPDNHEP membuat kajian pasaran bagi mewartakan harga minimum dan maksimum keseluruhan 6,400 item yang akan dikenakan SST bermula September 2018. Dengan proses mewartakan harga minimum dan maksimum barang akan kena cukai SST ini, peniaga-peniaga akan gusar dan takut untuk menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan pendapatan yang dikutip dalam cadangan rang undang-undang ini dijangka berada sekitar RM21 bilion. Ini bermakna, ianya kurang 50 peratus daripada sasaran kutipan cukai bukan langsung yang diunjurkan oleh kerajaan atau Kementerian Kewangan dengan jangkaan hanya 40,000 sahaja syarikat atau entiti perniagaan yang terlibat.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan perkara berikut. Apakah jaminan yang dapat diberikan oleh kerajaan agar kadar kutipan cukai pendapatan korporat tidak mengalami penguncutan signifikan bagi tahun kewangan 2018. Bagaimanakah kerangka perkongsian data pencukaian korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri, GST dapat dimigrasikan dalam integrasi maklumat pencukaian korporat negara bagi mengekang aktiviti pengelakan cukai agar skim kutipan cukai korporat kekal cekap dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada saya meneliti fasa-fasa yang diperuntukkan dalam draf rang undang-undang ini, saya ingin mendapat beberapa penjelasan dari kerajaan tentang beberapa perkara berikut. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa skim pencukaian ini dikenakan ke atas sistem perniagaan atau talian kerana perubahan reformasi dagangan hari ini melibatkan dagangan atas talian. Justeru apakah dalam merangka perundungan ini, kerajaan mengambil kira kes-kes cukai yang bakal dikenakan ke atas transaksi jualan atas talian.

Apakah implikasi cukai jualan ini ke atas senarai barang yang kena SST ini apabila didagangkan di kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan bebas cukai atau kawasan khas dalam seksyen 55 rang undang-undang ini seperti Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor di Kelantan. Ini kerana saya inginkan penjelasan tentang tatacara dan juga perincian yang lebih jelas kerana dibimbingkan dengan dilaksanakannya skim SST ini, masalah ketirisan cukai dapat diminimumkan.

Bagaimanakah persediaan kerajaan dalam memastikan persediaan persekitaran kerja kastam dan sistem operasi pelaporan dan *monitoring* kutipan hasil cukai SST dilaksanakan kerana ianya memerlukan migrasi dan *intergrate* data yang besar. Akhir sekali, bagaimanakah kerajaan memastikan apa-apa hal yang berkaitan dengan tunggakan kes atau pertikaian GST atau tunggakan kutipan hasil atau bayaran balik cukai input dalam GST dimuktamadkan dengan bijaksana agar ianya tidak menjadi polemik untuk dipolitikkan demi Malaysia tanahairku yang tercinta. Sekian, terima kasih.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang patuh kepada kita punya cara 10 minit ya. Terima kasih banyak.

Saya jemput pula yang kedua Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah dipersilakan.

**12.07 tgh.**

**Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana sudi hadir secara sendiri pada pagi ini untuk membentangkan rang undang-undang ini. Ini kerana dahulunya, selalu rang undang-undang di Dewan Negara dibentangkan oleh Timbalan Menteri sahaja. Seperti yang kita dapat tahu semasa taklimat semalam, Yang Berhormat Menteri tidak mengikut rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China kerana ingin membentangkan rang undang-undang ini secara sendiri. Ini menunjukkan penghormatan... *[Tepuk]* Bukan sahaja kepada institusi Dewan Negara, tetapi juga kepada kita sebagai Ahli Dewan Negara. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Balik kepada rang undang-undang ini, pada saya rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang bersejarah kerana ia merupakan rang undang-undang pertama Kerajaan Pakatan Harapan dan saya amat bergembira rang undang-undang pertama Kerajaan Pakatan Harapan mementingkan kesejahteraan rakyat dengan bertujuan hendak kurangkan bebanan kos sara hidup. Kalau saya tengok lagi satu yang saya berterima kasih kerana kalau kita tengok penghapusan GST terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan. Walaupun dahulu kita cakap dalam 100 hari, hari ini sudah masuk 103 hari tetapi pada saya, *better late than never*.

Seperti apa yang kita tengok tadi, semasa pembentangan, rang undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan pengenaan dan kutipan cukai jualan. Selepas diluluskan nanti, bersama-sama dengan cukai perkhidmatan itu akan menggantikan Rang Undang-undang GST. Seperti apa yang kita sedia maklum, Rang Undang-undang GST adalah satu sistem pencukaian yang begitu regresif dan salah satu faktor kalau bukan faktor utama yang telah menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup. Banyak yang kita hendak jelaskan yang nak bahas, telah pun dibahas di Dewan Rakyat dan juga telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan tadi selama 35 minit. Akan tetapi ada satu, dua perkara yang saya ingin menyentuh.

**■1210**

Satu, keraguan dalam kalangan ramai, termasuk rakyat jelata, bahawa sama ada rang undang-undang ini bersama-sama Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan akan benar-benar mengurangkan kos sara hidup. Ini kerana, pada mereka banyak dilihat dari segi kadar cukai. Jikalau kita tengok kadar cukai di bawah GST, hanya enam persen tetapi di bawah ini sepuluh persen, *at least sales tax*, bukan *service tax*. Jadi, pada mata kasar,

anggapan ialah sepuluh persen itu lebih dari enam persen, maka harga tidak akan turun, itu satu anggapan.

Akan tetapi kita kena lihat pada realitinya lain. Dua faktor yang saya mahu sebut berkenaan dengan realiti. Satu, isu pengecualian, kuasa pengecualian. Jikalau kita lihat rang undang-undang ini di bawah fasal 35, diletak di tangan Yang Berhormat Menteri. Kali ini kita tengok Yang Berhormat Menteri telah menggunakan kuasa pengecualian itu secara baik kalau kita tengok dari segi barang yang dikecualikan dari cukai. Semasa dibentangkan tadi, kita dengar SST hanya akan merangkumi 38 peratus dari barang yang terkandung dalam 13 komponen *basket of goods* di bawah CPI, berbanding dengan GST, tertinggi 60 persen.

Antara lain yang dikecualikan tadi, fasal saya dengar rakan saya, dia sebut fasal harga ayam. Antara lain yang akan dikecualikan adalah barang-barang keperluan asas seperti beras, ayam, ikan, daging lampin bayi dan dewasa, basikal, motosikal dan banyak-banyak lagi yang akan dikecualikan. Dari segi angka semalam pun, kita dapat dengar dari segi bilangan barang yang akan dikecualikan adalah- kalau dahulu di bawah GST, 545 jenis barang dikecualikan, di bawah SST nanti adalah sebanyak 5,443, sebanyak sepuluh kali ganda.

So, pada saya kalau kita tengok, ini pun saya tengok senarai barang yang dikecualikan, pada saya ia bukan satu senarai yang konklusif. Fasal kalau saya tengok dua hari dahulu, kalau tidak salah, dua hari dahulu, Yang Berhormat Menteri telah menambahkan lagi satu barang iaitu susu berperisa coklat, itu pun di masuk dalam senarai. Dahulu, ia semuanya satu jenis susu, susu tanpa gula tetapi telah masukkan sekarang *additional*/barang. So, kesimpulan ia, *this list is not a final list* dan mungkin akan bertambah lagi ikut kesesuaian semasa.

Begitu juga dari segi sektor perkhidmatan yang akan dikenakan cukai di bawah cukai perkhidmatan adalah 43.5 persen, manakala di bawah GST dahulu adalah 65 persen. Ini saya tidak mahu sebut secara detil komponen-komponen dan sebagainya. So, pada saya secara kesimpulan, kalau pengecualian begitu luas ini sudah tentunya akan mengurangkan harga dan seterusnya beban rakyat sekurang-kurangnya dari segi percukaian, itu satu.

Faktor yang kedua yang akan menyumbang kepada penurunan kos adalah seperti yang disebutkan tadi. Peningkatan dan penyeragaman nilai ambang dari 100,000 ke 500,000 dan 1 juta untuk restoran dengan kedai kopi. Apabila nilai ambang itu dipertingkatkan lagi, lagi banyak pengilang atau para peniaga akan keluar daripada *tax trap* itu atau *tax net* itu. *Trap* itu bukan perkataan yang betul, daripada *tax net* itu. Apa yang saya dapat tahu, kalau dahulu di bawah GST hampir 32,725 pengilang terlibat. Akan tetapi di bawah SST ini, hanya 27,456 pengilang.

Jadi makanya, kalau dia keluar daripada *tax net* itu, kos perniagaan dia akan turun dan ini akan *result in lower prices*. Semalam Tuan Yang di-Pertua, kita pun telah dengar dua isu yang pernah dibangkitkan sebelum ini. Satu, isu *black economy*. Ada anggapan bahawa kalau kita memperkenalkan sistem SST, banyak orang akan *escape* daripada *tax* kerana isu *black economy*. Akan tetapi semalam kita telah dengar bahawa ia akan mengadakan *automatic transfer of mandatory registration* daripada GST kepada SST.

Ini akan *track* orang-orang yang- kalau tidak ada, mungkin akan *escape*. Semalam kita dapat tahu secara automatik *transfer* lebih kurang 77,000 pengilang sudah pun dapat didaftar di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Satu lagi yang kita dengar semalam mengenai dengan *non-arm's-length pricing strategy* atau *transfer pricing*. Itu pun kita sudah dengar bahawa tidak akan kenakan cukai dalam *the distribution chain*, tidak ada berkenaan cukai.

Satu lagi yang saya cuma hendak *raise* dua isu lagi. Satu, isu *recommended retail price* (RRP). Jikalau kita tengok beberapa negara yang lain telah guna sistem *recommended retail price* ini supaya betul-betul layak dapat menikmati penurunan harga. Mungkin *recommended retail price* ini kita boleh pakai untuk syarikat-syarikat besar. Akan tetapi apakah kaedah yang akan kita gunakan untuk syarikat-syarikat sederhana atau syarikat-syarikat kecil, di mana kita hendak dia ikut sistem *recommended retail price* supaya penurunan harga, betul-betul dapat dinikmati oleh rakyat jelata. Itu satu.

Kedua, jikalau betul-betul kita hendak menentukan rakyat jelata dapat menikmati faedah ini dan kita kena tentukan *that* tidak ada atau tidak akan berlaku *excessive profiting*. Dalam aspek ini, Kementerian Kewangan perlu bekerja sama dengan *Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* seperti yang dikatakan semalam untuk melaksanakan atau *strict enforcement* of Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Sebelum ini pun ada tetapi sebelum ini kurang memuaskan.

Isu terakhir yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi semasa membentangkan berkenaan dengan *revenue short fall*. *Figure* yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah dalam lingkungan 17 juta, mungkin pada tahun akan datang akan jadi lebih, mungkin akan jadi kurang 17 juta. Akan tetapi semalam kita dengar *net revenue* yang akan kita terima jikalau GST diteruskan, selepas tolak *tax input kredit* itu adalah lebih kurang 35 bilion.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** *Last point* sahaja. Lebih kurang 13 bilion tetapi apa pun akan berlaku *short fall* dalam *revenue*. Mungkin kita akan dapat bantuan sedikit kerana harga minyak telah naik ke lebih kurang *average RM70* setong.

Akan tetapi namun demikian, masih ada *revenue shortfall*. So, saya harap dalam usaha-usaha untuk mengurangkan *revenue shortfall* ini, apabila kita hendak berhentikan satu,

dua projek, jangan kita berhentikan projek-projek yang membawakan manfaatkan kepada rakyat. Jikalau terpaksa diberhentikan, berhentikan projek mega atau projek mewah. Dengan ini, oleh kerana kekurangan masa, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Chandra Mohan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

### 12.19 tgh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya. Terutamanya saya hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana masih lagi berada di dalam Dewan dan bersedia untuk mendengar perbahasan berkaitan rang undang-undang ini.

### ■1220

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, kita ambil maklum sebenarnya perbahasan ini adalah usaha untuk kita tambah baik dan juga cuba untuk mencari sekiranya kelemahan yang perlu diperbaiki.

Kita sedia maklum Dewan Rakyat baru-baru ini pun sudah luluskan rang undang-undang ini. Maka di Dewan Negara ini walaupun Ahli-ahli Dewan Negara majoritinya daripada pembangkang, bukan boleh menghalang tetapi boleh melewatkannya kelulusan rang undang-undang ini. Akan tetapi saya fikir kita lebih bersifat terbuka dan kita tahu bahawa pada pilihan raya yang lepas rakyat telah memberi mandat pun kepada Pakatan Harapan atas dasar kepercayaan rakyat- pengundi kepada janji-janji daripada Pakatan Harapan bahawa apabila GST ini dimansuhkan dan SST itu diperkenalkan, maka mereka yakin bahawa harga barang akan dapat dikurangkan ataupun terkawal.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ambil maklum semalam ada penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dan juga telah membangkitkan beberapa isu kelemahan. Memang sebelum ini dalam Dewan Rakyat, Yang Berhormat Menteri telah memberi maklum bahawa beliau juga mengakui bahawa GST ini adalah satu sistem yang sangat-sangat *transparent* yang diguna pakai di lebih 190 buah negara seluruh dunia. Kita juga tahu bahawa soal ketelusan itu memang adalah antara perkara pokok yang telah diberi pertimbangan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu apabila memperkenalkan GST.

Akan tetapi pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak nyatakan apabila disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, saya pun hendak tahu jugalah. Apabila kita akui bahawa akan berlaku pengurangan dari segi kutipan cukai dan dianggarkan setengah daripadanya. Kalau kita lihat dahulu kalau kita boleh kutip sehingga

RM40 bilion lebih ditolak dengan input *tax* yang akan di-*claim*, maka net *income*-nya adalah sekitar RM35 bilion. Dengan SST ini kita pula yakin bahawa akan kutip sekitar RM21 bilion. Betul Yang Berhormat Menteri? Mungkin boleh perbetulkan kalau saya silap angkanya di sini.

Akan tetapi saya hendak tanyalah, dengan pengurangan kutipan ini, apakah ini bermakna kerajaan akan mencari jalan lain untuk menambah pendapatan negara dalam erti kata menaikkan cukai-cukai lain. Sebagai contoh cukai korporat ataupun cukai-cukai peribadi termasuk juga baru-baru ini kita terdengar ataupun kedengaran di Dewan Rakyat bahawa kemungkinan ada cukai baharu seperti *soda tax* kononnya hendak diperkenalkan.

Jadi persoalannya, apakah dengan pengurangan kutipan daripada hasil SST ini akan menyebabkan kerajaan menaikkan kadar cukai di kawasan ataupun tempat-tempat lain yang mana yang saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kalau dinaikkan *tax* seperti *corporate tax* akan menyebabkan suasana *business unfriendly* ataupun tidak mesra perniagaan dan juga menyebabkan mungkin potensi pelaburan-pelaburan daripada domestik dan juga luar negara Yang Berhormat Menteri, tergugat. Ini kerana Malaysia mungkin sudah menjadi kurang kompetitif dalam soal tawaran yang boleh diberikan ataupun insentif-insentif yang boleh ditawarkan kepada pelabur-pelabur dalam dan luar negara.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga- walaupun saya tahu ada penerangan telah diberikan, soal *transfer pricing* Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal teknikal, tenik. Walaupun di Malaysia ini kita ada di bawah kawalan Lembaga Hasil Dalam Negeri, akta yang mengambil kira urus niaga *transfer pricing* ini, di manakah saya fikir, dengan izin, *the harmonization between agencies* yang menjaga akta-akta ini. Jabatan Kastam Diraja nya, Lembaga Hasil Dalam Negeri nya, walaupun berada di bawah seorang Menteri, akan tetapi mempunyai ketua-ketua dan juga pelaksana penguat kuasa yang berbeza.

Oleh sebab itu apabila saya tengok Tuan Yang di-Pertua dalam draf rang undang-undang ini yang cukup tebal yang begitu lengkap ini, saya tertanya-tanya juga. Di manakah *substance* dalam konteks *independence* dan juga kredibiliti apabila penguat kuasa ataupun kumpulan-kumpulan penguat kuasa di bawah Kementerian Kewangan yang memantau soal penguatkuasaan SST itu sendiri nanti mampu dalam konteks *independence*, apabila melaksanakan penguatkuasaan itu, tiada wujud unsur-unsur pilih kasih, tiada wujud unsur-unsur yang menyebelahi mana-mana pihak sebagai contoh syarikat-syarikat.

Ini kerana saya khuatir dengan jumlah yang berkurang tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan ada sebut kita setakat hari ini 77 ribu syarikat pengeluar, pengilang yang telah pun berdaftar berbanding dengan jumlah syarikat dalam sistem GST dahulu yang lebih 400 ribu kesemuanya, hari ini tinggal 77 ribu yang telah pun berdaftar. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri, apakah hanya 77 ribu syarikat berdaftar ini adalah pengilang dan pengeluar semata-mata yang ada dalam negara.

Mana pergi ataupun apakah wujud juga syarikat-syarikat yang tidak mendaftar walaupun dalam akta ini memang ada *voluntarily registration* dan juga pendaftaran yang perlu dibuat. Akan tetapi saya risau, saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kalau tiada wujud kredibiliti dan kebebasan dalam soal pelaksanaan, maka wujud pilih kasih dan juga wujud *preference* apabila kita melaksanakan penguatkuasaan tersebut.

Maka saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh diwujudkanlah satu jawatankuasa bebas yang terdiri daripada pakar-pakar sama ada pakar perakaunannya, pakar cukainya bukan sahaja bergantung kepada *Council of Eminent Persons* yang menasihati kerajaan kerana CEP ini kita difahamkan telah pun disambungkan tempohnya. Akan tetapi mungkin mereka-mereka itu sibuk untuk menasihati kerajaan dalam soal yang lain.

Akan tetapi soal penguatkuasaan dalam konteks kutipan cukai ini, daripada SST ini perlu juga punyai jawatankuasa yang bebas yang mampu menasihati Jabatan Kastam Diraja nya, yang mampu menasihati Lembaga Hasil Dalam Negeri nya. Termasuk juga Kementerian Kewangan nya agar apabila kita memastikan syarikat-syarikat pengilang dan pengeluar yang berdaftar itu juga, mereka bukan ada manipulasi ataupun unsur-unsur yang boleh menipu, *fraud* dalam soal memberi informasi syarikat dan perniagaan mereka tersebut.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bangkitkan dalam masa yang ringkas ini iaitu GST kalau diakui sebelum ini lebih *transparent*, lebih telus, lebih adil, maka kenapa saya hendak merekodkan di sini juga, kenapa kerajaan masih lagi beria-ia meletakkan naratif yang GST itu sebenarnya menyebabkan harga barang meningkat sejak beberapa tahun yang lalu? Walhal Menteri sendiri mengakui bahawa GST ini satu sistem yang baik, yang *transparent*, yang telus, akan tetapi masih lagi menggunakan naratif bahawa GST ini adalah penyebab utamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak nyatakan dalam konteks hukum ekonomi ini, mungkin dengan sedikit ilmu ekonomi ini, saya yakin sekiranya SST kelak dilaksanakan kemungkinan barang-barang akan terus meningkat. Ini kerana hukum ekonominya adalah soal penawaran dan juga permintaan juga melibatkan, dengan izin, *price elasticity* iaitu hukum ekonomi di mana sejauh mana respons permintaan terhadap kenaikan RM1 harga barang dalam pasaran, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam hal ini, kenapa masih berterusan mengatakan GST itu adalah penyebab kenaikan kos sara hidup dan harga barang yang telah berlaku sekian lama? Walhal kita tahu pasaran minyak dunia juga yang menurun sebelum ini telah menyebabkan faktor pengeluaran barang-barang itu menjadi mahal ataupun tidak kompetitif yang menyebabkan harga barang-barang meningkat.

**■1230**

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tamatkan jugalah dalam perbahasan yang ringkas ini. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, kepada pihak kerajaan supaya tolong pastikanlah kalau kita semua setuju, *insya-Allah* pada hari ini kita akan membuat keputusan untuk menerima atau sebaliknya rang undang-undang ini. Saya yakin Dewan Negara akan menerimanya, saya yakin secara peribadi.

Akan tetapi, saya minta kepada pihak kerajaan. Pertama, jangan selepas ini apabila SST itu berjaya dilaksanakan, apabila harga barang tidak berjaya kita kawal, masih lagi terus meningkat. Maka kerajaan tiba-tiba keluar dengan alasan yang lain- ini disebabkan oleh pasaran ataupun faktor-faktor pasaran minyak antarabangsa ataupun faktor-faktor kos pengeluaran yang meningkat. Walhal kita tahu waktu GST yang lalu pun itulah antara penyebab utamanya kerana rakyat tidak lagi sanggup dan mahu mendengar alasan *repetition* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana ketelusan yang ada pada hari ini adalah semua kita tahu bahawa GST ini adalah sistem yang paling baik berbanding dengan SST.

Akan tetapi, tidak apa. Kita terima kerana itulah mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada Pakatan Harapan maka kita terima. Cuma jangan apabila harga barang terus meningkat kelak selepas 1 September nanti, maka alasan yang telah pun digunakan dahulu itu diguna pakai semula oleh kerajaan kerana waktu itu yang menjadi mangsanya adalah tidak lain dan tidak bukan adalah rakyat juga sebenarnya.

Jadi saya rasa pada penutup perbahasan saya ini, saya yakin bahawa dengan mandat yang telah diberikan kepada Pakatan Harapan oleh rakyat untuk memimpin negara. Saya minta satu, pastikan mana-mana pengurangan daripada hasil kutipan cukai SST ini jangan pula menyebabkan negara hilang *competitiveness*nya daripada segi *business* kerana saya tahu ia *left pocket, right pocket-* kalau kita tidak dapat *collect* di sini, kita akan cari di tempat lain. Hendak cari di tempat lain itu sudah ada *opportunity cost*nya iaitu apa yang terpaksa kita korbankan. Kalau kita terpaksa korbannya *competitive* ekonomi dan perniagaan Malaysia, maka itu merupakan satu perangkaan kerugian masa hadapan yang perlu diberi pengiktirafan oleh kerajaan.

Jadi itu sahajalah daripada saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pula menyebut mohon menyokong atau tidak tapi saya hendak mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian. *Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

Dan saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen. Silakan.

**12.33 tgh.**

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia. Terima kasih, bagi peluang untuk berbahas Rang undang-undang Cukai Jualan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, cukai jualan tidak semestinya mengurangkan harga barang berbanding cukai barang dan perkhidmatan, *tax GST*. Menteri Kewangan dalam Dewan Rakyat menyatakan bahawa cukai yang dikutip akan kurang dan pengurangan kutipan cukai ini bermakna bebanan cukai ke atas rakyat akan berkurangan.

Saya tidak setuju dengan kenyataan ini kerana kerajaan tidak menyatakan apa-apa mekanisme untuk memastikan peniaga tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana cukai GST merupakan satu cukai pelbagai peringkat yang menyeluruh dan Menteri Kewangan sendiri pernah menyatakan bahawa sistem GST lebih telus maka kerajaan memilih lebih kuasa mengawal.

Oleh kerana cukai jualan adalah satu cukai yang dikenalkan sekali iaitu pada tahap perbuatan, dengan izin, *manufacturing*. Saya rasa ada *loophole* di mana ketirisan boleh berlaku ataupun *tax evasion*. Apa pula langkah memantau rantai nilai daripada awal hingga sampai kepada pembeli. Adakah peniagaan memiliki kebebasan untuk meningkatkan, dengan izin, *margin* keuntungan? Apakah margin yang akan ditetapkan Menteri serta apakah justifikasinya?

Menteri Kewangan juga telah menyatakan bahawa harga akan dikawal melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang akan mengambil langkah berjaga-jaga dan mengatasi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Namun hal ini berbalik ke atas pemantauan. Sekiranya pemantauan tidak menyeluruh terhadap semua kedai dan perniagaan, maka rancangan ini akan gagal. Saya juga ingin tanya Menteri, apakah mekanisme untuk menentukan yang harga barang itu munasabah atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, yang saya boleh lihat satu kelebihan SST adalah jumlah barang yang tidak dikenakan seperti diuar-uarkan oleh kerajaan. Akan tetapi, ini juga boleh dicapai sekiranya GST diperhalusi supaya lebih barang tidak dikenakan cukai. Atas perkara itu saya juga lihat beberapa barang yang dicadangkan dilepaskan cukai yang saya rasa tidak munasabah seperti berikut, dengan izin, *like horses*, buah avokado, barang kemas, mutiara, makanan mewah seperti abalone, hati itik atau angsa, udang galah *Norway*, dan sirip ikan Yu.

Saya rasa pengecualian ini tidak wajar kerana barang ini adalah barang mewah. Orang yang mampu membeli barang seperti ini wajar membayar cukai untuk membantu

rakyat dan pula minyak enjin untuk kereta dan motosikal, minyak brek yang penting bukan hanya untuk pemandu tetapi untuk keselamatan jalan dikenakan *tax*.

Antara kelemahan GST yang didakwa kerajaan adalah pemulangan atau *refund* cukai input tidak dilaksanakan. Jadi ini bukan bermaksudnya kita harus buang sistem GST itu secara keseluruhan. Sistem ini menunjukkan bahawa kerajaan sebelumnya memang ada niat untuk memulangkan cukai dengan sewajarnya.

Ada setengah pihak yang menyatakan GST menyamakan harga naik kerana kekurangan pemantauan. Maka masalah ini juga akan memberi kesan yang sama selepas cukai jualan dilaksanakan. Peniaga yang tidak beretika yang cuba mengambil kesempatan semasa memohon *refund* GST tetapi tidak memberi penjimatan kepada pengguna akan cuba melakukan perkara sama selepas sistem cukai jualan dilaksanakan sekiranya pemantauan tidak menyeluruh.

#### ■1240

Mengikut hasil Kerajaan Persekutuan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, 24 Mei 2018 sebelum sistem GST, SST yang lama telah mengutip jauh lebih banyak hasil berbanding SST. Contoh pada tahun 2014, cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah, dengan izin, RM10.939 *billion* dan RM6.278 *billion* masing-masing.

Pada tahun 2016 selepas GST, kutipan cukai itu adalah sebanyak RM41.206 *billion*. Pada tahun 2017, angka ini adalah RM41.5 *billion*. Kerajaan sekarang hendak menjimatkan perbelanjaan negara tetapi ingin melaksanakan cukai jualan dengan begitu banyak pelepasan. Ini bagi saya tidak masuk akal.

Saya memohon kepada kerajaan supaya tidak terburu-buru menukar sistem cukai dalam negara ini kerana akan memberi kesan buruk kepada semua rakyat. Saya mencadangkan agar kerajaan menurunkan kadar GST seperti tiga peratus dan menambahkan barang lepas cukai untuk tujuan mengurangkan beban terhadap rakyat. Hujahan Menteri Kewangan yang menyatakan kutipan SST yang akan lebih kurang daripada GST menunjukkan beban terhadap rakyat boleh dikurangkan adalah hujah yang tidak logik. Sistem GST masih boleh diteruskan selepas melaksanakan perubahan tanpa memberi tekanan kepada para peniaga dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pagi ini sokong atau tidak sokong RUU Cukai Jualan, lulus atau tidak lulus bukan hal yang penting. Ini kerana walaupun kita membantah, kerajaan masih boleh meneruskan semua RUU ini mengikut Perkara 68 dalam Perlembagaan Persekutuan kerana itu adalah *Money Bill*. Kerajaan Pakatan Harapan harus mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap RUU ini dan kesannya terhadap masyarakat. Jangan pula Kerajaan Pakatan Harapan menyalahkan pihak BN atau mana-mana pihakkekangan

memansuhkan GST dan melaksanakan SST. Harap tidak adalah apa-apa alasan mengikut jika selepas satu tahun atau dua tahun, kehidupan rakyat susah lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ong Chong Swen ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Dipersilakan.

#### **12.44 tgh.**

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan juga khususnya Menteri Kewangan yang telah berjaya menduduki satu kerusi yang mempunyai pengaruh yang besar khususnya dalam sektor ekonomi kita dan juga mempunyai bebanan yang besar untuk menjaga kemakmuran negara dan rakyat daripada dibebaskan daripada kemiskinan. SST kah GST, janganlah kita bakar emosi. Ia tiada kena mengena dengan 1MDB. Tidak perlulah kita nyanyi lagu ABC. GST juga disokong oleh anggota CEP.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita dalam persimpangan jalan di mana nampak sangat Kerajaan Pakatan Harapan terpaksa menunaikan janji khususnya untuk menghapuskan GST walaupun tepuk dada tanya selera, tanya hati diri, makin masing-masing mungkin ada kekesalan ataupun susah tetapi tidak dapat mengaku, tidak boleh mengaku.

Akan tetapi sebagai suasana Malaysia Baharu, sebagai pemimpin-pemimpin, kita haruslah terima bahawa kebaikan dan keburukan haruslah diteliti dan saya amat gembira hari ini, Kerajaan Pakatan Harapan dapat menuahkan kerajaan. Ini kerana setelah penubuhan Kerajaan Pakatan Harapan nampak sangat suasana bahang politik benci dan kebencian turun kerana kita di Barisan Nasional kurang mempunyai budaya membakar kebencian dan hasutan. Itulah hakikat politik semasa.

Jadi berbalik kepada perbahasan, saya berpendapat bahawa perlulah kita memberi perhatian bahawa daya saing dan daya tarikan global Malaysia akan terjejas sekiranya kita terus membubarkan GST dan mengenakan cukai jualan sebanyak 10 peratus kerana ia akan membebankan para peniaga-peniaga yang akan menjalankan operasi eksport. Dalam sektor pelancongan pula akan terjejas kerana tiada lagi bayaran balik cukai di mana cukai jualan akan terbenam dalam kos produk di samping dikenakan cukai perkhidmatan.

Pengenalan semula SST dilihat sebagai satu langkah mundur berbanding dengan sistem pencukaian terdahulu iaitu GST yang lebih telus dan telah pun diakui oleh Menteri Kewangan. Sistem SST juga telah diterima oleh kebanyakan negara-negara dan telah diakui sebagai satu sistem pencukaian yang efektif, telus dan berkesan.

Jadi, persoalannya amatlah sedih kalau kita setelah berbincang begitu lama, setelah berbahas, setelah membuat kajian oleh institusi-institusi dan pegawai-pegawai kerajaan, setelah mendapat kesimpulan bahawa kita perlu melaksanakan GST, pada masa di mana

negara telah dalam suasana kekurangan dan ketandusan sehingga pihak pembangkang Pakatan Harapan pada masa itu mengatakan kerajaan akan menjadi bankrap, negara akan menjadi bankrap.

Akan tetapi dengan pentadbiran ekonomi dalam suasana itu, kita dapat menyelamatkan negara bukan sahaja daripada muflis, tetapi menggerakkan sektor ekonomi dan juga berjaya membawa kemakmuran kepada kebanyakan rakyat sehingga GST telah membantu dan mempunyai program-program yang banyak membantu rakyat. Misalannya kalau kita tengok secara bantuan pembayaran Bantuan Khas Aidilfitri, Bantuan Elaun Sara Hidup semua dalam berjuta-juta. BR1M digantikan dengan Bantuan Sara Hidup dan sebagainya, Pengurangan Insentif Raya FELDA, kenaikan gaji tahunan penjawat awam dan sebagainya. Semua ini telah dijanjikan disebabkan kita mempunyai GST dan tetapi janji-janji ini yang telah akan memberi manfaat kepada rakyat akan dihapuskan di bawah pemerintahan Pakatan Harapan nanti.

Jadi, apa yang saya hendak sentuh di sini ialah bahawa apabila kita menolak GST dengan hanya mengatakan bahawa harga naik disebabkan oleh GST, ia cuma satu senjata untuk membakar emosi rakyat. Sebenarnya apabila kita mengadakan *tax holiday*, harga-harga tidak naik, tidak turun dan kalau kita tengok sebenarnya dan mengatakan bahawa, oh! Dengan SST, kita dapat mengurangkan kutipan berapa bilion, RM20 lebih bilion sebenarnya Kerajaan Pakatan Harapan dengan senangnya boleh mengurangkan kutipan kewangan enam peratus kepada tiga peratus untuk mengurangkan bebanan pembayaran cukai kalau itulah hasratnya.

## ■1250

Akan tetapi yang penting ialah secara keseluruhannya, apakah matlamat? Seperti mana yang telah dikatakan, *it is from left pocket to right pocket*. Kerajaan telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir ekonomi dan untuk menjaga kemakmuran negara. Ada banyak caranya selain daripada kita- setelah berjalan tiga tahun GST dengan lancarnya, setelah rakyat telah menerima, setelah kita telah menstabilkan sektor ekonomi dan setelah pelabur-pelabur mula mendapat keyakinan dan mula melabur dalam negara kita, kita menghapuskan dalam suasana yang gopoh dan dalam suasana yang terburu-buru hanya semata-mata untuk menunaikan janji politik dalam manifesto walhal banyak lagi janji-janji yang banyak memberi manfaat kepada rakyat tidak ditunaikan.

Berbalik kepada GST. Saya juga amat hairan apabila saya tengok sekali gus mengapakah kita perlu mengecualikan telur kura-kura daripada pencukaian. Walhal saya ingat kembali, imbas kembali apabila bekas Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bila ada hidangan telur kura-kura, ia begitu menjadi satu isu yang begitu *sensational* sekali...

**Berberapa Ahli:** Telur penyu.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Telur penyu. Satu lagi adalah sirip yu atau *shark fin* dan sebagainya.

Apa yang saya hendak sampaikan ialah bahawa Pakatan Harapan adalah kerajaan yang baru dipilih. Pakatan Harapan antaranya mendapat sokongan banyak golongan rakyat khususnya termasuk juga kempen aktivis-aktivis seperti pemuliharaan hidupan liar dan sebagainya. Saya rasa sebagai satu kerajaan baharu, kita haruslah membawa nafas baharu. Janganlah kita menggalakkan barang-barangan mewah seperti makanan sirip yu, telur penyu dan sebagainya.

Saya juga amat terperanjat apabila saya tengok kuda serta ayam sabung juga dilepaskan daripada cukai, makanan abalone dan sebagainya. Semua ini tidak masuk akal. Mungkinkah kita semata-mata hendak menunjukkan bahawa banyak pengecualian? Jadi kita lebih memberi penekanan kepada populariti politik daripada matlamat untuk pengecualian barang-barangan ini. Itulah saya amat terperanjat.

Satu lagi yang saya ingin sarankan ialah bahawa kita perlulah memberi lebih *engagement*, lebih masa dalam menyenaraikan barang-barangan pengecualian di mana saya rasa golongan-golongan aktivis haruslah diberi dan diajak untuk memberi pendapat. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengadakan sesi perbincangan dengan rakyat dari semasa ke semasa nilai senarai pelepasan SST tersebut. Senarai SST akan lebih menyeluruh dengan pandangan dan penglibatan suara rakyat dan juga *consumer* supaya ia tidak hanya merupakan pengecualian politik semata-mata ataupun pengecualian pihak-pihak berkepentingan. Apa yang penting ialah kita mahu pengecualian ini mempunyai sasaran dan objektif yang jitu dan kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pengecualian yang saya amat tertarik ialah bahan penghasilan tembakau sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dikecualikan daripada SST. Bahan penghasilan tembakau sama ada langsung ataupun secara tidak langsung dikecualikan tidak harus dikecualikan di bawah SST. Kalau kita tengok dahulunya banyak barang ini bila dikecualikan oleh GST, misalannya dalam tahun 2015, PKR telah membantah pengecualian cukai GST ke atas udang karang dan barang mewah tetapi banyak lagi barang mewah telah disenaraikan dalam pengecualian.

Selain daripada masalah sosial dan kesihatan yang mungkin timbul pada individu apabila kita menggalakkan ataupun memberikan mereka pengecualian cukai seterusnya menggalakkan mereka merokok dan sebagainya, banyak lagi perbelanjaan seperti rawatan penyakit jantung koronari yang telah membelanjakan kerajaan sebanyak RM545 juta setiap tahun untuk rawatan, banyak lagi kos rawatan kanser paru-paru sebanyak RM133 juta, penyakit paru-paru kronik RM2.2 bilion dan sebagainya. Saya rasa barang-barangan

mewah dan barang-barangan yang tidak memberi kebaikan kepada kesihatan haruslah dicukai, bukan dikecualikan daripada cukai.

Akhir kata, saya juga ingin mengingatkan bahawa dalam Malaysia baru ini biarlah kita jangan terlalu menggunakan sistem pentadbiran ataupun kuasa kita semata-mata untuk meraih populariti politik. Apa yang penting ialah kita harus fikirkan rakyat dan negara. Saya rasa isu 1MDB kalau kita tengok, kita laluilah, sampai hari ini saya menunggu perbicaraan dalam mahkamah dan mengharapkan kita dapat penjelasan yang lebih *the whole picture instead of the selective* di mana segala-galanya kita dikaitkan dengan 1MDB sehingga RM17 bilion pun hilang dan sebagainya. Setelah itu kita tengok sebenarnya apa yang diuar-uarkan tidaklah benar.

Jadi dengan kata-kata itu, saya tidaklah setuju bahawa GST dimansuhkan tetapi saya berharap ia dapat dibincangkan dengan lebih teliti ataupun dikaji semula. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, telur penyu ini banyak didapati di pantai-pantai di Kuantan, laut Kuantan. Telur penyu ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husain bin Awang.

**12.57 tgh.**

**Datuk Haji Husain bin Awang:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan sedikit pandangan mengenai dengan rang undang-undang yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dari sudut aspek ekonomi, SST mempunyai merit percukaian yang amat rendah. Ini kerana SST merupakan sistem percukaian yang tidak efisien, tidak *transparent* malah terdedah kepada manipulasi cukai dan harga di kalangan peniaga serta memerlukan penguatkuasaan yang tinggi di pihak kerajaan. Ini pengakuan yang telah dibuat sebelum daripada tahun 2015.

Dari segi aspek politik, SST dilihat lebih populis berbanding GST kerana kesannya terhadap kenaikan harga tidak disedari dan tidak dirasai oleh pengguna. Ini disebabkan oleh kecenderungan peniaga untuk memindahkan beban cukai dan margin keuntungan secara terselindung di dalam harga yang dibayar oleh pengguna.

Sebagai perbandingan, GST adalah rejim cukai yang menguntungkan kerajaan manakala SST pula rejim cukai yang lebih menguntungkan peniaga. Rakyat kekal sebagai pihak yang menanggung beban. Pelaksanaan GST dalam tempoh tiga tahun telah menyumbang kepada kutipan yang lebih tinggi dan menutup ruang manipulasi harga oleh

peniaga, manakala SST terdedah kepada manipulasi peniaga dan ketidakcekapan pungutan di pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jam saya menunjukkan pukul satu tengah hari. Saya tangguhkan mesyuarat ini hingga jam 2.30 petang. Nanti kita sambung balik petang ya. Terima kasih Yang Berhormat ya.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiausaha. Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husain bin Awang, silakan.

## 2.32 ptg.

**Datuk Haji Husain bin Awang:** Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah pun memulakan perbahasan menyebut bahawa pelaksanaan GST dalam tempoh tiga tahun telah menyumbang kepada kutipan yang lebih tinggi dan menutup ruang manipulasi harga oleh peniaga.

Manakala SST terdedah kepada manipulasi peniaga dan ketidakcekapan pungutan di pihak kerajaan. Walau apa pun rejim ataupun sistem cukai yang dilaksanakan, natijah akhirnya yang ditanggung adalah rakyat. Kedua-duanya tidak jauh beza daripada sudut penanggungan dan juga beban yang ditanggung oleh rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap. Ada tak pegawai dari Kementerian Kewangan yang mengambil nota? Okey, silakan.

**Datuk Haji Husain bin Awang:** GST jelas menaikkan kadar inflasi dan membebankan rakyat dengan kos sara hidup yang tinggi, manakala SST pula tidak dijamin dapat menurunkan harga dan kos sara hidup rakyat kerana mempunyai kesan peningkatan dalam rantaian pengeluaran di samping kos-kos lain yang menyumbang kepada kenaikan harga barang. Ternyata GST sangat wajar untuk dimansuhkan, namun SST bukanlah alternatif terbaik, manakala rakyat perlu menilai merit ekonomi dan politik di antara dua cukai ini.

Di sinilah pentingnya semua pihak menilai dan mengkaji alternatif kepada GST dan SST dengan penglibatan seluruh wakil daripada pengguna, peniaga, ahli akademik dan badan-badan profesional di samping mendapat pandangan wakil kerajaan negeri agar dapat dirangka sebuah sistem percukaian yang mesra rakyat dan mesra peniaga. Sekiranya perbahasan SST hanya berkisar di ruang lingkup politik dan tuntutan pelaksanaan manifesto

secara tergesa-gesa, dikhuatiri kesannya akan menjelaskan daya saing ekonomi dan kestabilan politik negara dalam jangka masa yang panjang.

Parlimen perlu menjadi wadah untuk menilai merit setiap dasar yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan secara rasional dan profesional. Oleh kerana kedua-dua sistem percukaian ini tidak menjurus ke arah memberikan pembelaan kepada rakyat, bahkan mengenakan tekanan dan bebanan, maka sepatutnya kerajaan berpindah kepada pilihan ketiga iaitu sistem percukaian Islam menerusi sistem zakat. Islam menawarkan penyelesaian sebagaimana ia ditunjuk dan diajar oleh Rasulullah SAW... *[Membaca sepotong hadis Nabi]* Maksudnya, diambil cukai daripada mereka yang kaya dan diagihkan kepada mereka yang miskin. Mereka yang kaya dalam masyarakat terdiri daripada dua golongan. Pertama ialah golongan korporat yang mempunyai simpanan korporat dan kedua ialah pemegang ataupun pemain jual beli saham.

Pada tahun 2017, simpanan korporat telah mencecah kepada nilai RM1.6 trilion. Kalau diandaikan untuk tahun 2018 ini, hanya sebanyak RM500 bilion dan dikenakan cukai mengikut kadar cukai zakat sistem Islam sebanyak 2.5 peratus bukannya enam peratus, kerajaan akan mendapat hasil sebanyak RM12.5 bilion. Mengikut laporan setakat bulan Ogos 2018 ini, pegangan saham ialah sebanyak RM1.86 trilion.

Kalau dikenakan cukai sebanyak 2.5 peratus mengikut sistem zakat dan sistem ekonomi Islam, kerajaan akan berjaya memperoleh hasil sebanyak RM47.5 bilion yang tidak membebankan golongan miskin. Oleh kerana itu, maka Dewan yang mulia ini bersetuju untuk memansuhkan Akta GST dan bersetuju untuk tidak kembali kepada sistem lama SST yang telah terbukti sebagai sistem yang tidak efisien dan *transparent* serta terdedah kepada manipulasi harga dan cukai di kalangan peniaga dan yang terbeban akhirnya ialah rakyat.

SST telah ditolak oleh Dewan yang mulia ini tiga tahun yang lalu kerana ia tidak efisien malah membebankan rakyat, lalu ditukar kepada GST. Maka ternyata ia lebih teruk daripada SST. Adalah tidak munasabah, malah tidak bijaksana Dewan yang mulia ini masih bersetuju untuk terjerumus ke dalam lubang yang sama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1440

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.40 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018; Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018; Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018; Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018; dan Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018, seperti mana yang tertera dari nombor 2 hingga nombor 6 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 27 Ogos 2018”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang menyokong.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mengemukakan sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili.

**2.41 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, pegawai-pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Kementerian Kewangan kerana telah berjaya membentang satu rang undang-undang yang

kita namakan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 yang mana dengan matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa kos barang bercukai di pasaran kita tidak membebankan pengguna. Ini adalah matlamat kerajaan di dalam membentangkan rang undang-undang ini dan juga rang undang-undang ini dibentangkan kerana untuk memperoleh semula pendapatan dari cukai tidak langsung setelah GST dikosongkan kadar kenaannya sejak dari 1 Jun yang lepas.

Saya tidaklah hendak melihat rang undang-undang ini lebih kepada aspek-aspek teknikal kerana banyak perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya yang telah berbahas lebih awal tadi. Akan tetapi dalam perbahasan rang undang-undang ini saya ingin menyentuh sedikit latar belakang rang undang-undang ini kerana sepanjang pengetahuan saya belum pernah ada di negara kita ini satu *concern* yang begitu tinggi mengenai pelaksanaan sesuatu cukai yang melibatkan rakyat hingga salah satu daripada sebab mengapa sebuah kerajaan yang lalu iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah negara ini hilang kuasa selepas Pilihan Raya Ke-14 dulu adalah kerana rakyat mungkin menunjukkan kuasa mereka untuk menukar sistem percukaian iaitu sistem percukaian GST.

Kita menghormati mandat yang diberi oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Maka itulah mereka memperkenalkan sistem percukaian yang baru ini iaitu sistem percukaian SST. Akan tetapi apakah rakyat sedar dan tahu bahawa kalau GST dihapuskan, maka sudah tentu ada cukai baru diperkenalkan untuk menggantikannya. Setakat mana rakyat sedar tentang perkara ini, itu adalah satu perkara yang sukar untuk kita menjawabnya. Apakah rakyat tahu bahawa kerajaan tidak boleh tidak semestinya mengenakan cukai-cukai baru, memansuhkan cukai lama dan menggantikannya dengan cukai yang baru kerana kerajaan perlu hasil dan dari hasil pungutan cukai itulah maka kerajaan akan terus mengurus dan mentadbirkan sesebuah negara.

Jadi sejauh manakah rakyat faham tentang pentingnya sistem percukaian untuk sesuatu negara. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat cukai ini, apa sistem percukaian sekalipun, yang pentingnya ialah keberkesanan sesebuah cukai itu bergantung kepada sejauh mana tahap penguatkuasaannya yang diletakkan oleh ataupun diamanahkan oleh kerajaan ke atas sesebuah agensi yang tugasnya adalah untuk melaksanakan penguatkuasaannya.

Jadi kalau undang-undang ini, cukai jualan ini, maka yang penting yang harus kita lihat ialah sejauh manakah ianya dapat mengawal harga barang-barang di pasaran yang dikenakan oleh cukai jualan ini. Ini sudah tentu penguatkuasaan mestilah diperketat dan satu kelemahan mungkin sistem GST dulu adalah kerana penguatkuasaannya mungkin tidak begitu berkesan. Kalau penguatkuasaan tidak berkesan, nasib yang sama akan ada pada

SST. Kita tidak boleh terlalu *confident* dengan senarai pengecualian yang panjang, jenis-jenis barang yang tidak dikenakan cukai kalau penguatkuasaannya tidak efektif.

Juga cukai ini yang akan kita kenakan kepada rakyat, rakyat yang berpendapatan rendah, rakyat yang berpendapatan sederhana dan sebagainya. Jadi yang penting kejayaan sesuatu cukai itu ialah kerajaan mesti peka kepada maklum balas yang diterima daripada rakyat. Kalau kerajaan tidak peka kepada maklum balas daripada rakyat, maka selalunya lah akan berlakulah tindak balas daripada rakyat.

Jadi saya, kita sama-sama belajar untuk cara kita menjadikan negara kita makmur, menjadikan negara kita maju, maka maklum balas yang kita terima daripada rakyat haruslah kita ambil berat. Pada saya yang pentingnya ialah juga di dalam untuk kita menguatkan cukai ini ialah satu jaringan hubungan di antara kerajaan dan juga peniaga. Mesti ada *engagement-engagement* yang sering dibuat oleh kerajaan dengan *the stakeholders*. Sekiranya kerajaan mendapati bahawa ada barang, berlaku kenaikan harganya, maka kerajaan mesti memanggil *stakeholders* untuk sama-sama bawa berdialog dan apa sebabnya mereka menaikkan sesuatu harga. Kalau tidak sistem percuai itu tidak akan menjadi satu sistem percuai yang efektif.

Juga saya fikir Tuan Yang di-Pertua ialah rakyat mesti memainkan peranan yang penting di dalam kita memastikan bahawa sistem percuai itu mestilah satu sistem percuai yang betul-betul memberi kesan untuk membantu rakyat.

#### ■1450

Jadi, sejauh manakah kerajaan boleh menggerakkan persatuan-persatuan pengguna supaya memainkan peranan sebagai *the check and balance* kepada harga-harga yang ada di pasaran. Sejauh manakah rakyat kita boleh menunjukkan kuasa mereka? Kuasa beli yang ada pada mereka. Kita lihat rakyat di negara kita tidak betul-betul menjalankan kuasa beli yang ada pada mereka. Harga naik pun mereka beli. Apa sahaja harga yang diletakkan oleh peniaga pun mereka beli juga. Akan tetapi kalau rakyat ada kuasa untuk menolak harga yang tinggi, boleh mencari alternatif kepada barang itu saya rasa, maka kuasa beli rakyat akan menjadi kuasa penentu untuk menjamin sesuatu sistem perdagangan yang terbaik.

Kita juga dengar Tuan Yang di-Pertua, selalu pihak-pihak menyatakan bahawa kalau SST ini adalah satu sistem akan wujudnya *the black economy*. Maksudnya, orang lari daripada membayar cukai. Akan tetapi saya rasa yang penting ialah etika peniaga dan juga kepatuhan peniaga kepada pembayaran cukai dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa bila kita memperkenalkan sistem SST, kita akan mendapat pulangan hasil yang berkurangan. Jadi, sudah tentulah kerajaan mencari hasil-hasil baru dari segi percuai.

Jadi, saya ingin mencadangkan, sekiranya boleh diwujudkan satu Majlis Perundingan Percuaian atau *National Consultative Tax Council*. Di mana kalau adanya cukai-cukai baru ataupun apa-apa perkara yang hendak melibatkan percuaian ke atas rakyat, maka harus ada satu *consultation* di antara *stakeholders*, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan pengguna dan juga rakyat supaya cukai-cukai baru yang hendak dikenakan adalah sesuatu yang kita katakan sebagai mesra rakyat dan juga mesra peniaga. Jadi, inilah harapan kita kepada satu sistem percuaian yang ada pada kita hari ini.

Di samping itu, kita mengharapkan bahawa sistem *accountability* kastam dan profesionalisme mereka mestilah diamalkan dengan begitu tinggi supaya kita melihat penguatkuasaan sesuatu sistem percuaian itu tidak menakutkan rakyat, tidak menjadikan rakyat begitu takut kepada pihak-pihak penguat kuasa dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa atas semangat Malaysia baharu, saya haraplah kerajaan ini bila kita sampai kepada pungutan hasil nanti, kita boleh mendedahkan jumlah pungutan itu dan kalau boleh kita *breakdown figures*-nya.

Berapa jumlah pungutan cukai yang kita peroleh dari negeri-negeri yang ada di negara kita ini dan mungkin sebahagian daripada pungutan cukai itu boleh kita agihkan kepada negeri-negeri supaya kita melihat bahawa adanya kewujudan satu *balance of development* di kalangan wilayah-wilayah di negara kita ini. Saya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Saya yakin bahawa sistem...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Masa sudah cukup. Rumuskan dalam satu...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Saya menggulung. Saya yakin bahawa *tax* ini, cukai jualan ini akan merupakan satu cukai yang efektif. Oleh kerana kita belajar dari kelemahan GST dahulu dan mungkin juga kita telah menilai kelemahan-kelemahan yang ada pada SST yang lalu. Jadi, saya rasa boleh saya katakan bahawa SST 2.0 ini adalah pembaharuan dan penambahbaikan daripada pengalaman kita dari SST 1.0 dan juga GST. Saya berharap Dewan ini boleh mempertimbangkan rang undang-undang ini dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada empat lagi Ahli Yang Berhormat yang akan berbahas. Kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas itu, saya nak merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kalau Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas itu, tidak payah kita ulang balik apa yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

## 2.56 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillahi Robbil alamin. Wassolatuwassalamuala ashrofilambiyaa iwalmursalin. Waala alihiwashohbihi ajmain.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta dalam membahaskan rang undang-undang ini. Semoga Allah memberi taufik dan hidayah kepada kita untuk menemukan suatu jalan penyelesaian demi kepentingan rakyat dan negara kita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, pegawai-pegawai kementerian, pegawai kastam dan semua yang terlibat dalam menyediakan rang undang-undang ini dan berusaha mencari penyelesaian kepada masalah yang kita bincang. Satu perkara yang diakui dan disepakati oleh semua pihak, termasuk kita semua ialah sumber pendapatan negara yang penting.

Cukai merupakan sumber pendapatan negara yang penting untuk meneruskan kelangsungan pengurusan pentadbiran dan pembangunan negara. Pemungut dan pembayar cukai yang sebenarnya adalah rakan pembangunan negara atau *partner building*, dengan izin, yang berbeza pendapat dan berselisih pandangan di antara berbagai-bagai pihak, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ialah sistem cukai yang akan diguna pakai oleh kerajaan baharu.

Rakyat adalah pihak yang akan mengalami dan merasai kesan positif atau negatif sesuatu sistem cukai. Rakyat telah merasai kesan sistem cukai SST dahulu yang kemudiannya digantikan dengan GST pada 1 April 2015. Akhirnya, sistem SST dahulu itu digantikan dengan GST dengan alasan mengalami banyak kelemahan. Kini GST pula diganti dengan SST yang akan dilaksanakan pada bulan September ini dengan alasan-alasan yang tersendiri.

Walau bagaimanapun, yang terlibat dalam hal ini, yang pertama kerajaan; yang kedua rakyat; dan yang ketiga ialah para peniaga. Sebagai sebuah kerajaan yang diberi tanggungjawab oleh Allah SWT sebagai pemerintah yang agung yang memerintah dunia ini, maka pihak kerajaan mestilah sedar tentang tanggungjawabnya dan prinsip-prinsip keadilan yang mesti dilaksanakan. Kita semua tahu kerajaan yang adil itu ialah kerajaan yang memberi hak kepada yang berhak dan menarik hak daripada yang tidak berhak.

Rasulullah SAW telah memberi suatu prinsip yang sangat penting dalam pelaksanaan apa sahaja dalam kehidupan kita, termasuklah hal ehwal cukai ini iaitu... *[Menyebut perkataan dalam bahasa Arab]* Bermaksud, tidak boleh mana-mana pihak memberi atau memudaratkan atau mana-mana pihak tidak boleh mendatangkan kemudaratkan kepada pihak yang lain.

Maknanya, semua pihak hendaklah sentiasa memberi manfaat dan tidak boleh membawa kemudarat.

### ■1500

Jika prinsip ini diguna dalam budaya kita, *insya-Allah* banyak kemudarat yang boleh kita tolak dan kita cuma fikirkan manfaat dan kebaikan sebagaimana yang diungkapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Saya tidak ingin mengambil masa yang banyak kerana masa pun sudah tidak banyak lagi bagi kita. Jadi saya ingin kemukakan bersama dengan perbahasan ini ialah beberapa perkara yang menimbulkan keresahan dan persoalan rakyat yang juga banyak disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Keresahan yang pertama ialah sejauh mana sistem cukai SST ini benar-benar dapat mengganti GST yang benar-benar memberi, membawa kesejahteraan kepada rakyat. Itu adalah satu soalan yang sentiasa disebut-sebut di mana-mana. Kedua, adakah pelaksanaan SST ini akan menurunkan kadar inflasi atau menaikkannya seperti apa yang berlaku pada tahun 2017. Di mana kadar inflasi naik hampir empat peratus berbanding dengan satu peratus saja pada tahun 2015 sebelum GST diperkenalkan. Inflasi adalah merupakan mimpi ngeri kepada rakyat bawahan.

Pelaksanaan SST menjelang September 2018 ini akan mengurangkan pendapatan negara sebanyak RM21 bilion setahun berbanding dengan RM44 bilion yang diperoleh melalui GST. Soalan yang timbul di kalangan rakyat, adakah kekurangan pendapatan negara ini kerana pelaksanaan SST akan menjaskas hak-hak rakyat seperti kenaikan gaji ataupun kemungkinan kakitangan awam akan dipotong gajinya atau menjaskas peluang-peluang pekerjaan rakyat atau boleh mengurangkan peruntukan-peruntukan pembangunan negara.

Apakah kekurangan pendapatan negara ini juga akan memotong bantuan-bantuan yang diperlukan kepada rakyat atau mengurang peluang-peluang pekerjaan dan juga meluaskan lagi kemiskinan di kalangan rakyat. Banyak lagi persoalan-persoalan yang timbul hasil daripada kekurangan pendapatan negara melalui cukai ini.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang efektif atau berkesan untuk menimbus kekurangan pendapatan negara ini, apakah dengan menaikkan cukai ataupun mengadakan cukai-cukai yang baru yang boleh menimbulkan masalah kepada rakyat ataupun kerajaan mempunyai sumber-sumber kekayaan yang baru ataupun pendapatan alternatif untuk mengatasi kekurangan ini. Saya yakin pihak kerajaan mempunyai perancangan dan strategi yang tersendiri.

Bersama dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengemukakan satu soalan berapakah implikasi kewangan berikut dari pelaksanaan rang undang-undang ini yang perlu ditanggung oleh kerajaan.

Satu lagi, saya ingin mencadangkan supaya ketirisan cukai yang merugikan negara itu dapat diatasi segera. Demikian juga soal penguatkuasaan yang disebut oleh Yang Berhormat yang berucap tadi perlulah diberi suatu perhatian khusus baik dari segi undang-undang dan pendidikan supaya isu penguatkuasaan ini tidak menimbulkan masalah kepada pelaksanaan sistem cukai ini. Apa yang berlaku dalam negara kita ini adalah masalah rasuah. Di mana rasuah merupakan satu bahaya yang besar kepada pentadbiran negara sebagai mana dadah juga menjadi masalah, rasuah juga merupakan masalah yang menghalang kemajuan negara dan menimbulkan pelbagai masalah dalam pelaksanaan pentadbiran kerajaan.

Itulah saja Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas apa yang saya sampaikan, semoga Allah memberkatinya. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Fahariyah.

### 3.06 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya nak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk berbahas satu rang undang-undang yang saya kira cukup penting terhadap rakyat iaitu Rang Undang-undang Cukai Jualan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dengan terbentangnya rang undang-undang ini, menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar mempunyai hasrat untuk mengurangkan beban rakyat dan menjaga kesejahteraan rakyat melalui pembentangan cukai SST ini.

Saya yakin melalui pembentangan rang undang-undang ini yang akan dilaksanakan pada 1 September akan dapat memulihkan semula perolehan pendapatan kerajaan melalui bayaran levi atau cukai barang bercukai setelah hampir tiga bulan kerajaan bercuti untuk mengutip cukai barang. Cukai SST ini juga telah banyak dibahaskan di Dewan Rakyat mahupun oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini. Apabila kita lihat semua perbahasan yang dikemukakan adalah untuk menjaga dan memastikan kebijakan rakyat kekal terpelihara terutamanya dalam impak terhadap harga barang selepas cukai SST ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh tentang dua perkara. Pertama, saya ingin menyentuh tentang bagaimana cara pelaksanaan dan penyediaan pihak kerajaan dalam cukai SST ini. Ini kerana kalau kita tengok dalam tempoh penyifaran kadar GST atau, dengan izin, *it's the tax holiday for the whole country* untuk cukai barang, kita lihat kebanyakan kenaikan harga barang makanan asas seperti ikan, ayam dan beberapa produk

makanan di dalam tin atau *packaging* yang dijual di pasaran dinaikkan harga oleh peniaga untuk memastikan apabila SST 2018 ini dilaksanakan dan mereka akan terus menikmati keuntungan berganda. Banyak sebenarnya dalam tempoh *tax holiday* ini, barang-barangan asas seperti ikan yang sebelum ini memang GST sifar tetapi harga barang naik sehingga ada yang mengira ikan di laut dan sebagainya.

Maknanya kita nak menyatakan bahawa- saya juga ada terbaca satu kenyataan yang dibuat yang di mana berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Pengguna pada bulan Julai yang lalu mendapati 30 peratus restoran mamak di seluruh negara menaikkan harga makanan biarpun berkadar sifar GST. Ini turut diperakui oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, *my point here* Tuan Yang di-Pertua walau apa pun rejim percukaian yang diperkenalkan oleh kerajaan sama ada GST, SST atau sebagainya, selagi kerajaan gagal menangani kaedah terbaik dan cekap dalam mengutip cukai hasil tidak langsung ini, maka pengguna akan terus ditekan peniaga demi keuntungan berganda mereka. Maka sehubungan itu, saya ingin nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah janji kerajaan apabila cukai SST ini dilaksanakan ianya benar-benar tidak membebankan rakyat.

Jika kita lihat semasa cukai GST diperkenalkan, kerajaan terdahulu mengambil masa 17 bulan sebelum ianya dilaksanakan, yang mana penerangan kepada orang ramai, *engagement* bersama peniaga, insentif pemberian kursus dan *software* kepada peniaga dan pelbagai cara bagi memastikan pelaksanaan GST ini tidak membebankan- *there is theoretically*.

Melalui teori juga, harga barang tidak sepatutnya naik melalui GST tetapi ia tetap naik kerana manipulasi pihak peniaga di samping isu-isu pentadbiran yang seperti mana yang diterangkan oleh KP Kastam malam tadi, yang mana isu-isu seperti isu-isu tuntutan GST *refund* telah menaikkan harga barang. Kita juga tahu bahawa semasa pelaksanaan GST dahulu, sesi penerangan yang sama telah dibentangkan seperti kerjasama dengan agensi-agensi untuk memastikan peniaga tidak mengambil peluang dan menaikkan harga barang sama seperti taklimat yang diberikan malam tadi.

## ■1510

Akan tetapi, *it is very unfortunate that* barang-barang tetap naik dan sehingga menyebabkan kesan yang sangat mendalam kepada kerajaan Barisan Nasional. Saya hendak bertanya lah kepada Yang Berhormat Menteri sebab SST ini hanya dibuat dalam tempoh masa empat bulan dan saya rasa pembentangan yang dibuat pada hari ini juga agak tergesa-gesa sehingga Dewan Negara terpaksa bersidang satu hari dalam minggu ini kerana hendak memastikan pelaksanaan SST pada 1 September ini sebagaimana yang telah dijanjikan. Justeru itu, saya mahu jaminan daripada pihak kerajaan untuk memastikan harga

barang tidak dinaikkan bagi memastikan kepentingan rakyat terjaga dalam tempoh SST ini dilaksanakan.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang *proposed exempted items* yang dibentangkan oleh pihak Kastam dan Menteri malam tadi. Saya sebagai pengguna dan juga mewakili rakyat ingin mengucapkan terima kasih lah kepada kerajaan kerana telah menunjukkan keprihatinan, telah menambah barang dikecualikan cukai sebanyak lima kali ganda berbanding dengan GST. Memang kita mengalu-alukan lah, sebab apa ia nya satu perkara yang baik bagi memastikan barang-barang ini tidak naik dan kepentingan rakyat terjaga.

Namun, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri, berapa kerap kah senarai barang ini akan disemak dan memastikan barang-barangan yang disenaraikan yang lebih kurang tadi dinyatakan lima ribu lebih ini akan tetap kekal dalam senarai. Malahan akan ditambah seperti mana yang tadi Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah tadi ada sebutkan, yang mana Menteri telah menambah susu berperisa coklat, ya Yang Berhormat? Berperisa coklat. So, mungkin kita hendak tahu berapa kerap kerajaan akan menyemak dan menambah dan juga kita hendak tahu adakah barang-barang itu akan tetap dalam senarai?

Saya bertanya soalan ini Tuan Yang di-Pertua sebab kita tahu bahawa GST telah menyelamatkan kewangan negara, *it has been acknowledged even by the international analyst*, dan sebagainya. Kita tahu bahawa GST juga telah menyelamatkan dari segi apabila ada impak harga komoditi terutamanya harga petroleum dan gas, turun naik pada tahun 2015 dan tahun 2016, tetapi GST telah menyelamatkan keadaan kewangan negara. Melalui GST ini juga telah menunjukkan bahawa negara telah mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan melalui sumber petroleum dan gas.

Kita juga tidak hendak nanti apabila senarai barang yang disenaraikan tidak dikenakan cukai, dikecualikan cukai hanya lah semata-mata lebih kepada sekadar *introductory list*, *it means that* bila kata lah SST diperkenalkan, diletak sampai lima ribu, enam ribu senarai. Akan tetapi apabila SST menunjukkan impak yang mungkin, mudah-mudahan tidak begitu, mengurangkan hasil pendapatan negara apabila contoh nya harga minyak yang kita tahu, tidak boleh dikawal oleh negara, yang kita tahu harga minyak ditentukan oleh dunia, harga rendah dan negara kekurangan sumber kewangan, dikenakan pula cukai-cukai barang-barang tersebut. Barang-barang yang telah disenaraikan lima ribu.

Maka, saya hendak tanya kepada kerajaan bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa barang-barang ini akan kekal dan juga untuk tetap dalam senarai dan bagaimanakah kerajaan hendak memaklumkan kepada rakyat. Ini adalah sebab dalam dua hari lepas, saya

lihat masih belum ada lagi, masa saya membaca tentang SST ini dua tiga hari lepas, belum ada lagi senarai SST jualan barang.

Akan tetapi apabila hari ini saya tengok baharu hanya masuk 19 Julai, senarai-senarai barang-barangan yang dikecualikan. Maknanya, semalam lah baru dimasukkan. Maknanya rakyat hanya boleh mengetahui dalam tempoh sepuluh hari sebelum dilaksanakan pada 1 September tentang senarai barang yang hendak dikecualikan. Maknanya, saya hendak tanya kepada kerajaan, bagaimanakah pihak kerajaan hendak memaklumkan tentang hak-hak mereka, rakyat sebagai pengguna ini yang barang-barang mereka ini tidak dikenakan cukai supaya tidak dimanipulasikan oleh pihak peniaga.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, kita banyak lagi ada rang undang-undang yang hendak dibentangkan. Pada hari ini apabila rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan Negara yang mulia ini, sama ada ia nya akan disokong atau pun tidak, ia nya tetap akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Maka, dengan itu saya sekali lagi ingin menekankan dan meminta pihak kerajaan berjanji dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas pelaksanaan cukai SST ini dalam memastikan kesejahteraan rakyat tetap terpelihara dan bebanan kos sara hidup rakyat dapat dikurangkan seperti mana yang telah dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan. Kita tidak hendak janji-janji yang diberikan ini juga dan jangan lah dijadikan janji-janji ini seperti janji 100 hari. Apabila tidak dapat dilaksanakan, pelbagai pihak dipersalahkan dan pelbagai alasan diberikan kerana apabila cukai ini dilaksanakan, ia nya memberi impak yang besar kepada rakyat kerana ia melibatkan kos sara hidup. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

### 3.16 ptg.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Sebelum saya menyampaikan sedikit respons dalam siri perbahasan tentang rang undang-undang yang berkaitan dengan cukai jualan ini, saya ingin mengalukan kehadiran rombongan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Joseph (B) Johor Bahru ke dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lagi berhasrat untuk mengulang-ulang hujah-hujah yang telah disampaikan sejak daripada mula perbahasan pada pagi tadi hingga sekarang, saya dapat mengikutinya. Hujah-hujah yang saya hendak kemukakan, saya harap tidak lagi merupakan hujah yang telah disebut. Akan tetapi ada sesuatu yang saya rasa perlu kita berikan perhatian yang berat kerana merujuk kepada indeks harga pengguna bagi bulan Jun 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, maklumat yang telah kita terima

bahawa harga barang Malaysia naik, 0.8 peratus sekiranya dibandingkan dengan Jun 2017.

Perkara ini sangat aneh, walhal GST sudah diturunkan kadar kepada kosong peratus. Dalam senarai ini disebut bahawa pakaian dan kasut turun 3.1 peratus. Namun, perkhidmatan seperti kesihatan naik 0.3 peratus dan pengangkutan pula naik 5.5 peratus dan kita tahu pengangkutan ini amat mustahak selain daripada kesihatan.

Mengapakah perkara ini terjadi? Kita mahu siasatan terperinci diadakan supaya pengguna-pengguna di Malaysia tidak di manipulasi dengan harga-harga baru yang tidak menentu dalam keadaan kita keghairahan untuk melihat SST itu lebih baik daripada GST. Kita tidak mahu euphoria kemenangan Pakatan Harapan boleh mengaburkan mata dan mengecewakan rakyat. Walaupun kita tahu dalam sistem demokrasi sepatutnya kita semakin matang bahawa kalau sesbuah kerajaan itu tidak dapat memenuhi janji nya kepada rakyat, rakyat akan menentukan nasib kerajaan pada masa akan datang.

Jadi, kita mahu Kementerian Kewangan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain. Ini adalah sebab saya melihat soal kerjasama antara agensi-agensi dan jabatan-jabatan, kementerian-kementerian di atas kertas adalah baik. Akan tetapi bila sampai kepada pelaksanaan, daripada repot yang kita terima, kita punya kawan-kawan yang ramai di kementerian-kementerian, jabatan dan sebagai nya, apa yang telah berlaku ialah kegagalan atau pun separuh kegagalan dalam pelaksanaan terhadap sesuatu polisi yang baru diluluskan oleh Dewan Rakyat, dan *insya-Allah* Dewan Negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mahukan supaya satu pelan komprehensif untuk menstabilkan harga barang. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat melihat perkara ini untuk dibentangkan dalam belanjawan tahun 2019, saya difahamkan pada bulan September, *insya-Allah*. Selain itu, soalan saya juga ialah apakah bentuk bantuan secara *direct* atau pun secara langsung, dengan izin, seperti tunai atau pun kad diskau kepada kumpulan B40 dapat diperkenalkan untuk tahun hadapan?

## ■1520

Perkara ini penting supaya beban kehidupan golongan yang rendah pendapatannya dapat dikurangkan. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai pendedahan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa lebih RM18 bilion yang sepatutnya berada dalam tabung *refund* GST telah didapati tiada. Perkara ini juga suatu yang serius kerana *refund* GST sangat penting kepada syarikat-syarikat di luar sana supaya mereka dapat meneruskan perniagaan.

Mungkin oleh kerana banyak syarikat dalam masa tiga tahun ini tidak dapat *refund* GST menyebabkan harga barang naik. Ini telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan malam tadi dalam satu jamuan makan malam dan perbincangan dengan Ahli-ahli

Dewan Negara. Oleh yang demikian, kita harap bahawa pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini sewajarnya dibawa dengan serius untuk semua pihak terutama pihak SPRM supaya kita mahu melihat bahawa SST ini benar-benar berjaya setelah kita telah menyatakan bahawa GST itu telah menimbulkan banyak mudarat kepada rakyat Malaysia.

Akhir sekali, saya hendak sentuh tentang peranan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Saya ucapkan terima kasih di atas sumbangan mereka yang besar kepada pelaksanaan semula SST. Persoalannya ialah sekali lagi hendak ditimbulkan apakah Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai persiapan yang betul-betul siap siaga untuk turun ke medan, ke lapangan dengan tenaga kakitangan yang cukup?

Ini kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak baik ini, yang lembap ini, kita bimbang nanti mereka akan menyatakan kepada rakyat mereka tidak dapat peruntukan kakitangan kerana bajetnya tidak ada. Oleh yang demikian, peranan Jabatan Kastam Diraja adalah tunggak yang paling penting bagi menjayakan pelaksanaan SST ini. Sekian, terima kasih. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang untuk SST. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Nama saya tidak dihantar lagi?

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya sudah hantar nama pagi tadi.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, ada lagi.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Astaghfirullah.* Dua kali saya mesej, dia kata okey, nama sudah ada dalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa. Nama siapa yang belum masuk lagi? Dalam jawatankuasa saya benarkan Yang Berhormat untuk bertanya.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersama dengan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 3.22 ptg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pandangan, antaranya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.

Thambirajah; Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun; Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin; dan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husain bin Awang yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.

Saya ingin memberikan jaminan kepada Dewan Negara bahawa teras utama SST diperkenalkan untuk menggantikan GST adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Oleh kerana ini adalah sebab utama mengapa pihak kerajaan baharu dapat dibentuk. Ini kerana apabila kita lihat apa yang berlaku dalam sistem lama GST, sungguhpun saya tidak nafi bahawa saya sebut bahawa GST adalah lebih efisien dan lebih telus.

Akan tetapi apabila kita sebut sesuatu cukai itu lebih efisien dan lebih telus Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna ia lebih efisien sebab apa? Cukai yang lebih efisien bermakna ia akan kutip lebih banyak cukai dan yang menjadi masalah ke atas cukai GST ini ialah tanggungannya adalah lebih kepada B40. Golongan yang tidak berada, di mana sebelum ini tidak pernah bayar cukai tiba-tiba mereka kena bayar cukai.

Saya rasa faktor ini kita boleh lihat bukan sahaja dekat Semenanjung Malaysia malah dekat Sabah dan Sarawak pun ada. Banyak rintihan dan banyak aduan yang kita terima di Sabah dan Sarawak apabila mereka sebelum ini tidak pernah bayar cukai, tiba-tiba kena enam peratus. Sungguhpun mereka datang daripada golongan miskin.

Tambah lagi apabila masalah *refund* GST menjadikan apa yang sebenarnya membolehkan *input tax* ditolak tetapi kerana tidak ada *refund*, tidak ditolak. Cukai pelbagai peringkat menyebabkan di semua peringkat cukai akan berlambak-lambak. Itu sekiranya ada empat peringkat. Setiap peringkat enam peratus akan berlambak-lambak menjadi 24 peratus kerana tidak dapat bayaran balik GST. Sehingga banyak peniaga kerana tahu tidak dapat balik bayaran GST, mereka telah masukkan kos tersebut iaitu tidak dapat balik bayaran GST ke dalam harga barang. Itulah yang menyebabkan harga barang naik begitu tinggi sehingga ia menjadi suatu masalah kepada rakyat dalam bentuk kenaikan harga barang.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan saya tidak pernah menyatakan bahawa SST akan menyebabkan harga barang turun. Saya tidak pernah menyatakan sedemikian. Saya menyatakan bahawa sekiranya harga barang naik, kesannya adalah lebih ringan daripada GST iaitu separuh ringan seperti yang saya sebut tadi kerana dari segi kutipan cukai, kita hanya kutip RM21 bilion berbanding dengan GST sebanyak RM44 bilion.

Saya tidak akan buat ramalan yang berani seperti Timbalan Menteri Kewangan dahulu yang menyatakan GST akan menyebabkan harga barang naik akan turun. Ini secara teori sahaja. Akan tetapi secara amalan, apa yang berlaku adalah sebaliknya. Tentulah kita boleh

lihat kesan GST ini sehingga seperti yang Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili sebut tindak balas daripada rakyat menyebabkan pertukaran kerajaan yang tidak disangka langsung. Selama 61 tahun memerintah tiba-tiba tukar kerajaan kerana isu GST ini.

Itulah sebabnya rakyat tolak GST. Oleh sebab itu adalah tugas kita untuk gantikan GST dengan SST. Ini adalah mandat rakyat. Saya hanya menjadi alat kepada rakyat untuk melaksanakan hasrat mereka. Saya harap bahawa Dewan Negara yang mulia ini dapat menghormati hasrat rakyat. Tentu ada beberapa pandangan yang menyatakan keimbangan tentang pelaksanaan. Ini pelaksanaan, saya memang akui kalau ada mana-mana pihak ataupun dalam pelaksanaan ada kekurangan, itu saya tidak berani cakap ia dijalankan secara sempurna, tidak. Memang ada kekurangan. Kita pun tidak akan macam dahulu cakap GST sempurna habis, tidak ada. Dalam dunia ini tidak ada yang sempurna kecuali Tuhan sahaja.

So, kita kena ingat ini. Itulah sebabnya saya datang ke Dewan ini untuk dengar pandangan. Kalau ada yang cakap mengapa ada barang-barangan mewah tidak dimasukkan. Baik, kita akan semak, kita akan masukkan balik. Itulah kerajaan terbuka. Kita rela dengar maklum balas. Seperti apabila saya adakan satu dialog dengan peniaga, ada yang memaklumkan bahawa mengapa susu biasa dikecualikan tetapi susu berperisa coklat tidak dikecualikan? Saya ingat dikecualikan tetapi sekiranya tidak dikecualikan, kita akan kecualikan.

So, itu adalah hasil daripada maklum balas. Paling penting ialah kita hendak memperbaiki sistem ini supaya kita dapat memenuhi hasrat iaitu menggantikan GST dengan SST. Ya, daripada segi *economy theory* ia lebih telus, ia lebih efisien. Akan tetapi rakyat tidak mahu cukai yang lebih efisien dan lebih telus sehingga mereka lebih susah, sehingga kesejahteraan rakyat dikompromikan.

#### ■1530

Kita kena ingat, di seluruh dunia oleh kerana kecacatan yang ada dalam GST khususnya dalam aspek GST *refund* dan bayaran balik, ia telah menyebabkan semua negara yang melaksanakan GST telah kalah dalam pilihan raya kecuali satu negara sahaja iaitu Singapura. Di Singapura, mereka boleh *survive* kerana mereka kenakan GST pada tahap tiga peratus. Itu ialah secara permulaan tetapi tentu pun ada tekanan domestik secara tersendiri. Akan tetapi di sini, kita kena ingat, kita adalah sebuah kerajaan yang mesti memenuhi hasrat rakyat. Seperti yang saya selalu sebut, *the business of government is to stay out of business*. Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dulu. Ungkapan ini penting. Saya akan bagi kemudian.

*The business of government is to stay out of business*, ini sebagai satu contoh. Ya, penting ialah kita dapat keuntungan yang besar tetapi kalau untuk sesbuah perniagaan untuk meraih keuntungan yang besar itu bagus kerana itu perniagaan tetapi sekiranya untuk kerajaan, adakah kita semata-mata mahu meraih keuntungan sahaja? Sekiranya sesbuah kerajaan dia punya objektif hanya untuk meraih keuntungan dan sedia korbankan kesejahteraan rakyat, saya rasa itu bukan tujuan dan matlamat sesbuah kerajaan kerana sesbuah kerajaan ada tanggungjawab sosial, ada tanggungjawab ke atas rakyat, ada tanggungjawab ke atas negara.

Di sinilah saya harap sungguh pun Yang Berhormat boleh sebut dari segi teori dan sebagainya ia lebih telus dan efisien, tetapi apa maknanya lebih telus, lebih efisien kalau rakyat lebih susah, memudaratkan kehidupan mereka dan mereka rasa kehidupan mereka lebih sengsara? Itulah yang saya hendak sampaikan di sini. Kalau kita sebut dari segi teori sahaja, yang penting ialah apa yang berlaku secara realiti dan hakikatnya.

Sila Senator- saya minta maaf, tidak kenal.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua benda sahaja saya hendak tanya. Saya tidak marah tadi tak dapat cakap, *no problem*, saya boleh cakap lain kali.

Pertama, terima kasih Yang Berhormat Menteri bila mengatakan bahawa semua negara yang telah mengamalkan GST, tidak silap saya 174, semua kalah pilihan raya melainkan Singapura. Betul kah fakta ini? Tolong jelaskan apakah nama-nama negara itu. Itu yang pertama.

Kedua, saya setuju Kerajaan Pakatan mesti sudah pasti berhasrat murni, ikhlas untuk memberikan yang terbaik untuk rakyat. Akan tetapi saya hendak soal, apakah Yang Berhormat Menteri seratus peratus pasti bahawa selepas kita *implement SST* pada 1 September ini, rakyat akan menjadi lebih bahagia, lebih gembira, lebih senang, lebih ceria? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Senator. Tentu saya sebut dalam aspek negara-negara demokrasi. Janganlah sebut dalam negara yang tidak ada pilihan raya dan juga di mana proses pilihan raya tidak terbuka dan tidak bebas.

Tentang soalan yang lebih penting ialah apakah jaminan rakyat boleh lebih bahagia, saya tidak boleh jamin tetapi kita boleh rancang. Yang tentukan ialah Tuhan tetapi sekurang-kurangnya kita mesti berusaha untuk merancangnya. Salah satu usaha ialah untuk menggantikan GST dengan SST kerana memang rakyat lebih susah di bawah GST. Bukan sahaja rakyat lebih susah di bawah GST, malah ada 121,429 pembayar cukai yang tidak dapat

bayaran balik GST mereka. Itu mereka pun menuntut bayaran balik yang mereka telah tunggu sejak tiga tahun lepas.

Perkara ini adalah suatu isu yang besar kerana ia melibatkan jumlah wang sebanyak RM19.25 bilion yang tidak cukup dalam Akaun Amanah untuk membayar balik kepada 121,429 pembayar cukai. Dalam aspek ini, saya akan sebut atau akan merujuk kepada perkara ini apabila saya bentangkan rang undang-undang pemansuhan GST.

Saya ingin meminta...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Minta laluan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pertamanya hendak menyatakan perasaan terkesima saya bila melihatkan Yang Berhormat Menteri dengan nada yang cukup sayu memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahwasanya harapan Yang Berhormat Menteri supaya nak melihatkan kehidupan rakyat akan lebih terbelia, akan berada dalam keadaan yang lebih baik selepas pelaksanaan SST ini.

Bila Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut soal itu, ia bermaksud andaian yang boleh kita buat di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebelum SST dilaksanakan dan selepas GST mengambil tempat, bermaksud rakyat dalam negara ini telah pun menderita. Jadi andaian saya, itu maksud daripada ayat Yang Berhormat Menteri. Sehinggalah GST kita mendapat *tax holiday* seperti sekarang ini sehingga 1 September.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana selepas kita mendapat *tax holiday* ini, rakyat berada dalam keadaan yang cukup gembira? Saya tidak nampak rakyat berada di mana-mana tempat menyatakan kegembiraan mereka berlaku *overnight*, dengan izin, yang hari ini telah pun mengangkat ekonomi mereka menjadi lebih baik.

Tadi saya juga mendengar setiap patah ayat Yang Berhormat Menteri ada menyebut, Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi jaminan. Saya ucap terima kasih di atas kenyataan yang cukup terbuka dan bersikap *gentleman* itu tetapi apakah jaminan Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri sendiri tidak boleh memberi jaminan sebagai Menteri yang menjaga kewangan dalam negara ini bilamana Yang Berhormat sendiri tidak boleh beri jaminan. Jadi, apakah harapan Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi dalam perasaan yang cukup meluap-luap tinggi dan kasih sayangnya kepada rakyat. Jadi, apakah jaminan nanti kalau sekiranya selepas 1 September, selepas SST mengambil tempat dan sekiranya kehidupan rakyat akan lebih parah lagi?

Kita hari ini dah tengok, Tuan Yang di-Pertua, rata-rata mana-mana tempat penjualan kereta contohnya, mereka dah tak nak jual. Pergilah cuba beli kereta sekarang, semua tak

nak menjual kereta, mereka tunggu sehingga 1 September. Roda, tayar telah pun diumumkan akan berlaku kenaikan harga yang mendadak.

Jadi, kekhuatiran saya dan pastinya walaupun Yang Berhormat Menteri sebut tidak boleh bagi jaminan mutlak tetapi mesti ada jaminan yang juga daripada Kerajaan Pakatan Harapan ini sebagai Malaysia baharu, apakah rakyat boleh berada dalam keadaan yang lebih selesa? Jika tidak, apakah tindakan Kerajaan Pakatan Harapan selepas ini kalau sekiranya selepas 1 September, ternyata rakyat akan lebih sukar sebenarnya? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Yang Berhormat Menteri, saya terus tanya, nanti senang Menteri jawab sekali. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kalau hendak beri laluan boleh, kalau tidak...

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh, boleh.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung sedikit hujah Yang Berhormat Senator Datuk Megat tentang kesejahteraan dan kegembiraan rakyat yang menjadi keutamaan kepada Menteri dan kerajaan.

Cuma, soalan saya ringkas sahaja iaitu adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa jika selepas pelaksanaan SST nanti selepas 1 September, apabila barang kemungkinan atau berlaku kenaikan harga barang, maka adakah Yang Berhormat setuju bahawa rakyat akan lebih gembira dan selesa dalam keadaan GST berbanding SST? Maksud saya kalau SST barang naik, rakyat sudah pasti akan lebih menderita. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa nanti rakyat akan lebih gembira dan selesa dengan GST berbanding SST? Terima kasih.

#### ■1540

**Tuan Lim Guan Eng:** Nampaknya masih ada yang rindu kat GST. Akan tetapi sekiranya kita tidak berjaya, tentulah ini ada modal untuk pihak parti lawan untuk digunakan ke atas Pakatan Harapan. Akan tetapi, jelas sekali bahawa rakyat telah jimat enam peratus dari segi GST. So, itu adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan.

So sekiranya mereka beli apa-apa barang, contohnya dia beli RM3,000 punya barang sebulan, dia akan jimatkan RM180. Itu adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Sekiranya dia belanja RM2,000 sebulan, dia sudah jimat RM120. Itu pun satu hakikat yang tidak boleh dinafikan, apabila kita mansuhkan GST untuk tempoh *tax holiday* ini. Akan tetapi yang jadi masalah ialah pertanyaan mengapa harga tidak turun. Ada beberapa faktor, di antaranya ialah kenaikan harga minyak kerana kita tidak boleh nafikan harga minyak ada naik dan ini pun tambah kos ke atas harga barang.

Ini saya rasa saya hendak berikan satu peringatan. Semasa GST dilaksanakan, saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara masih ingat harga minyak turun ke tahap yang paling rendah sampai USD30 lebih satu tong, tetapi masa itu harga barangan sudah naik. Mengapa? Ini kerana kita sudah masuk era GST dan itulah kesannya sehingga rakyat tidak boleh dapat limpahan manfaat daripada penurunan harga minyak pada masa itu. Sekarang bila kita hapuskan GST, mereka telah jimat enam peratus.

Akan tetapi dari segi harga kerana faktor-faktor peringkat antarabangsa dan juga sebab-sebab struktur seperti yang saya sebut tadi, ada sesetengah barangan, harga masih kekal di situ. Akan tetapi itulah sekurang-kurangnya kalau kita tidak hapuskan GST, keadaan akan jadi lebih teruk. Ini kerana seperti yang saya sebut, tanpa bayaran balik, harga akan berlambak-lambak.

Kalau empat peringkat, enam peratus kali empat, akan jadi kenaikan 24 peratus. Oleh kerana tidak boleh dapat bayaran balik, mereka akan masuk dan ambil kira dalam kos mereka. Sehingga ada seorang Ahli Parlimen Dewan Rakyat menjadi mangsa tidak terima bayaran balik GST, telah menimbulkan hal ini dalam Dewan Rakyat pada masa itu.

Ini memang satu masalah besar kerana dia sendiri tidak dapat bayaran balik sungguhpun telah tunggu sekian lama. Ini adalah salah satu kelemahan di mana apabila sesebuah kerajaan tidak menjalankan tugasnya seperti mana yang telah diamanahkan, menjadikan perkara ini menjadi lebih teruk dan lebih serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan jaminan bahawa kita tentu akan berusaha supaya rakyat boleh rasa mereka hidup lebih senang di bawah era SST berbanding dengan GST. Tentu ada beberapa cabaran yang akan menghalang kita daripada buat ini.

Akan tetapi sekurang-kurangnya kita kena ingat yang enam peratus yang dulu mereka kena bayar, sekarang mereka tidak perlu bayar. Apa yang wujud ialah masalah harga. Itu sesuatu yang kita akan berikan perhatian. Di antara isu yang dibangkit ialah tentang penguatkuasaan, pematuhan. Ini kita akan tangani bukan sahaja dengan kakitangan yang terlatih, tetapi juga dengan sistem pengkomputeran. Sekarang permohonan dibuat secara *online*. Oleh kerana dibuat secara *online* lebih mudah untuk kita buat pemeriksaan dan semakan yang sewajarnya. Kita kena ingat, SST dulu tidak ada komputer. Semua buat secara manual dan ini menyusahkan pematuhan serta penguatkuasaan dan memudahkan mereka yang mahu elak daripada membayar cukai, lebih mudah untuk lari daripada bayar cukai. Untuk tentang...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, minta pencelahan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak memberitahu Dewan bahawa baru semalam Menteri Kewangan dalam suatu ceramah di Pulau Pinang, apabila berucap di suatu majlis yang dianjurkan oleh *Penang Chinese Chamber of Commerce* telah menyatakan bahawa dalam melaksanakan SST ini, kerajaan akan mengambil *liberal approach* yang mana kerajaan akan meletakkan kepercayaan kepada peniaga untuk mengisyiharkan cukai secara jujur. Jadi di sini, peluang diberi kepada peniaga untuk mengisyiharkan senarai bahan atau barang ataupun perkhidmatan yang mereka percaya boleh dikecualikan dari SST.

Pertanyaan saya ialah seperti juga yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, apakah kaedah yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pengguna atau pembeli tidak diperdayakan oleh peniaga? Apa-apa yang berlaku dalam pelaksanaan ini, hanya berlaku antara peniaga dengan kerajaan tanpa melibatkan, tanpa pengetahuan pembeli dan pengguna. Jadi, pengguna *in the dark*, dengan izin. Saya menimbulkan soalan ini sebab pengguna tidak akan tahu apakah barang-barang yang dikecualikan dari SST. Saya harap Menteri dapat jawab.

Juga, saya ingin menimbulkan suatu perkara lain iaitu di sini apabila kita lihat keperluan peralatan bagi orang kurang upaya dan warga emas, kebanyakan peralatan itu diperoleh daripada luar negara dan ada cukai import dan juga cukai jualan. Akhirnya, ia akan membebankan pengguna ataupun pembeli.

Oleh sebab saya faham bahawa dalam perniagaan, isu yang penting ialah *profit driven*, dengan izin. Akan tetapi saya akan mengutarakan satu saranan, bolehkah kerajaan menimbangkan, memberi kebenaran kepada persatuan OKU dan persatuan warga emas untuk mengimport secara langsung dari luar negara supaya mereka dapat membekalkan atau menjual kepada ahli-ahli mereka yang memerlukan dengan harga yang berpatutan. Dengan ini, tidak membebangkan rakyat yang bukan sahaja B40, tetapi ramai warga emas dan juga OKU di bawah paras miskin tegar. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, ada lagi seorang. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya pertama, Yang Berhormat Menteri kata tadi enam peratus, enam peratus, enam peratus, enam peratus, kalau empat kali sudah 24. Akan tetapi kalau lima kali sudah 30 peratus. Akan tetapi apa yang saya dengar desas desus dan juga saya lihat dalam *Astro Awani*, kalau kita campur pula margin, bermakna ianya melebihi 30 peratus ataupun 24 peratus ataupun 18 peratus.

**■1550**

Apa benarkah yang ini yang berlaku? Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bermakna sebelum dia kenakan GST, dia masukkan margin dia sekali. Bermakna dalam peratus itu termasuk margin yang telah diproses. Itu satu. Kemudian saya hendak tahu juga yang barang-barang monopoli ini, macam manakah kerajaan akan mengatasi masalah barang-barang monopoli ini? Ini disebabkan kalau kita dengar dalam jawapan lisan pagi tadi, ada yang RM1.40 jadi sampai RM2.90, lebih daripada satu peratus. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Tentang monopoli, itu satu isu yang amat penting tetapi malangnya kita telah tandatangani satu surat perjanjian dengan syarikat tertentu. Mahu atau tidak mahu, suka atau tidak suka, kerajaan terikat. Akan tetapi walau macam mana pun kita sedang cari jalan macam mana kita boleh mengatasinya.

Seperti yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan buat satu pengumuman tentang harga gula dan kita pun sedang mengkaji tentang harga beras supaya ia lebih sepadan dengan harga pasaran. Kerajaan faham bahawa atas berapa keperluan sosial, mungkin kita kena ada tanggungan lebih tetapi sekiranya macam harga gula sekali ganda lebih tinggi daripada harga pasaran adalah sesuatu yang susah diterima. Akan tetapi biar kita buat secara berperingkat kerana seperti yang saya sebutkan tadi, kita terikat dengan surat perjanjian yang ditandatangani dulu dan pada masa yang sama, kita kena lihat macam mana kita boleh pastikan suatu harga yang lebih munasabah. Akan tetapi ini saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Tentang lambakan harga itu, seperti Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin sebut tadi memang benar. Apabila peniaga itu tidak boleh dapat balik bayaran balik GST, mereka akan masuk dan ambil kira dan semua akan masuk habis. So, itu yang membuat harga menjadi lagi tinggi daripada apa yang diramalkan.

Tentang Yang Berhormat Senator sana, memang kerajaan mengambil berat tentang keperluan OKU. Saya sudah sebut tadi bahawa kerusi roda yang dikenakan GST dulu, enam peratus telah dikecualikan daripada SST. Saya sebut tentang cukai jualan, tentang duti import dan sebagainya, itu lain dan saya kena rujuk balik. Akan tetapi daripada segi cukai jualan, ia tidak dikenakan.

Akhir ialah tentang apa yang disebut pendekatan liberal terhadap peniaga-peniaga. Ini kerana kita rasa bahawa di peringkat kastam, selalu kita akan periksa dan juga kenakan penalti berdasarkan sama ada sesuatu barang itu kena cukai ataupun dikecualikan. Kita

cuba satu pendekatan yang lain, yang lebih lembut, yang lebih liberal iaitu kita serahkan kepada itu kepada pembayar cukai untuk mengisyiharkan sama ada barang mereka adalah tertakluk di bawah senarai di cukai atau tidak. Ini macam *income tax* punya *self-assessment*.

So, kita buat pendekatan yang sama. Akan tetapi sekiranya tidak, kastam akan periksa dan kita akan periksa, semua ini dibuat secara komputer. Buat permohonan secara komputer, kita beri *exemption* pun menerusi komputer. Semakan kita akan buat bukan sahaja menerusi komputer tetapi juga menerusi pegawai. Sekiranya mereka tidak cakap benar, tentu penalti dan tindakan akan dikenakan.

Tentang senarai yang dikenakan cukai, seperti yang saya sebut, 60 peratus di bawah GST, 38 peratus di bawah SST. Ini pun satu lagi faktor yang kita kena ambil kira bahawa SST lebih ringan daripada GST. Bukan sahaja daripada segi cukai pelbagai peringkat di bawah SST dan cukai satu peringkat di bawah SST tetapi liputannya lebih kecil. Barang yang dikenakan cukai 38 peratus berbanding dengan GST 60 peratus, SST 38 peratus. Tambahan lagi, barang mendapat pengecualian 10 kali ganda lebih banyak di bawah SST berbanding dengan GST. GST hanya 500 lebih. SST, pengecualian diberikan kepada 5,000 lebih barang. So, itu adalah perbezaan. Tidak ada sebab untuk menyatakan bahawa GST lebih baik daripada SST untuk golongan tidak berada.

Dalam aspek ini, kita harap pengguna boleh berikan kerjasama dengan membuat aduan sekiranya mereka rasa ada *profiteering* daripada peniaga-peniaga yang sungguh pun mereka tidak dikenakan cukai GST, mereka pun sudah masukkan dalam kos mereka. Kita akan berikan senarai dan tentu kastam akan bincang dengan pelbagai pihak untuk yang pertama, sama ada senarai ini boleh dipaparkan dalam kedai-kedai utama. Kedua bahawa kita akan cuba bincang dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sama ada pengilang boleh keluarkan *Recommended Retail Price* (RRP) supaya sekurang-kurangnya pengguna tahu apakah harganya.

So, itulah di antara usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan sekiranya ada pandangan lain, kita sedia menerimanya. Saya juga hendak rujuk kepada satu soalan tentang produk rokok dan tembakau. Produk rokok dan tembakau akan dikenakan cukai jualan pada kadar...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta penjelasan. Sedikit, sedikit lagi penjelasan Yang Berhormat Menteri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja kerusi roda kita minta untuk dikecualikan tetapi ada beberapa barang lain, peralatan yang digunakan oleh pelbagai jenis OKU dan juga warga emas termasuk macam *oxygen tank* dan juga barang-barangan yang berharga tinggi. Itu satu. Satu lagi pertanyaan saya mengenai

persatuan dibenarkan sama ada boleh diberikan kebenaran untuk import supaya kita perlu bergantung kepada peniaga iaitu *business*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap mungkin Yang Berhormat Senator boleh tulis kepada saya kerana ini secara terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ya Yang Berhormat Senator, ini adalah jualan, bukan import cukai. Itu yang Menteri beritahu tadi. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh tulis kepada sayalah. Okey, baik terima kasih. Produk rokok dan tembakau akan dikenakan cukai jualan pada kadar yang akan ditetapkan. Daun tembakau dikecualikan kerana ia produk pertanian yang bukan sebahagian daripada aktiviti pengilangan. Langkah ini juga untuk mengelakkan penanam tembakau daripada perlu berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan senarai barang. Ini yang saya pun sudah sebut tadi iaitu kita akan cuba bekerjasama dengan semua pihak untuk lihat macam mana kita boleh maklumkan dan berikan kesedaran kepada rakyat apakah barang yang dikenakan cukai dan apa yang tidak dikenakan cukai. Seperti yang saya sebutkan tadi, liputannya lebih kecil dan sekiranya ada enam peratus *service tax* ataupun SST, kita harap bahawa pengguna boleh berusaha untuk menyemak sama ada barang yang mereka beli adalah tertakluk di bawah SST atau tidak.

So, itulah sesuatu yang kita perlu dapat kerjasama daripada pihak rakyat dan juga orang awam. Ini seperti yang saya selalu tegaskan adalah suatu usaha bersama. Kalau kita hendak membendung harga naik tanpa berasas, kita perlukan kerjasama daripada semua pihak. Kita pun perlukan maklum balas daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Dewan Negara di sini.

## ■1600

Seperti Yang Berhormat Senator Chandra Mohan ada sebut tadi, saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Chandra Mohan dan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang secara terang-terang menyokong rang undang-undang ini.

Tentu kita akan ambil semua langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sememangnya rakyat boleh rasa kesejahteraan mereka bertambah baik. Di sini kehadiran saya menunjukkan komitmen untuk mendengar *feedback*, bukan sahaja libat urus, *engagement* tetapi mendengar pandangan secara langsung. Sehingga saya membuat komitmen untuk berada di sini, sungguhpun mungkin kena pergi ke tempat lain.

Juga menjawab semua pandangan yang diutarakan oleh Senator-senator. Tentulah kalau kita sebut dari segi jumlah yang kita kehilangan, ini memang sesuatu yang kita harus tanganinya kerana kehilangan RM23 bilion bukanlah satu jumlah yang kecil. Dalam aspek ini,

satu Majlis Perunding Percukaian telah ditubuhkan untuk mengkaji jalan-jalan lain. Bukan sahaja untuk mengurangkan perbelanjaan, menjimatkan dari segi kos pengurusan tetapi juga untuk melihat macam mana kita boleh tambah hasil kepada negara kita.

Saya tidak setuju pandangan bahawa kita menimbang untuk menaikkan kadar cukai korporat. Saya telah sebut banyak kali bahawa sekiranya keadaan fiskal atau kedudukan kewangan negara kita adalah sihat, saya lebih mirip kepada cadangan untuk mengurangkan kadar cukai syarikat. Ini kerana akan memberikan insentif kepada bukan sahaja pelaburan masuk ke Malaysia tetapi untuk membantu syarikat-syarikat tempatan. Syarikat luar negara, mereka sudah dapat banyak insentif, banyak pengecualian. Saya rasa yang terima manfaat paling besar adalah syarikat tempatan. Sudah sampai masanya kita bantu syarikat-syarikat tempatan tersebut. Ia pun selaras dengan kedudukan di negara-negara lain, di mana kadar cukai korporat...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya minta mencelah sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Telah pun diturunkan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Menteri, saya minta mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya terujalah mendengarkan komitmen daripada Yang Berhormat Menteri bahawa beliau sangat mirip untuk tidak menaikkan cukai korporat. Jadi, apakah ini satu komitmen Yang Berhormat Menteri untuk pembentangan Bajet 2019 bahawa tiada kenaikan cukai korporat? Sila maklum kepada Dewan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya sudah sebut sekiranya kedudukan kewangan dan fiskal kita sihat. Akan tetapi dalam keadaan sekarang, di mana kita hadapi hutang RM1 trilion dan juga bayaran hutang dan juga komitmen yang terlalu tinggi, kita susah untuk buat demikian. Tentu kita mesti berikan keutamaan kepada janji-janji yang kita buat dalam PRU Ke-14.

Akan tetapi dari segi peribadi, ini bukanlah kedudukan ataupun dasar kerajaan, ini secara peribadi. Saya rasa hala tuju masa hadapan ialah cukai korporat ini harus dikurangkan tetapi tertakluk kepada kedudukan fiskal dan kewangan. Kalau kedudukan fiskal dan kewangan tidak mengizinkan, kita tidak boleh buat demikian. Akhirnya ialah teras pembangunan tidak boleh datang lagi daripada perbelanjaan kerajaan. Pertumbuhan ekonomi mesti datang daripada sektor swasta.

Sekiranya kita mahu satu pertumbuhan yang mampan dan lestari, yang juga efisien dan berkesan, pihak swasta harus memainkan peranan yang lebih besar. Salah satu langkah tentulah untuk memastikan satu kadar cukai korporat yang lebih berdaya saing.

Akan tetapi buat masa ini, mungkin untuk tahun-tahun akan datang, sukar untuk buat demikian. Ini kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan. Sekiranya kedudukan

kewangan mengizinkan, sekiranya tidak ada skandal-skandal kewangan seperti 1MDB, mungkin ini dapat dilaksanakan dan saya boleh jawab soal Yang Berhormat sama ada ini akan dimasukkan dalam Bajet 2019. Akan tetapi buat masa kini, pihak kerajaan tidak mampu untuk berbuat demikian. So, sehingga kedudukan kewangan mengizinkan, barulah kita menimbang persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lanjutkan perbahasan ini kecuali untuk menyatakan sekali lagi bahawa pihak kerajaan sedia menerima pandangan daripada semua pihak. Apa yang menjadi senarai, sama ada sesuatu barang atau perkhidmatan adalah termasuk dalam satu senarai pengecualian ataupun dikenakan cukai lima peratus atau sepuluh peratus. Itu sesuatu yang kita sedia menerima pandangan, sungguh pun sesuatu keputusan telah pun dibuat. Inilah kerana seperti yang saya sebut, kita hendak pastikan bukan sahaja pertumbuhan ekonomi dapat dirancakkan tetapi pada masa yang sama, kita boleh kurangkan beban kepada rakyat.

Prinsip utama SST ialah seberapa yang boleh, kita akan pastikan cukai di bawah SST adalah sama rata ataupun setara atau kalau boleh, lebih ringan berbanding dengan GST. Ini adalah prinsip kita mencadangkan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan berkenaan?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Berkenaan dengan kekerapan dan juga memastikan senarai barang itu akan tetap 5,000 tidak akan berubah dan memastikan bahawa tidak akan menjadikan senarai itu hanya *introductory list*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senarai 5,000 itu supaya naik jangan turun?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** *No, no. I mean is like* tidak memastikan bahawa senarai barang yang tersenarai dalam senarai yang tidak dikenakan cukai itu tidak akan dikurangkan ataupun maknanya tidak akan- apabila kejatuhan ekonomi ataupun kenaikan harga- penurunan harga minyak negara ataupun kekurangan sumber kewangan negara, barang-barang yang sudah tersenaraikan dalam 5,000 itu tidak dikeluarkan daripada senarai tidak dikenakan cukai. Berapa kerapkah kerajaan akan melihat dan juga menyemak semula senarai barang-barangan yang 5,000 lebih tadi ini? Senarai barang yang tidak dikenakan cukai.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada keadaan. Akan tetapi kita sedia menerima pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya bagi contoh tentang kos tiket penerbangan di Sarawak dan juga di Sabah. Pihak kerajaan telah membuat keputusan untuk- sebagai satu contohlah.

Seperti yang kita sebut tadi dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan, tiket penerbangan tidak akan dikenakan itu cukai perkhidmatan tetapi harga tiket ini bergantung kepada faktor-faktor lain. Apabila kita tidak kenakan cukai perkhidmatan, tidak bermakna harga tidak akan naik. Mungkin ia naik kerana harga minyak naik dan sebagainya. Akan tetapi yang pasti, pengguna atau penumpang dapat jimatkan enam peratus daripada kos pembelian tiket ini.

So, di sini tentulah kita sedia untuk mengkaji ataupun menyemak sekiranya perlu. Seperti tadi ada seorang Senator yang menyatakan tentang berapa barang mewah. Baik, sekiranya ia tidak masukkan, kita akan masukkan. Sama juga kalau sesuatu dimasukkan apabila ia tidak patut dimasukkan, kita pun akan berbuat demikian. So, kita meminta itu sekiranya ada apa-apa pandangan, bolehlah maklumkan kepada pihak kementerian dan juga pihak kastam secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya agak kurang jelas sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk sekejap. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Senator minta jaminan supaya dalam senarai tersebut ada lebih kurang 5,000 perkara yang tidak akan dikenakan cukai.

So, Yang Berhormat Senator minta supaya jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya ia tidak dikurangkan. Itu sahaja.

#### ■1610

**Tuan Lim Guan Eng:** Kadang-kadang kita kena lihat keadaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha! Bukan, bukan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan, bukan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Mungkin tambah, ia mungkin kurang dan tentu kita boleh jangka bahawa secara amnya ia tidak akan dikurangkan. Akan tetapi saya tidak mahu berikan jaminan untuk sesuatu yang saya belum dapat maklumat terperinci. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ini ialah kerajaan yang tidak mahu berikan janji kosong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita mahu cakap benar dan kita mahu berterus terang, apa yang kita boleh buat dan apa yang kita tak boleh buat. Saya tidak mahu berikan satu jawapan yang secara am sahaja kerana secara ikhlas kita hendak berdepan, kita tidak mahu bersembunyi-sembunyi. So, sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa cadangan, saya menjemput beliau untuk bertulis kepada pihak saya atau pihak kastam. Terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan.

Ini menambahkan lagi persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri tentang senarai yang dikecualikan cukai yang 5,000 senarai ini tadi. Apakah *basis* yang diletakkan senarai 5,000 ini sehingga Yang Berhormat Menteri dan kerajaan tidak dapat memastikan bahawa barang-barang keperluan yang 5,000 ini tidak akan dikeluarkan daripada senarai dikecualikan cukai.

Saya bukan apa Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang kalau katakanlah senarainya macam mana tadi saya sebutkan dalam perbahasan saya tadi, senarai 5,000 yang dimaklumkan oleh kerajaan sebagai barang-barang yang tidak dikenakan cukai, okey. Kita bimbang bahawa barang-barangan ini hanyalah diperkenalkan apabila SST mula diperkenalkan. Maknanya, *another word*, orang kata kalau kita buat jualan murah, jualan rumah, *the first early birds get discount*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya kalau katalah jualan barang SST ini, barang-barangan ini dikecualikan di peringkat awal sahaja, maknanya katalah tempoh lepas lima bulan contohnya, enam bulan sebagainya, ataupun sekali pun dalam keadaan kewangan negara yang tidak stabil nanti, barang yang dikecualikan cukai ini akan dikenakan cukai dan akhirnya yang mengakibatkan merananya nanti adalah rakyat kerana harga-harga barang ini akan naik apabila dikenakan cukai.

Oleh sebab itu saya mohon- bukan saya mohonkan jaminan yang tidak pasti tetapi memohonkan supaya pihak kementerian, pihak kerajaan yang saya kira sangat prihatin terhadap rakyat, yang mana memperkenalkan SST ini untuk menjaga kebijakan rakyat, yang mana pihak Menteri tadi menyatakan bahawa hendak memastikan rakyat sentiasa gembira, akan sentiasa gembira apabila senarai barang ini tidak dikeluarkan daripada senarai dikenakan cukai. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah dengan izin, *we don't preempt* bahawa barang-barang itu akan naik, bila naik tanyalah soalan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Buat masa sekarang, yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, ia tidak akan, mengikut masa. Bila ada masa ia naik, Yang Berhormat Senator boleh minta keterangan. Buat masa sekarang, dengan izin, *don't preempt*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya, ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

[Fasal-fasal 1 hingga 109 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.15 ptg.**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan, dan memungut cukai perkhidmatan dan bagi perkara berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 yang dicadangkan adalah untuk membolehkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Penggantian ini adalah sebahagian kepada keutamaan Kerajaan Persekutuan untuk mensejahterakan rakyat dan ianya selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk memansuhkan GST.

Saya tidak bercadang untuk mengulangi beberapa hujah utama tentang kosnya kerana saya telah menyatakannya dalam ucapan saya tadi dalam Akta Cukai Jualan. Tetapi di sini saya hendak menyatakan bahawa kalau kita lihat dari segi impak SST berbanding dengan GST, khususnya dalam aspek barang dan perkhidmatan, menurut Jabatan Kastam Diraja Malaysia, 5,443 barang dan perkhidmatan dikecualikan daripada cukai SST, manakala hanya 545 barang dan perkhidmatan tidak tertakluk ataupun dikecualikan daripada cukai GST. Ini bermakna, bahawa jumlah barang dan perkhidmatan yang dikecualikan cukai di bawah SST adalah 10 kali ganda lebih besar daripada GST.

Secara khusus kepada perkhidmatan, hanya 43.5 peratus jumlah perkhidmatan akan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus. Ini adalah rendah daripada 65 peratus jumlah perkhidmatan yang sebelum ini dikenakan GST pada kadar yang sama. Ini

jelas menunjukkan bahawa beban cukai SST ke atas rakyat terutamanya cukai perkhidmatan adalah lebih ringan daripada beban cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, nilai ambang atau *threshold* adalah RM500 ribu setahun, kecuali untuk kedai-kedai makanan dan minuman, ia telah dinaikkan kepada RM1 juta untuk membolehkan pengusaha-pengusaha penyedia perkhidmatan kecil tidak begitu mudah layak untuk bayar SST. Kerajaan telah bersetuju untuk mereka mengasingkan operasi makanan dan minuman daripada operasi ataupun segmen di mana mereka menjual rokok dan juga barang-barang lain seperti *tissue paper* dan sebagainya.

So, ini akan membolehkan mereka mengurangkan jumlah jualan supaya mereka tidak tertakluk di bawah tahap nilai ambang RM1 juta.

#### ■1620

Contohnya, sekiranya mereka menjual rokok sebanyak RM100,000, jumlah jualan untuk minuman dan makanan adalah RM950,000, mereka tidak perlu campurkan jumlah tersebut. Mereka boleh asingkan, yang mana mereka tidak tertakluk di bawah SST dan tidak perlu bayar cukai SST. So, ini adalah satu kelonggaran yang kita berikan kepada sektor kedai kopi, makanan dan juga restoran. Mana-mana restoran yang melebihi jualan RM1 juta, mereka perlu mendaftar di bawah SST. Antara penambahaikan yang kita lakukan adalah satu, menyeragamkan nilai ambang bagi tujuan pendaftaran penyedia perkhidmatan dan ini telah ditetapkan pada RM500,000 setahun bagi semua perkhidmatan bercukai.

Manakala, tiada nilai ambang ditetapkan bagi pengeluaran kad kredit dan kad caj serta pembekalan elektrik kepada pengguna domestik. Mereka tidak mempunyai nilai ambang langsung. Tentu untuk pembekalan elektrik ataupun untuk pengguna elektrik domestik seperti yang telah kita sebutkan sebelum ini adalah 600 unit dan itu adalah hadnya. Walau bagaimanapun, kerajaan faham yang rakyat Malaysia tentu gemarkan roti canai, kuetiau, milo ais dan pelbagai lagi hidangan di luar rumah bersama keluarga dan rakan-rakan. Oleh sebab itu, jualan tahunan mereka ditetapkan pada tahap RM1 juta setahun.

Akan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, ini tidak termasuk jualan untuk barang-barangan lain. Di dalam skop asal cukai perkhidmatan, terdapat perkhidmatan di dalam kategori yang sama tidak dikenakan cukai perkhidmatan serta terdapat pelbagai layanan cukai berbeza ke atas kategori perkhidmatan yang sama. Kepelbagaian layanan cukai tersebut bercanggah dengan prinsip ketelusan dan berpotensi menjadi *loophole* yang boleh dimanipulasikan bagi tujuan pengelakan cukai selain merumitkan proses pentadbiran cukai. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pelarasian, dicadangkan jenis perkhidmatan bercukai berikut dibuat penambahaikan dan penyeragaman:

- (i) perkhidmatan penginapan- hotel diluaskan meliputi *bed and breakfast*-  
*B&B, shared accommodation, service apartment* dan *homestay*;

- (ii) restoran diluaskan meliputi perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman *catering, take away, food truck* dan penyediaan makanan minuman di *outlet runcit*;
- (iii) perkhidmatan insurans dan takaful kepada perniagaan B2B diluaskan meliputi perlindungan insurans am yang ditawarkan kepada individu. Namun begitu, peluasan ini tidak meliputi insurans perubatan supaya selaras dengan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kesihatan;
- (iv) perkhidmatan sewa pandu meliputi semua penyewaan kenderaan termasuk kenderaan yang didaftarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
- (v) semua jenis perkhidmatan yang disediakan di kelab malam, kelab persendirian, kelab golf dan lapang sasar adalah dikenakan cukai perkhidmatan; dan
- (vi) semua bentuk perkhidmatan telekomunikasi termasuk *add-on services* seperti aplikasi dan *games* di dalam pakej talian, perkhidmatan internet dan televisyen berbayar- *satellite* dan internet, adalah dikenakan cukai perkhidmatan.

Dicadangkan juga supaya perkhidmatan berikut dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus.

Pertama, aktiviti perjudian yang terdiri daripada nombor ramalan, kasino, kelab *rotary* dan lumba kuda. Perkhidmatan penerbangan dan *charter* kapal terbang termasuk helikopter domestik. Perkhidmatan penerbangan tersebut tidak termasuk perkhidmatan di dalam Sabah dan Sarawak dan juga semua penerbangan domestik di kedua-dua negeri tersebut. Akan tetapi sekiranya penerbangan di antara Sabah ke Sarawak atau Sarawak ke Sabah atau ke negeri-negeri lain atau ke luar negara akan dikenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan teknologi maklumat atau *information technology services* kecuali perkhidmatan yang diliputi di bawah kategori pengurusan dan khidmat nasihat atau *management and consultancy* akan dikenakan cukai *service tax*. Bekalan elektrik kepada pengguna domestik bagi penggunaan melebihi 600 unit setiap bulan, seperti yang saya sebutkan tadi.

Penetapan juga telah dibuat supaya caj bilik dan makanan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta yang sebelum ini dikenakan cukai perkhidmatan enam peratus tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST baru. Ini bermaksud, keseluruhan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh hospital swasta tidak dikenakan sebarang cukai kepenggunaan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan sekiranya hospital swasta tidak menurunkan fi ataupun caj hospital, maka pihak kementerian akan lihat sama ada mereka akan tanggung cukai perkhidmatan atau kita akan kaji saluran lain, macam mana mereka harus menyumbangkan keuntungan mereka. Ini kerana kita tidak mahu keadaan di mana pihak kerajaan tidak mengenakan cukai perkhidmatan enam peratus tetapi fi mereka tidak turun dan mereka masih mencatatkan keuntungan yang tinggi.

Kita akan pastikan sekiranya fi hospital tidak turun, maka mungkin hospital swasta ini perlu membuat sumbangan kepada pihak kerajaan. Ia tidak akan dikenakan balik ke atas pesakit-pesakit. Itulah satu penjelasan ke atas apa yang dilaporkan dalam surat khabar yang saya rasa tidak menyampaikan hasrat saya, bahawa akhirnya bukan ditanggung oleh pesakit tetapi ditanggung oleh hospital sekiranya fi hospital tidak turun, sungguhpun pihak kerajaan tidak mengutip cukai perkhidmatan enam peratus.

Kadar cukai perkhidmatan spesifik seperti kad kredit dan kad caj dikenakan pada kadar spesifik RM25 setahun bagi kedua-dua kad utama dan tambahan atau *supplementary*. Kemudahan sistem kontra di bawah cukai perkhidmatan terdahulu akan dikekalkan. Melalui kemudahan ini, penyedia perkhidmatan boleh menolak cukai perkhidmatan di dalam penyata bayaran bagi perkhidmatan yang dibatalkan, ditamatkan atau apa-apa sebab yang lain seperti mengurangkan premium atau diskaun.

Dalam memastikan penyediaan perkhidmatan dapat mengenakan cukai perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa, penyedia perkhidmatan yang merupakan *registrant GST* yang telah dikenal pasti akan didaftarkan secara automatik oleh Ketua Pengarah Kastam, tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan. Mana-mana orang yang layak berdaftar dikehendaki berdaftar sebelum 1 September 2018 dan mengenakan cukai perkhidmatan melalui 1 September 2018 iaitu tarikh kuat kuasa yang dicadangkan bagi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 mengandungi 95 fasal yang dibahagikan kepada 13 Bahagian seperti berikut.

Bahagian I – Permulaan. Terdapat dua fasal di dalam bahagian permulaan seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa keseluruhan akta dan tarikh kuat kuasa berlainan bagi pengenaan dan kutipan cukai.

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Bahagian II – Pentadbiran. Bahagian ini mengandungi fasal 3 hingga fasal 6 adalah berkaitan dengan pentadbiran cukai perkhidmatan oleh pihak yang diberi kuasa di bawah akta ini, antaranya melibatkan:

- (i) kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan dengan dikawal oleh Menteri Kewangan,
- (ii) keperluan bagi pegawai untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan di bawah akta;
- (iii) semua pegawai yang menjalankan tugas berkaitan cukai perkhidmatan adalah penjawat awam; dan
- (iv) kerahsiaan maklumat.

Bahagian III – Pengenaan dan Skop Cukai Perkhidmatan. Bahagian ini yang mengandungi lima fasal bermula dari fasal 7 hingga fasal 11 adalah berkenaan pengenaan dan skop cukai perkhidmatan yang mana:

Fasal 7 menyatakan cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya.

Fasal 8 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menentukan sebarang perkhidmatan sebagai perkhidmatan bercukai.

#### ■1630

Fasal 9 menetapkan kaedah dalam menentukan nilai perkhidmatan bagi tujuan pengiraan cukai perkhidmatan. Secara asasnya, nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan berhubung pembekalan perkhidmatan ditentukan berdasarkan harga perkhidmatan tersebut. Bagi nilai perkhidmatan lain, ianya ditentukan oleh nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan. Berhubung dengan polisi insurans atau sumbangan takaful, nilai perkhidmatan ditentukan berdasarkan nilai premium atau sumbangan yang dibayar.

Fasal 10 pula berkaitan dengan kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Secara amnya, kadar standard bagi cukai perkhidmatan adalah enam peratus.

Fasal 11 menjelaskan berkenaan masa cukai perkhidmatan boleh dikenakan dan dibayar. Secara amnya, cukai perkhidmatan dikenakan apabila pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan.

Bagi aktiviti perjudian, masa kenaan cukai perkhidmatan adalah seperti yang ditentukan oleh Menteri. Bagi perjanjian yang dibuat dalam tempoh 1 Jun 2018 sehingga tarikh kuat kuasa akta untuk membekalkan perkhidmatan bercukai selepas tarikh kuat kuasa akta ini, cukai perkhidmatan akan dikenakan.

Bahagian IV, Pendaftaran. Bahagian ini yang mengandungi fasal 12 hingga fasal 20 adalah berkenaan dengan keperluan pendaftaran bagi orang kena cukai dan lain-lain jenis pendaftaran yang dibenarkan, yang mana fasal 12 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan nilai ambang bagi tujuan pendaftaran penyedia perkhidmatan bercukai. Penetapan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan di dalam warta. *Threshold* pendaftaran dicadangkan ditetapkan sebanyak RM500,000 bagi kesemua kategori perkhidmatan bercukai. Manakala bagi restoran, *threshold* ditetapkan sebanyak RM1 juta. Tiada nilai ambang ditetapkan iaitu ringgit kosong bagi perkhidmatan berkaitan kad kredit dan kad caj.

Fasal 13 menyatakan bahawa orang yang bertanggungan untuk berdaftar seperti di fasal 12 perlu memohon untuk berdaftar menggunakan borang yang ditetapkan sebelum hari terakhir bulan berikutnya. Tarikh pendaftaran pula secara asasnya akan bermula pada hari pertama selepas bulan beliau membuat permohonan. Kegagalan orang bertanggungan untuk berdaftar adalah satu kesalahan. Selain itu, bahagian ini juga adalah berkaitan dengan:

- (a) pendaftaran secara sukarela oleh orang yang tidak bertanggungan untuk mendaftar;
- (b) kuasa ketua pengarah untuk mengarahkan orang bercukai dilayan sebagai orang bercukai tunggal sekiranya didapati menjalankan pemisahan aktiviti perniagaan secara tiruan atau *artificial* dengan izin;
- (c) pendaftaran untuk perkongsian tetapi ianya tidak terpakai untuk *limited liability partnership*;
- (d) pendaftaran cawangan dan bahagian;
- (e) penentuan berakhirnya tanggungan untuk berdaftar;
- (f) pemberitahuan pemberhentian tanggungan oleh orang yang berdaftar; dan
- (g) pembatalan pendaftaran.

Bahagian V, Perakaunan, Penilaian dan Pengambilan Balik. Bahagian ini yang bermula daripada fasal 21 hingga fasal 33 adalah mengenai perkara melibatkan:

- (i) tanggungjawab orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan bercukai untuk mengeluarkan invois yang mengandungi butiran yang ditetapkan, antaranya nama penyedia perkhidmatan dan kadar serta amaun cukai yang terlibat;
- (ii) tanggungjawab orang berdaftar menyimpan rekod sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan rekod tersebut perlu disimpan selama tujuh tahun;

- (iii) tempoh bercukai iaitu selama dua bulan atau lain-lain tempoh seperti mana yang ditetapkan oleh ketua pengarah;
- (iv) kewajipan untuk menghantar penyata serta membuat pembayaran cukai tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya;
- (v) kuasa ketua pengarah untuk mentaksir amaun cukai yang perlu dibayar jika seseorang itu gagal mendaftar, gagal mengemukakan penyata atau mengemukakan penyata yang salah atau tidak lengkap;
- (vi) kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mendapatkan semula apa-apa cukai yang kena dibayar sebagai hutang sivil, menetapkan pembayaran awal bagi orang kena cukai yang akan keluar negara serta memohon untuk menghalang mana-mana orang daripada meninggalkan negara; dan
- (vii) bayaran secara ansuran, penahanan barang dalam kawalan kastam eksais sehingga cukai perkhidmatan dijelaskan.

Bahagian VI, Pengecualian, Pembayaran Balik, Tarik Balik dan Remisi. Bahagian ini yang mengandungi fasal 34 hingga fasal 40, memerihalkan kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian kepada mana-mana orang atau kumpulan orang daripada membayar keseluruhan atau sebahagian daripada cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas sebarang perkhidmatan bercukai serta remisi cukai. Menteri juga mempunyai kuasa untuk membuat bayaran balik atau *refund* cukai perkhidmatan yang telah dijelaskan.

Selain itu, bahagian ini menjelaskan kuasa ketua pengarah untuk membuat bayaran balik atau mengutip semula cukai melibatkan pembekalan perkhidmatan yang dihapus kira akibat hutang lapuk atau berkaitan cukai yang terkurang, terlebih atau tersalah bayar. Ketua pengarah juga boleh mempertimbangkan potongan ke atas penyata cukai dari semasa ke semasa berdasarkan permohonan orang berdaftar terhadap amaun cukai yang telah dibayar kepada kerajaan tetapi terpaksa dipulangkan balik kepada pelanggan atas sebab pembatalan atau penamatkan perkhidmatan bercukai atau sebab lain yang dibenarkan oleh ketua pengarah.

Bahagian VII, Ketetapan. Bahagian ini mengandungi enam fasal bermula daripada fasal 41 hingga fasal 46. Bahagian ini berkenaan perkara berkaitan ketetapan umum dan ketetapan kastam iaitu:

- (i) ketetapan umum memerihalkan takrifan ketua pengarah mengenai pemakaian mana-mana peruntukan di dalam akta ke atas mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti perniagaan;

- (ii) ketua pengarah juga diberi kuasa untuk membuat ketetapan kastam berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang ke atas perkara berikut:
  - (a) penentuan perkhidmatan bercukai;
  - (b) penentuan orang kena cukai;
  - (c) prinsip yang diguna pakai bagi menentukan nilai sesuatu perkhidmatan; atau
  - (d) perkara lain seperti yang ditetapkan oleh ketua pengarah.

Selain itu, bahagian ini turut menerangkan bahawa ketetapan kastam boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan oleh ketua pengarah atas sebab-sebab tertentu. Dalam situasi berlakunya dua ketetapan kastam dikeluarkan atas perkara yang sama ketetapan tersebut akan dianggap batal dan tidak sah dan perlu dimaklumkan kepada ketua pengarah.

Bahagian VIII, Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan. Bahagian ini yang mengandungi fasal 47 hingga fasal 51 adalah berkaitan layanan cukai perkhidmatan yang terpakai di kawasan ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman. Secara amnya, cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan kecuali bagi perkhidmatan yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Bahagian IX – peruntukan khas berkenaan dengan kawasan khas. Bahagian ini mengandungi fasal 52 hingga 56, menjelaskan layanan cukai perkhidmatan di kawasan khas. Secara amnya, cukai perkhidmatan tidak dikenakan atau dikutip ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan di dalam atau di antara kawasan khas. Bagi tujuan bahagian ini, kawasan khas adalah terdiri daripada:

- (i) zon bebas di bawah Akta Zon Bebas 1960;
- (ii) kawasan pembangunan bersama di bawah Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990; dan
- (iii) gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen di bawah Akta Kastam 1967.

Bahagian X – Penguatkuasaan. Bahagian ini mengandungi tujuh fasal bermula daripada fasal 57 hingga 63 yang berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan. Secara asasnya, bahagian ini meliputi aktiviti berikut:

- (i) pemeriksaan;
- (ii) penyiasatan;
- (iii) penggeledahan;
- (iv) penyitaan; dan

(v) kuasa untuk menahan.

Bahagian XI – Perbicaraan dan Prosiding. Bahagian ini mengandungi fasal 64 hingga 70 adalah mengenai perbicaraan dan prosiding. Sebagai contoh, berkenaan hal:

- (i) pendakwaan;
- (ii) beban pembuktian;
- (iii) obligasi kerahsiaan;
- (iv) perlindungan pemberi maklumat;
- (v) penyampaian saman;
- (vi) kompaun; dan
- (vii) perintah mahkamah.

Bahagian XII – Pelbagai. Bahagian ini mengandungi fasal 71 hingga 91 yang menjelaskan peruntukan pelbagai, antaranya melibatkan:

■1640

- (i) kesalahan;
- (ii) penalti;
- (iii) semakan semula dan rayuan;
- (iv) pemberian notis dan penyediaan bayaran cukai perkhidmatan oleh pelikuidasi syarikat yang digulungkan;
- (v) pengemukaan sijil pengauditan tahunan oleh penyedia perkhidmatan berdaftar;
- (vi) perlindungan pegawai daripada liabiliti;
- (vii) ganjaran;
- (viii) kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan fi; dan
- (ix) kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan.

Bahagian XIII – Peralihan. Bahagian ini yang bermula daripada fasal 92 hingga 95 menetapkan perkara berkaitan tempoh peralihan daripada sistem percukaian GST kepada cukai perkhidmatan. Antaranya melibatkan:

- (i) keperluan pendaftaran awal sebelum tarikh kuat kuasa;
- (ii) layanan cukai ke atas perjanjian yang bersifat progresif atau berkala yang bermula sebelum kuat kuasa akta ini dan berakhir pada atau selepas tarikh kuat kuasa; dan
- (iii) layanan cukai ke atas pembekalan perkhidmatan sebagai hak seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, saya sekali lagi ingin menekankan bahawa cadangan penggantian cukai GST dengan cukai SST ini adalah bertujuan untuk menyejahterakan rakyat dengan meringankan beban cukai yang ditanggung. Demi

menjayakan perubahan yang diingini oleh rakyat Malaysia, saya sekali lagi mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai perkhidmatan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada empat rang undang-undang dan oleh sebab rang undang-undang yang pertama itu telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan kita ada 11 orang yang hendak berbahas, so tujuh minit seorang.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

#### 4.42 ptg.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018. Ada dua perkara utama yang hendak saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam soal pelaksanaan cukai perkhidmatan ini.

Pertama, apakah kastam akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan jualan makanan di kafeteria atau di kantin-kantin yang beroperasi di universiti?

Kedua, apakah benar nilai ambang RM500,000 sesuai untuk kastam mengenakan cukai perkhidmatan ke atas pengendali *homestay*, hotel murah, lojing dan asrama, rumah penginapan dan infrastruktur pelancongan jenis berkala rendah?

Dalam nota ke-30 helaian soalan lazim (FAQ) kastam yang disiarkan dalam laman sesawang MySST, kastam menyatakan bahawa rang undang-undang ini terpakai jika sekiranya kafeteria atau kantin di universiti akan terbabit untuk dikenakan cukai perkhidmatan, jika sekiranya hasil kutipan pendapatan tahunan kafeteria tersebut melebihi nilai jualan tahunan RM500,000. Manakala di dalam helaian Cadangan Pengenaan Cukai Perkhidmatan 2018, mengatakan bahawa tidak ada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas kafeteria atau kantin di institusi pendidikan serta nilai ambang bagi pendapatan jualan adalah RM1 juta.

Kekeliruan ini menimbulkan kerisauan kepada pelajar-pelajar universiti. Ini kerana had syiling pendapatan pengendalian kafeteria dilihat besar selama setahun. Tetapi kastam perlu mengambil kira bahawa harga makanan kepada pelajar universiti akan tinggi dan pastinya ini akan meningkatkan kos sara hidup pelajar di dalam kampus.

Justeru, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan tidak dapat memberikan pengecualian cukai terhadap semua jenis perkhidmatan yang dijual kepada pelajar di semua institusi pendidikan? Bagaimanakah terdapatnya perbezaan nilai ambang, jumlah perolehan di dalam fakta soalan lazim cukai perkhidmatan dan helaian cadangan bagi sektor yang akan dikenakan cukai perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kastam dalam laman sesawang MySST?

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Ahli Dewan Negara daripada Melaka amatlah prihatin terhadap cadangan pengenaan cukai terhadap perkhidmatan infrastruktur pelancongan yang diusahakan secara skala kecil dan sederhana di seluruh negara. Ini kerana walaupun kerajaan berhasrat mengenakan cukai kepada pengendalian *homestay*, rumah penginapan dan hotel-hotel murah yang menjana pendapatan tahunan melebihi RM500,000, ia akan memberikan impak kepada kerancakan industri pelancongan tempatan.

Oleh itu, saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri tentang apakah perlu kerajaan dapat memberikan pengecualian penuh agar pengendalian *homestay*, hotel murah atau lojing yang diusahakan oleh penduduk kampung dan desa diberikan pelepasan dan dikenakan cukai perkhidmatan? Ini kerana walaupun mereka mungkin mengaut lebih daripada RM500,000 setahun, tetapi kos operasi amat besar dan apabila dikenakan cukai perkhidmatan, dibimbangi akan menguncupkan kerancakan sektor pelancongan tempatan kerana kenaikan harga sewa *homestay* dan juga rumah inap desa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

Bagaimanakah kastam membuat penilaian dan memberikan nasihat kepada pengusaha *homestay* dan juga hotel kecil di desa? Ini kerana kebanyakan masalah yang dihadapi mereka ini ialah ada di kalangan mereka mempunyai sistem perakaunan yang tidak sistematik dan apabila rejim cukai ini dilaksanakan, mungkin lebih kos akan dibayar oleh mereka untuk pematuhan akta baharu ini.

Harapan saya agar dua persoalan dikemukakan ini dapat dijelaskan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri bagi memastikan pelaksanaan SST ini akan mengurangkan kos sara hidup rakyat yang tidak membebankan operasi perniagaan mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dijemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah. silakan.

**4.47 ptg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini.

Tadi semasa pembentangan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengakhiri dengan ayat, tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menyejahterakan rakyat. Ini jelas nyata kalau kita tengok peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Saya ambil dua contoh. Satu, dari segi skop yang diliputi oleh fasal 7 yang mana dari segi skop, kita dapat tahu bahawa jenis perkhidmatan yang akan diliputi oleh rang undang-undang ini adalah hanya 43.5 peratus berbanding dengan 65 peratus di bawah GST. Kalau dari segi skop, maka terlebih banyak barang dan perkhidmatan dikeluarkan dari skop cukai. Itu satu.

Kedua, adalah fasal 12 iaitu dari segi nilai ambang. Kita tengok nilai ambang telah dinaikkan dan telah diseragamkan dari RM100,000 ke RM 500,000 dan untuk restoran dan kedai kopi dan sebagainya untuk RM1 juta.

Jadi, dua-dua ini akan memainkan peranan yang penting untuk menurunkan kos sara hidup. Jadi saya tidak ada keraguan rang undang-undang ini akan menyumbang kepada penurunan kos. Itu *main issues*.

Akan tetapi, saya cuma hendak menyentuh tiga lagi perkara yang akan timbul akibat daripada rang undang-undang ini. Satu, *revenue shortfall*. Disebut tadi *figure* itu- banyak kita telah sebut- RM17 bilion dan sebagainya. Mengenai *revenue shortfall*, saya cuma hendak *address* satu isu yang ditimbulkan tadi semasa perbahasan cukai jualan, iaitu konsep *right pocket* dan *left pocket* dan sebagainya. Amalan biasanya apabila berlaku kekurangan, kemungkinan kerajaan akan memperkenalkan *new taxes* dan sebagainya atau akan *reduce some of the project*. Akan tetapi ini tidak semestinya, kerana kalau kita tengok, pada saya ada *third option* selain *increasing tax* atau *stopping project*.

## ■1650

*The third option* yang kita boleh buat ialah menghentikan ketirisan yang berlaku sekarang. Kalau kita tengok dari segi *wastages* tiap-tiap tahun, kalau kita tengok Laporan Ketua Audit Negara, *the wastages that's happening* sekarang ini adalah lebih dari *revenue shortfall*. So, kalau kita boleh *reduce wastages*, itu pun kita boleh *make cover the revenue shortfall*. Itu satu cadangan.

Satu lagi isu yang dibangkitkan tadi ialah kita ada pengecualian, banyak pengecualian. Macam mana pengguna akan tahu pengecualian ini? *Maybe they would know and then* mungkin para peniaga akan *excessive profiteering*. Di sini saya hendak buat satu cadangan, salah satu cara yang kita boleh buat ialah macam / cakap tadi dengan gunakan kaedah *recommended retail pricing*.

*Recommended retail pricing* mungkin lebih sesuai untuk barang tetapi / rasa boleh juga pakai untuk perkhidmatan. Kalau kita keluar dengan *recommended retail pricing and then*

walaupun pengguna tidak tahu *that* benda ini dikecualikan tetapi dia boleh nampak *recommended retail price* kalau harga itu dicatat atas barang itu. So, dengan kaedah itu, saya harap kementerian akan *consider* ini. Mungkin bekerjasama dengan kementerian yang lain untuk *implement recommended retail pricing*. Itu cadangan.

Lagi satu *concern* yang dibangkitkan tadi, *one last issue* ialah senarai pengecualian sama ada esok lepas dikuatkuasakan, sama ada Menteri akan mengurangkan barang yang ada dalam senarai pengecualian. Pada saya *this is very clear*. Kalau kita tengok ia mungkin boleh tambah tetapi mungkin boleh kurang.

Akan tetapi jelas kalau kita tengok fasal 34 subseksyen (2) rang undang-undang ini dan juga fasal 35 subseksyen (2) Rang Undang-undang Cukai Jualan, segala cadangan untuk tambah atau mengurang perlu dibentangkan di Dewan Rakyat dan juga di *Senate*. Kalau timbul masa nanti, / rasa kita boleh *debate* kesesuaian untuk menambah ataupun untuk menurunkan. So, pada saya kalau kita tengok sekarang ini, dalam peruntukan-peruntukan ini ada banyak peruntukan yang boleh mengawal keadaan-keadaan macam ini.

Jadi, oleh keranakekangan masa dan oleh kerana rang undang-undang ini bertujuan untuk mensejahterakan rakyat, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

#### 4.53 ptg.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018. Saya ingin juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan Rang Undang-undang SST yang akan membawa manfaat dan kesejahteraan serta kegembiraan kepada negara dan juga rakyat.

Sebelum saya kemukakan soalan saya tentang cukai perkhidmatan mengenai insurans, izinkan saya kemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri tentang pengecualian cukai yang diberi kepada khidmat dan kos bahan binaan seperti batu bata, simen dan pasir dijangka akan mengurangkan harga rumah. Akan tetapi ahli-ahli pemaju perumahan dan industri, malah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengatakan bahawa pengecualian cukai sahaja tidak dapat mengurangkan harga rumah. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan berapa jangkaan harga rumah akan turun dengan pengecualian ini dan apakah tindakan akan diambil jika pemaju rumah tidak turun harga.

Yang Berhormat Menteri, satu perkara yang ingin bangkit ialah mengenai insurans. Ketika di bawah GST, insurans kesihatan dikenakan cukai tetapi insurans hayat tidak. Kini di bawah SST berlaku sebaliknya apabila insurans kesihatan tidak dikenakan cukai tetapi insurans hayat dikenakan. Maka dalam kata lain, seorang pemegang polisi insurans nyawa perlu membayar cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus iaitu bersamaan RM105.66 berdasarkan premium tahunan purata insurans hayat pada tahun 2016.

Berdasarkan Bank Negara Malaysia, *Consolidated Insurance Industry Statistics 2016* dengan izin, hanya terdapat 4.3 peratus rakyat Malaysia adalah dilindungi oleh insurans. Daripada Bank Negara, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016, hanya empat peratus daripada golongan berpendapatan rendah iaitu B40 mempunyai insurans hayat atau perlindungan takaful keluarga. Ini berasaskan Bank Negara, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016.

Saya ambil petikan daripada *The Squeezed Middle, The Star* 20 Disember 2014. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pulau Pinang, Dr Lim Kim-Hwa juga berpandangan bahawa insurans adalah penting untuk mengekalkan taraf hidup golongan berpendapatan sederhana itu M40 dan ia adalah satu cabaran bagi mereka untuk memperoleh insurans premium yang munasabah.

Memang tidak dinafikan bahawa pengecualian cukai perkhidmatan atas premium adalah satu pendekatan untuk mengurangkan kos pelan insurans dan mendorong orang awam untuk membeli perlindungan insurans kesihatan dan insurans hayat. Ini juga merupakan satu galakan yang besar kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan perlindungan tambahan kepada diri dan keluarga mereka apabila hari tua nanti. Jadi, di sini saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah cukai perkhidmatan itu akan dikenakan ataupun *service tax* akan dikenakan kepada insurans hayat?

Satu lagi perkara tentang penurunan hasil cukai akan menjaskan perkhidmatan dan jumlah subsidi negara. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menyatakan bahawa hasil kerajaan akan turun dari RM40 bilion ke RM21 bilion melalui penggantian GST dan SST. Pada waktu yang sama, kerajaan berjanji untuk menyediakan subsidi bahan bakar; mempertingkatkan sistem pengangkutan awam dengan pemberian tanggungan subsidi RM100; mempertingkatkan kualiti penjagaan kesihatan awam dengan peruntukan yang lebih besar sehingga tujuh peratus dan memberikan bantuan modal dan teknologi untuk pengusaha kecil dan sederhana bumiputera luar bandar; memperbaiki dan membina lebih banyak projek perumahan rakyat iaitu PPR.

Kesemua ini memerlukan sejumlah besar wang untuk dicapai. Dengan mengambil contoh bahan bakar, Kerajaan Pakatan Harapan telah memperuntukkan RM3 bilion untuk subsidi bahan bakar tetapi jangan lupa bahawa kos subsidi bahan api pernah sampai RM24.8

bilion setahun pada tahun lalu. Jumlahnya lebih besar daripada hasil cukai SST yang dijangkakan.

■1700

Jadi soalan saya, bagaimanakah kerajaan akan memastikan hasil kerajaan yang mencukupi untuk memenuhi janji-janji mereka dan adakah ini menjelaskan perkhidmatan kerajaan terutamanya kesihatan awam dan subsidi lain. Tuan Yang di-Pertua, secara rumusnya saya mencadangkan agar kerajaan baharu semasa memperkenalkan SST ini wajar mempertimbangkan beberapa kekeliruan semula bagi memanfaatkan rakyat di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Ada? Tidak ada.

Sekarang saya ganti kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

### 5.01 ptg.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera, salam satu perpaduan kepada semua kita yang berada di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018.

Sebelum memulakan perbahasan dalam rang undang-undang ini, oleh sebab ini merupakan sidang pertama, maka tidak salah untuk saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan baharu iaitu Pakatan Harapan kerana telah berjaya memenangi Pilihanraya Umum Ke-14.

Hari ini kita berbahas tentang rang undang-undang untuk mengembalikan SST dan memansuhkan GST. Saya rasa rakyat di luar sana pasti tertunggu-tunggu dengan kesan limpahan dari pengenalan semula SST ini. Sama ada GST atau SST, apa pun negara kita tetap mempunyai sistem percukaian yang baik dan teratur bagi kerajaan mengumpul dana untuk pembangunan negara.

Rang undang-undang ini memfokuskan kepada cukai perkhidmatan di mana dikatakan dikenakan cukai 10 campur enam menjadikan ia sebagai 16 peratus. Soalan pertama saya, adakah ini benar? Adakah kita akan dibebani dengan kadar 16 peratus berbanding dengan GST yang hanya pada kadar 6 peratus.

Seterusnya, saya ingin bertanya kenapa kerajaan baharu ini iaitu SST akan menggunakan kembali sistem cukai yang lama? Adakah langkah ini merupakan satu langkah yang berpaksi kepada dasar politik, dasar parti, langkah popular atau sebaliknya. Rakyat berhak mengetahui kenapa difikirkan SST ini lebih baik dan berkesan dari GST.

Saya juga ingin tahu, adakah ini merupakan cadangan dari Majlis Penasihat Kerajaan. Adakah Majlis Penasihat bersetuju dengan langkah kerajaan untuk membawa kembali SST. Ini kerana salah seorang dari Majlis Penasihat juga merupakan mantan Gabenor Negara. Beliau juga pernah mencadangkan semasa beliau memegang jawatan gabenor bahawa kerajaan boleh mencari sumber dana lain dari mengenakan sebarang Cukai Jualan dan Perkhidmatan. Beliau mengakui bahawa ekonomi negara berada dalam keadaan baik dan rizab bank pusat berada pada tahap tinggi iaitu RM438 bilion.

Ini jelas menunjukkan prestasi ekonomi adalah baik. Rakyat sebenarnya keliru. Maka saya mohon kerajaan mengeluarkan data-data supaya kami di Dewan Negara lebih tenang di kemudian hari. Soalan yang paling utama adakah SST sekarang ini adalah sama atau berbeza daripada SST dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membicarakan mengenai satu istilah baharu yang kini muncul sedang kita berbahas mengenai SST ini terutamanya mengenai rang undang-undang ini iaitu istilah, dengan izin, *dark economy* atau *underground economy*. Sekiranya kita terjemah ia ke dalam bahasa Melayu dikenali sebagai ekonomi gelap.

Ini kerana saya difahamkan di bawah sistem SST ini, dikatakan akan terdapat lebih banyak syarikat yang tidak berdaftar akan terlibat. Misalnya, di bawah sistem GST, terdapat 457,000 buah syarikat yang berjaya dikesan mengelak dari membayar cukai dan saya ingin memetik kenyataan dari Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri bahawa hanya 80,000 buah syarikat sahaja yang terlibat.

Maka kita akan melihat jurang yang besar syarikat-syarikat yang tidak terlibat ini akan membawa kepada persoalan, adakah cukai ini, dengan izin, *friendly* atau mesra kepada pengguna atau cukai ini hanya mesra kepada syarikat-syarikat besar dan multinasional sahaja. Soalan saya, adakah di bawah SST ini terutamanya rang undang-undang ini, syarikat yang menawarkan perkhidmatan tidak dapat lari dari cukai. Apakah mekanisme pemantauan kepada syarikat-syarikat di bawah radar ini. Adakah kerajaan akan mewujudkan sistem yang baharu bagi mengesan dan menjelaki syarikat-syarikat yang lari dari membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengetahui mengenai, dengan izin, *public engagement* yang ingin dijalankan oleh kerajaan. Ini penting kerana semasa GST dimulakan, pertemuan demi pertemuan telah dijalankan oleh kerajaan dahulu kepada semua pihak berkepentingan. Sesi soal jawab telah dijalankan oleh kerajaan dahulu telah menujuhkan, dengan izin, *call centre* bagi menjawab semua soalan dan kebimbangan rakyat.

Saya masih ingat semasa ingin diimplementasikan GST ini, ramai pegawai kerajaan terutama kastam tidak mahir dengan sistem GST. Saya berharap kerajaan dan kementerian dapat memberikan latihan secukupnya kepada pegawai terutamanya pihak kastam agar mereka dapat menjalankan tugas dengan teliti dan penuh efisien.

Soalan saya, sudah berapa kali kah, dengan izin, *engagement* yang telah dilakukan dan kempen secara media *online* yang telah dijalankan oleh kerajaan. Saya faham ini merupakan Manifesto 100 Hari Pakatan Harapan. Maka, saya ingin tahu kempen di masa hadapan yang ingin dijalankan oleh kerajaan, khususnya kementerian bagi memberitahu niat murni kerajaan kepada negara.

Selain dari itu, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian agar menambahbaikkan lagi sistem *tax refund*, dengan izin, agar tiada ketirisan berlaku. Ini kerana di media massa telah heboh dengan isu kerajaan terdahulu merompak duit rakyat. Saya tidak mahu bahas mengenai perkara itu, biarlah pihak berkuasa yang menyiasat. Cuma saya lihat pada dasarnya sistem ini harus diperbaiki dan ditambah baik agar setiap sen yang dikutip dapat digunakan sepenuhnya. Saya ingin tahu komen kementerian mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi apabila GST mula dilaksanakan, harga telah mula menampakkan perbezaan. Saya akui ada harga yang turun dan harga juga ada yang naik. Paling utama sebelum GST dilaksanakan, harga dan perkhidmatan barang sudah pun naik. Ada peniaga ambil kesempatan keuntungan atas angin dan apabila GST dilaksanakan, harga diturunkan. Mereka berbuat sedemikian atas dasar promosi kononnya peniaga tersebut telah menurunkan harga. Akan tetapi ini merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab atau dengan kata lain, "menangguk di air keruh".

Sekarang ini pun sedang kita berbahas rang undang-undang ini, ada pihak telah mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang. Sedangkan kita sedang menikmati dengan izin, *tax holiday* ataupun musim tanpa cukai. SST apabila dilaksanakan, harga akan diserap oleh pengilang berbanding dengan GST. Cukai dikenakan di pelbagai peringkat. Apakah jaminan kerajaan bahawa keadaan ini tidak akan menaikkan harga barang. Sekiranya naik sekali pun, berapakah unjuran kadar akan dinaikkan dan adakah rakyat mampu menanggung kos sara hidup terutamanya golongan B40. Adakah kementerian menyedari akan hakikat ini dan langkah penguatkuasaan yang diambil dengan kerjasama kementerian dan agensi lain bagi menangani atau mengambil tindakan kepada peniaga dan pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila GST mula-mula dilaksanakan, sebenarnya satu langkah untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada hasil minyak iaitu satu aset yang ada penyusutan. Satu hari nanti rizab minyak Malaysia akan habis atau pada era tenaga diperbaharui dan kereta elektrik, permintaan untuk petroleum akan turut menyusut.

Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada hasil minyak untuk menampung ekonomi dan hutang negara yang banyak. Adakah kerajaan di bawah kepimpinan baru mempunyai pelan jangka panjang sekiranya ini berlaku. Mampukah SST menyelamatkan negara dari belenggu hutang yang banyak.

**■1710**

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kerajaan yang sebenarnya kurang hasil oleh sebab kita sekarang berada di dalam *tax holiday*. Sekiranya saya tidak silap, hasil kutipan GST pada tahun ini mencecah RM17 bilion. Tahun depan seandainya GST terus diperkenalkan, kerajaan akan mengutip lebih RM23 bilion. Saya ingin tanya, bagaimana pula dengan SST? Berapakah unjuran hasil kutipan yang bakal dinikmati oleh kerajaan? Adakah dengan kutipan itu akan merancakkan ekonomi dan pembangunan negara?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Saya tetap yakin dan percaya- sekejap ya, lebih kurang dua tiga minit. Saya tetap yakin dan percaya kerajaan baharu Pakatan Harapan tetap efektif dan menjaga kepentingan rakyat. Saya memang cukup yakin SST kita akan perkenalkan pada 1 September ini adalah cukai yang tidak akan memudararatkan ataupun menzalimi rakyat sebab SST adalah berdasarkan *positive listing*.

Maknanya, perkhidmatan yang telah disenaraikan akan dicukai. Kita harus menerima hakikat, lama-kelamaan pelaksanaan GST adalah kerana penguatkuasaan tidak dijalankan dengan sempurna dan baik. Sememangnya perkara ini adalah untuk memastikan tidak ada ketirisan dan juga bayaran yang terlalu terlebih bayar tidak dapat dipulangkan kepada pengilang-pengilang, seterusnya mengakibatkan pengilang-pengilang menaikkan harga sebagai ganti rugi tidak dapat bayaran balik GST.

Itulah sebab kerana GST membebankan rakyat, walaupun ia adalah satu sistem yang terbaik. Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya berharap agar rang undang-undang ini apabila diluluskan akan berfungsi sepenuhnya. Saya berdoa kerajaan akan melaksanakan sistem SST dengan penuh telus dan integriti demi untuk kemakmuran rakyat dan menaikkan imej negara di mata dunia. Dengan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Dipersilakan.

**5.12 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk memberi laluan kepada saya untuk sekali lagi mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang kerana tidak mahu mengulang lagi apa yang telah saya bahaskan semasa perbahasan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 tadi.

Akan tetapi pertama sekali, saya hendak menyatakan terima kasih dan menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh kerajaan yang mengecualikan *domestic flight* ataupun perkhidmatan di dalam negeri untuk Sarawak dan Sabah daripada dikenakan cukai perkhidmatan. Ini kerana kita rasa bahawa sukar bagi kerajaan untuk mengawal harga tambang kapal terbang. Walaupun kita ada mendesak MAVCOM untuk membuat kajian, nampaknya kawalan kita ke atas harga tiket kapal terbang masih belum dapat kita kawal. Akan tetapi dengan adanya pengecualian ini untuk *domestic flight, inter-state* iaitu *flight* Sarawak dalam Sarawak dari satu *airport* ke satu *airport* boleh dikecualikan.

Keduanya ialah saya difahamkan bahawa caj untuk elektrik adalah dikecualikan bagi *the first 600 kilowatt hour*. Saya ingin hendak merayu di sini, khasnya untuk negeri Sarawak, sebab kalau caj tarif elektrik di Semenanjung Malaysia ia adalah kalau saya tidak silap, ia pada harga RM38.53 untuk satu *kilowatt hour*. Jadi, kalau kita kira dari segi duitnya ialah kira-kira dalam RM23.11, jadi pengguna dapat kemudahan *electric hour* yang percuma.

Akan tetapi bagi kita di Sarawak, tarif elektrik kita adalah rendah. Oleh sebab kita mempunyai sistem penjanaan elektrik yang menggunakan *hydro dam- empangan*, maka ia murah. Kita mempunyai tarif yang berperingkat-peringkat. Kalau seseorang itu menggunakan tarif elektriknya satu hingga 100 *kilowatt hour*, ia hanyalah 18 sen ataupun kalau kita menggunakan sehingga 600 *kilowatt hour*, ia hanya 30 sen. Jadi, jauh lebih rendah daripada caj tarif elektrik untuk Semenanjung Malaysia.

Jadi, apa saya hendak merayu di sini ialah berilah satu keistimewaan untuk negeri Sarawak dengan menaikkan tarifnya lebih kurang 800 ataupun 750 *kilowatt hour*, supaya ia sama dengan kiraan dari *conversion* kepada ringgit. *More or less* kiraannya sama. Jadi, kalau kita sama 600 *kilowatt hour*, ia- kita ada kerugian di sana kerana elektrik kita rendah. *At the rate of 30 cent at 600 kilowatt hour. For Semenanjung Malaysia ia RM38.53. So, give us some consideration.*

Kalaulah perkara ini boleh dilakukan, dianggarkan 130,000 *household*, isi rumah akan-ataupun lebih akan menerima manfaat daripada keputusan kerajaan ini. Jadi, itulah yang *special* rayuan saya untuk negeri Sarawak kerana ini adalah atas dasar pertimbangan *the same level of almost the same level of playing field*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir yang harus juga kita untuk memperbaiki rang undang-undang ini ialah kerana ini adalah Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu *service tax*. Jadi, akan dikenakan kepada tempat-tempat, premis-premis perniagaan yang tertentu, yang mencapai nilai ambang yang tertentu. Akan tetapi

selalunya, ada kalanya rakyat ataupun pelanggan-pelanggan mungkin terkeliru bahawa ada restoran yang mengenakan *service charge*. Kekeliruan ini mungkin berlaku. Ada restoran yang mengenakan *service charge*, walhal restoran itu tidak layak untuk mengutip *service tax*.

Ini mungkin berlaku kekeliruan dan saya harap perkara ini boleh diperjelaskan. Ada bezanya antara *service charge* dengan *service tax*. Ini adalah untuk memperbaiki rang undang-undang ini. Begitu juga saya lihat di sini bahawa kita ada sedikit menyentuh tentang industri macam *homestay*, industri pelancongan dan sebagainya. Ini we have to be very careful. Ini ialah kerana ini adalah industri orang kampung. Kadang-kadang walaupun ia ada had nilai ambangnya hingga RM500,000 atau RM1 juta tetapi ada kalanya bila dihebohkan, dikenakan *service tax*, maka ia sedikit sebanyak cakap-cakap, jadi ia kadang-kadang boleh menjelaskan industri ini.

#### ■1720

Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak ada masalah untuk Dewan ini meluluskan rang undang-undang ini kerana ianya *consequential*. Kita ada lulus *sales tax* maka seharusnya *service tax* mestilah diluluskan juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Sekarang jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Tak ada? Tiada ya. Baik. Kalau tidak ada sekianlah sahaja kita bahaskan tadi. Sini saya ada tiga orang mengambil bahagian ya.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

#### 5.21 ptg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul; dan akhirnya Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi.

Ada daripada Sabah dan Sarawak yang mengambil bahagian. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan seperti yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul ini adalah *consequential amendment* selepas cukai jualan diluluskan.

Memang kita telah pun membuat perubahan tentang restoran yang telah kita naikkan kepada RM1 juta dan juga hotel yang dulu sebelum ini di bawah SST 1.0 sebanyak 25 buah bilik. Mana-mana yang lebih 25 buah bilik akan dikenakan SST. Akan tetapi sekarang kita telah ubah untuk tetapkan satu nilai ambang kepada RM500 ribu. So, di sini kita boleh lihat bahawa untuk hotel, kita telah naikkan. Memang kita faham bahawa ada pihak yang

menyatakan untuk *homestay* kita harus tetapkan kepada tahap RM1 juta. Akan tetapi di sini saya ingin meminta mereka yang ada jualan sampai RM1 juta, sekiranya boleh buat *business* sampai RM1 juta, kira boleh tahanlah. So, harap mereka boleh sumbang sikit kepada pembangunan negara yang membolehkan mereka menjalankan *business* sampai RM1 juta.

Sungguhpun saya tahu ia bukanlah satu jumlah besar tetapi sekurang-kurangnya harap mereka boleh sumbang kepada negara sama seperti restoran. Ini adalah untuk restoran. Akan tetapi untuk hotel kita akan tetapkan pada tahap yang sama dan tentu untuk masa depan kita akan menilainya. Itu bukanlah sesuatu yang kita sebut ialah akan terukir dalam batu.

Bukan sesuatu macam batu sumpah dekat Sabah. Batu sumpah dekat Sabah itu tidak boleh kompromi langsung. Itu sesuatu yang kita boleh timbang pada masa akan datang tetapi demi *consistency* kepada industri penginapan kita cadangkan pada tahap RM500 ribu. Akan tetapi untuk makanan dan restoran termasuk di universiti ia ditetapkan pada tahap RM1 juta. Saya rasa untuk universiti sampai RM1 juta jarang akan berlaku. Akan tetapi biar kita laksanakan dan tengok keadaan macam mana.

Untuk Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, saya hendak ucapkan terima kasih tentang beberapa cadangan bernas khususnya dalam sektor *construction services*, di mana telah pun dinyatakan bahawa pengecualian akan diberikan. Kalau sebelum ini, semua dikenakan GST enam peratus, sekarang dikecualikan. Tentu ada pihak yang menyatakan belum tentu lagi harga rumah akan turun tetapi sekurang-kurangnya kerajaan telah berusaha seberapa yang boleh untuk mewujudkan suasana supaya harga rumah boleh turun.

Pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sebut bahawa harga barang tidak boleh turun, tidak. Beliau hanya sebut bahawa harga rumah ditentukan oleh banyak faktor. Salah satu faktor ialah tentu perkhidmatan pembinaan yang merangkumi atau komposisinya 50 peratus hingga 60 peratus kos rumah. Ada kos-kos lain seperti tanah, kos pekerja dan sebagainya. So, sekiranya kos tanah dan kos pekerja naik melambung tinggi, penjimatan yang kita peroleh daripada pengecualian cukai perkhidmatan enam peratus tidak akan dapat dinikmati. Saya rasa itu maksudnya. Akan tetapi *ceteris paribus, all other things being equal* iaitu sekiranya semua keadaan adalah sama, maka kita harap industri pembinaan boleh dapat manfaat dan pengguna pun boleh nikmati manfaat tersebut.

Akan tetapi itu kita akan lihat pada 1 September 2018 kemudian. Selepas itu yang penting seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan tidak akan berikan jaminan. Kita tidak akan berikan jaminan bahawa harga tertentu akan turun, tidak. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita telah berusaha seberapa yang boleh. Kita harap keadaan akan berpihak ataupun memihak kepada suasana ataupun iklim penurunan harga. Sama ada ia berlaku atau tidak

sekurang-kurangnya kita telah berusaha dan jangka masa depan kami yakin akan lihat satu perkembangan yang baik. Sekurang-kurangnya kita dapat menghalang ia daripada naik dengan lebih mendadak.

Tentang kekurangan hasil. Tentu kita akan menimbang cadangan-cadangan yang diutarakan sama ada untuk memperkenalkan cukai-cukai baru tetapi ini akan diputuskan oleh satu majlis perundingan reformasi cukai yang akan dipengerusikan oleh seorang pakar yang juga seorang pesara pegawai kerajaan yang berpengalaman dengan input daripada Bank Negara dan juga pihak swasta. Tentang macam mana kita boleh mereformasi sistem percukaian supaya kita dapat menambahkan hasil tetapi tidak memudaratkan pembangunan ekonomi.

Saya memang bersetuju dengan cadangan bahawa kita cuba menggunakan *recommended retail price* (RRP) sebagai penggantian untuk membolehkan pengguna tahu apakah jenis barang dan perkhidmatan yang dikenakan cukai ataupun dikecualikan daripada pembayaran cukai. Itu saya rasa kita akan berhubung dengan pihak yang berkenaan supaya ia dapat dilaksanakan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan yang dinyatakan sahaja, *prescribe services*. Cadangan senarai perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan telah dimuat naik ke dalam portal Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pengguna boleh mengetahui jenis perkhidmatan yang dikenakan dan tidak dikenakan cukai. Namun senarai tersebut masih di peringkat cadangan dan akan dimuktamadkan melalui pewartaan dalam masa terdekat. Saya dimaklumkan bahawa ia akan dimuat naik dalam masa terdekat. Selepas sekiranya mendapat kelulusan Dewan Negara, esok senarai ini akan dimuat naik. Saya harap boleh ya supaya sebelum Hari Raya Aidiladha kita boleh mempunyai masa untuk menyemaknya dengan lebih teliti.

Saya pun hendak sebut bahawa kerajaan telah tetapkan tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas kantin di sekolah, akan tetapi tiada pengecualian di universiti atau institusi pengajian tinggi.

#### ■1730

Ini kerana terdapat penyedia perkhidmatan atau restoran mempunyai *outlet* di luar universiti. Adalah sukar untuk peniaga untuk mentadbir jika satu *outlet* dikenakan cukai perkhidmatan manakala satu *outlet* lagi tidak dikenakan cukai. Sebagai contoh, restoran makanan segera. Di sini saya juga ingin menangkis mungkin beberapa pandangan yang tidak tepat bahawa *outlets français* seperti *McDonalds*, *Starbucks*, *Kentucky Fried Chicken* tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan. Tidak. Mereka pasti akan dikenakan cukai SST yang sewajarnya. Berkaitan dengan insurans, ya memang betul bahawa *health insurance* ada pengecualian tetapi *life insurance* tidak ada.

Ini saya rasa berlainan dengan GSTlah, GST semua kena. So, ini satu kemajuan. Kadangkala kita tak boleh dapat semualah tetapi sekurang-kurangnya ada sedikit kemajuan. So, di sini kita harap bahawa ini ada sesuatu usaha daripada pihak kerajaan untuk menggalakkan pembelian *health card* supaya kita lebih terjamin. Sekarang saya rasa salah satu kos yang paling besar ialah perubatan. So, sekurang-kurangnya kita harap langkah ini dapat menggalakkan perkembangan pembelian insurans kesihatan.

Datuk Dr. Lucas Umbul pula menimbulkan keimbangan tentang ekonomi gelap. Itu sesuatu yang kita pun berikan perhatian kerana usaha untuk melarikan diri daripada membayar cukai, mengelakkan membayar cukai secara haram atau apa yang kita sebut *evasion*. Kita semua tahu bahawa *tax awareness* adalah sah dan dibenarkan di bawah undang-undang tetapi *tax evasion* adalah haram di bawah undang-undang dan boleh diambil tindakan.

So, di sini tentu ada syarikat dalam sistem SST 1.0, mereka berjaya lari daripada membayar cukai tetapi di bawah sistem SST 2.0, kami yakin dengan pengkomputeran dan juga pangkalan data yang lebih luas daripada LHDN yang kita kongsikan maklumat dan juga data daripada GST seperti yang disebut ada 400,000 syarikat yang didaftarkan. Ini adalah maklumat yang kita boleh gunakan untuk halang dan hindari mereka daripada lari daripada membayar cukai. Pihak Jabatan Kastam juga yakin bahawa ketirisan yang berlaku sebelum ini dapatlah dikurangkan.

Daripada segi latihan, pegawai kita telah buat banyak libat urus. Saya tak dapat maklumat dekat sini tetapi saya sendiri telah menghadiri beberapa sesi tersebut dan saya perhatikan bahawa sememangnya pegawai kita memang tahu tentang atau fasih dengan semua peruntukan perundangan. Kalau kita bandingkan GST dengan SST, kita kena terus terang. GST lebih kompleks kerana ada *input tax*, ada cukai pelbagai peringkat berbanding dengan SST, ia lebih mudah atau dalam bahasa loghat Utara, lebih *sempoi* lah. Mudah untuk difahamkan kalau berbanding dengan GST.

So, daripada segi pelaksanaan, saya rasa sekiranya mereka boleh uruskan GST, tidak ada masalah untuk uruskan SST. Hanya masalah ketirisan. Macam mana kita boleh elakkan masalah ketirisan dan untuk mengatasi masalah ekonomi gelap? Ekonomi gelap, ekonomi samar ataupun yang kurang terang. So, itulah cabaran yang kena dihadapi.

Akhirnya untuk Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, saya ingin tegaskan di sini bahawa *service charge* tidak akan dikenakan *service tax*. Ia berlainan. *service charge* ialah *service charge*, *service tax* ialah *service tax*. *Service tax* tidak akan dikenakan ke atas *service charge* yang diperoleh daripada pelayan-pelayan ataupun mereka yang kerja dalam sektor hospitaliti. So itu berasingan, berlainan. Tentang permintaan bahawa untuk tarif elektrik dinaikkan supaya serata dengan kos elektrik.

Saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kerana rakyat Sarawak bayar kos elektrik yang lebih rendah berbanding dengan Semenanjung Malaysia ataupun Sabah. So, ini dah untung dah, so, kalau boleh bayarlah sikit enam peratus sahaja. Ini bukan bermaksud bahawa kita tak simpati, kita simpati tetapi pada masa yang sama kalau kita lihat daripada segi konservasi tenaga- *energy conservation*, selalu kita digalakkan bahawa rakyat harus kurangkan penggunaan tenaga atau elektrik supaya ia lebih mesra alam sekitar.

So, itulah sebabnya dalam peringkat ini sukar untuk buat masa ini untuk naikkan hanya untuk Sarawak sahaja kerana daripada segi prinsip, kita dah pun naikkan, kerajaan dah pun naikkan. Sebelum ini di bawah GST 300 *kilowatt per hour* sahaja, kita gandakan sekali ganda kepada 600 *kilowatt per hour*. So, itu saya rasa sesuatu kelonggaran atau sesuatu penambahbaikan kepada rakyat. So, sekiranya nak longgarkan lagi, saya rasa kita akan tersasar, tak boleh menepati kita punya objektif bersasar iaitu yang pertama, kita nak berikan lebih banyak kelonggaran kepada rakyat supaya nilai ambangnya dinaikkan. Kedua, ia juga daripada segi *conservancy* tenaga. So, saya harap bahawa ini boleh dipersetujui.

Walau macam mana pun, sesuatu keistimewaan telah diberikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak dalam aspek penerbangan. Dalam negeri telah dikecualikan pembayaran *service tax*. Kalau sebelum ini, dikenakan GST. Ini merupakan satu isu besar, so di sini, isu ini telah pun diselesaikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, sungguhpun rakyat Sarawak tak sokong Pakatan Harapan tetapi tak apa, kita pun sokong rakyat Sabah dan Sarawak juga. So, di sini saya ingin sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila, sila Yang Berhormat Senator.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat memaklumkan tadi bahawa operator makanan di universiti dikenakan cukai, *McDonalds*, *Starbucks* dan sebagainya. Yang Berhormat, tak semua pelajar universiti yang berkemampuan makan di tempat-tempat sebegini khususnya orang-orang kampung. Saya memohon kepada Yang Berhormat, kemungkinan Yang Berhormat dapat mempertimbangkan mungkin operator kantin tidak dikenakan cukai walaupun mereka ini dimasukkan dalam operator-operator makanan di dalam universiti. Pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Universiti berlainan dengan sekolah sikit. Sekolah kita berikan pengecualian kerana dia punya tahap berlainan, dia punya skala pun berlainan. So, itulah sebabnya kastam memberikan syor bahawa macam dulu, universiti kena bayar cukai perkhidmatan. Saya bersedia untuk terima pandangan tetapi kalau kita lihat Universiti Malaya ataupun universiti lain, memang ini adalah suatu *establishment* yang agak besar di mana kita

lihat pelanggannya terdiri bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi juga daripada dia punya pensyarah-pensyarah. Bukan guru, ini pensyarah. Ini lain. Profesor dan sebagainya.

So, di sini itulah sebabnya pihak kastam rasa elok dikenakan cukai perkhidmatan kerana mereka sudah sampai tahap *establishment*. Bukanlah seperti sekolah-sekolah. Itulah sebabnya cadangan adalah dikenakan cukai perkhidmatan tetapi tentu saya sedia untuk terima pandangan sekiranya ada faktor-faktor istimewa atau khas yang perlu kita buat pertimbangan semula. Terima kasih.

#### ■1740

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya, ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 95 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PEMANSUHAN) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 5.43 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 yang dicadangkan adalah bagi memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan digantikan dengan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST).

Selaras keputusan Kerajaan Persekutuan yang prihatin terhadap beban kos sara hidup rakyat jelata. Disebabkan liputan GST yang agak meluas, ini boleh dinamakan sebagai suatu cukai *cradle to grave* kerana barang dan perkhidmatan untuk bayi sehingga untuk golongan warga emas semuanya dicukai rapi oleh sistem GST. Barang dan perkhidmatan asas seperti botol susu, perkhidmatan jaga kanak-kanak, lampin dewasa, kerusi roda, tongkat dan susu semuanya telah dikenakan GST.

Di bawah SST, semua perkara ini tidak akan dikenakan cukai, sekali gus meringankan beban sara hidup bagi keluarga baharu dan warga emas. SST juga dicadangkan untuk tidak dikenakan ke atas penerbangan domestik dalam Sabah dan juga dalam Sarawak. Memang sistem GST ini cacat sehingga ianya ditolak sama sekali oleh rakyat. Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal bermula dengan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Rang undang-undang ini mempunyai 10 fasal seperti berikut.

Fasal 1 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi akta ini.

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 adalah berkenaan pemansuhan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014

Fasal 4 menerangkan berkenaan:

- (1) apa-apa liabiliti berkaitan GST yang kena dibayar, terlebih bayar atau terkhilaf bayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 masih boleh dipungut semula, diremit atau dikuatkuasakan seolah-olah akta itu tidak dimansuhkan; dan
- (2) peruntukan berkaitan seksyen 178, 181 dan 191 di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 iaitu berkaitan dengan pemansuhan Akta Cukai Jualan 1972 dan Cukai Perkhidmatan 1975 serta bayaran balik khas, *special refund* akan terus berkuat kuasa.

Fasal 5 menerangkan rayuan ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat sebelum atau selepas tarikh kuat kuasa boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan Kastam dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan tersebut dan rayuan yang telah difaiklan kepada Tribunal Rayuan GST sebelum tarikh kuat kuasa tetapi belum dibuat keputusan akan disambung pendengaran oleh Tribunal Rayuan Kastam.

Fasal 6 menerangkan sebarang tempoh bercukai akan dianggap berakhir pada tarikh kuat kuasa akta ini. Oleh itu orang berdaftar perlu mengemukakan penyata terakhir bagi tempoh bercukai tersebut dan membayar amaun GST yang terlibat dalam masa 120 hari dari tarikh kuat kuasa akta ini.

Fasal 7 menerangkan keperluan untuk orang selain orang kena cukai untuk mengemukakan pengisytiharan terakhir dan membuat pembayaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh kuat kuasa akta ini.

Fasal 8 menjelaskan sebarang cukai input yang belum dituntut sebelum tarikh kuat kuasa perlu dituntut melalui penyata terakhir dalam tempoh 120 hari dari tarikh kuat kuasa dan tuntutan tersebut akan dianggap sebagai tuntutan terakhir bagi ke semua cukai input. Ketua pengarah akan membuat pembayaran dalam tempoh enam tahun dari tarikh kuat kuasa, tertakluk kepada keputusan pengesahan audit dan siasatan.

Fasal 9 menerangkan berkenaan pelantikan mana-mana orang selain pegawai kastam bagi menjalankan sebarang tugas atau perkhidmatan bagi tujuan fasal 4 dan penyambungan tugas atau perkhidmatan olehnya selepas Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dimansuhkan.

Fasal 10 menerangkan bahawa ejen cukai yang diluluskan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 masih boleh bertindak bagi pihak pembayar cukai ke atas perkara berkaitan GST sehingga kelulusan sebagai agen cukai tamat atau dibatalkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi meminta sokongan daripada semua Ahli Dewan Negara untuk menjadikan GST sesuatu yang kita hanya baca dalam sejarah. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada sini sembilan orang yang minat hendak berbahas dan untuk kepentingan Dewan kita ini, tiap-tiap seorang kita bagi tujuh minit ya.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

**5.49 ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah melakarkan sejarah mengubah senario politik di negara ini dengan memenangi pilihan raya, PRU Ke-14 pada bulan Mei lalu.

**■1750**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan baharu ini kerana memansuhkan GST yang telah membebankan kebanyakan rakyat di Malaysia. Dengan pemansuhan ini, kita nampak ketara kesannya dan saya akan beri satu contoh.

Pada bulan Februari tahun ini, ada sebuah syarikat yang telah mengimport lima unit kerusi roda berjenis *quickie xenon* dengan bayaran sebanyak RM60,000 dan untuk mengeluarkannya dari kastam, dikenakan GST sebanyak RM3,600. Tambahan pula untuk *forwarding agent*, tambah GST sebanyak RM636 lagi. Jadi, jumlahnya bertambah sebanyak RM4,236 untuk lima unit kerusi roda itu. Akan tetapi, syarikat itu dengan bangganya telah menyatakan bahawa dari 1 Jun, bila sifar peratus dikenakan, GST dihapuskan, syarikat itu hanya kena bayar RM600 sahaja kepada *forwarding agent* untuk lima unit yang baru diimport. Jadi ini menunjukkan betapa besarnya perbezaan. Kalau setiap unit RM12,000 ditambahkan lebih RM800 GST yang harus dibayar oleh pengguna, itu adalah suatu jumlah yang amat tinggi.

Saya tidak akan berhujah lanjut lagi. Saya harap apabila cukai jualan diperkenalkan nanti sebagai *substitute*, saya harap lebih banyak lagi barang keperluan OKU dan warga emas akan dikecualikan cukai jualan. Itu sahaja harapan saya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini untuk memansuhkan GST. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sambung pula kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

**5.53 ptg.**

**Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas petang ini. Pertama sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pakatan Harapan atas kemenangan pada PRU Ke-14 dan telah berjaya menujuhkan Kerajaan Persekutuan yang baharu. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan sebab sudi datang ke Dewan yang mulia ini hari ini.

Seperti mana yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Gabungan Parti Sarawak (GPS) bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan yang baharu. Walaupun GPS bukanlah satu komponen dalam Pakatan Harapan tetapi Kerajaan Negeri Sarawak telah menyuarakan kesediaan bekerjasama.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) seperti yang kita maklum adalah cukai penggunaan berdasarkan konsep nilai tambah. Ia dikenakan pada setiap peringkat pengeluaran dan peredaran dalam rantaian bekalan termasuk pengimport barang dan perkhidmatan. Ia telah dilaksanakan di Malaysia pada April 2015 pada kadar enam peratus dan pada masa yang sama, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) telah dimansuhkan.

Sebenarnya, Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang mempunyai GST. Negara lain pun telah melaksanakan GST lebih awal lagi dari Malaysia seperti Singapura yang melaksanakan pada bulan April 1994 pada mulanya dengan kadar tiga peratus dan secara beransur-ansur menaikkannya kepada kadar tujuh peratus yang ada sekarang dan terdapat rancangan untuk meningkatkan lagi kepada sembilan peratus pada tahun-tahun yang akan datang. Singapura mendakwa bahawa ia tidak menjana pendapatan yang besar tetapi membenarkan orang ramai untuk menyesuaikan diri dengan cukai dan pada masa yang sama melaksanakan pakej mengimbangi atau *offset packages* untuk mengurangkan impak kepada rakyat.

Australia juga melaksanakan GST pada Julai 2000 pada kadar sepuluh peratus dan Kanada pada Januari 2008 pada kadar lima percent. Manakala New Zealand pada tahun 1986 pada kadar sepuluh peratus dan secara beransur-ansur meningkat kepada kadar semasa sebanyak 15 peratus pada bulan Oktober 2010. India pula melaksanakan GST pada bulan Julai tahun lepas walaupun dibantah kuat oleh rakyat.

Di Malaysia, tujuan utama GST mengikut Perdana Menteri yang lepas, yang sebelum ini apabila membentangkan rang undang-undang di Parlimen pada bulan April 2015 adalah untuk mencari pendapatan tambahan untuk mengimbangi defisit bajet dan mengurangkan pergantungan terhadap hasil minyak dan gas dari Petronas. Kita sudah diberitahu apakah keistimewaan GST kalau dibandingkan dengan SST. Oleh sebab itu, saya tidak payah ulang perkara itu.

Hanya dengan pemansuhan GST, pengguna akan mempunyai pendapatan yang lebih tinggi yang boleh digunakan sekiranya harga barang turun atau tidak naik. Pengguna akan mempunyai pilihan penggunaan dengan membayar cukai perkhidmatan berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka. Seperti mana kita telah diberitahu semalam, senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST terlalu luas iaitu pada kadar 60 percent dari *CPI basket* kalau dibandingkan hanya 38 percent dari *CPI basket* dalam SST punya *list*.

Sebenarnya GST adalah baik untuk perniagaan atau mesra peniagaan sebab GST bukanlah kos kepada peniaga sebenarnya sebab dia boleh tuntut *input tax*. Walaupun dia memang bayar *tax* pada mulanya tetapi dia boleh tuntut balik.

### ■1800

Oleh sebab itu GST bukanlah kos perniagaan. Akan tetapi kita telah dimaklumkan bahawa satu masalah GST ialah RM19 juta mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan, belum di- RM19 bilion *sorry*, RM19 bilion belum dibayar kepada peniaga. Kalau kita tengok keseluruhannya dari RM82 bilion yang dituntut, RM63 bilion telah dibayar. Ini bererti RM19 bilion yang belum dibayar, hanya 25 persen sahaja.

Seterusnya, kita telah diumumkan bahawa dalam tahun akan datang, RM44 bilion akan dikutip kalau GST disambungkan. Kalau SST dilaksanakan, kita hanya boleh kutipan RM21 bilion atau RM22 bilion. Ini merupakan kutipan SST adalah setengah dari kutipan GST. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk menggantikan kejatuhan cukai kutipan dari jumlah RM44 bilion yang dikatakan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kepada RM21 bilion? Jumlah ini tidak sama dengan jumlah yang dikatakan semalam oleh Pengarah Kastam yang mengatakan mengikut dia, bukan RM44 bilion tetapi RM35 bilion saja.

Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, mana *figure* yang betul, RM44 bilion atau RM35 bilion atau kedua-dua jumlah ini betul tetapi ada sebab ia tidak sama. Dengan kekurangan RM20 bilion dalam satu tahun kalau SST dilancarkan, kalau kita tengok dalam masa yang lima tahun akan datang kalau kita darab itu, ini bererti negara akan hilang kurang lebih RM100 bilion dalam masa lima tahun. Ini jumlah tidak kecil, ini jumlah yang banyak.

Oleh yang demikian, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan kongsi kan langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan kesan-kesan dari kutipan yang lebih rendah melalui SST.

Tadi kita ada dengar, ada rancangan untuk mengadakan cukai baharu. Saya berharap kalau ini berlaku, cukai baharu ini tidak membebankan rakyat sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa.

**Dr. Nuing Jeluing:** Dua minit lagi. Ini sebab tujuan yang selalu dikatakan kita mahu mansuhkan GST itu sebab mengurangkan beban rakyat. Saya berharap sangat kalau ada cukai yang baharu, pastikan ia tidak membebankan rakyat.

Soalan kedua, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah penipuan perniagaan sebab dikatakan dengan cukai SST, perkara ini sering berlaku?

Ketiga, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan harga barang akan turun atau sekurang-kurangnya tidak ada peningkatan selepas GST dimansuhkan?

Kesimpulannya, SST nampaknya lebih baik daripada GST untuk pengguna. Apa yang baik untuk rakyat, mungkin baik untuk negara juga. Akan tetapi apa yang baik untuk negara, bukan semestinya baik untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Silakan.

#### **6.06 ptg.**

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana berjaya menerajui kepimpinan Kerajaan Malaysia. Terima kasih juga atas peluang kali pertama saya menyertai perbahasan ini, salam perkenalan saya hulurkan buat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerajaan negeri Kelantan dan Parti Islam Se-Malaysia yang sudi melantik saya menjadi wakil ke Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya ingin mulakan perbahasan ini dengan ayat berikut, dalam surah *An-Nisa'* Ayat 58, Allah berfirman, "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil*". Ayat ini menjadi ayat dasar yang baik bagi proses pemungutan cukai dalam Islam. Sebagai pemimpin, tanggungjawab utama adalah untuk memastikan amanah dijalankan dengan sebaik-baiknya dan konsep keadilan kepada semua pihak dicapai melalui ekonomi.

Bagi memastikan konsep keadilan ekonomi dicapai, tiga indikator ataupun asas berikut perlu diambil kira. Pertama, cukai ini adalah bentuk infak dan ia adalah satu ibadah di dalam Islam.

Kedua, tidak dibenarkan untuk mengambil harta dengan cara yang zalim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Sama ada melalui penindasan, pembebanan dan sebagainya. Ketiga, tidak dibenarkan harta berlegar-legar di kalangan orang kaya semata-mata dan hendaklah mengambil harta lebihan dan diagihkan kepada yang sepatutnya.

Ini bermakna konsep cukai yang diperkenalkan kerajaan harus ditanggung risiko dan beban secara bersama dan tidak membebankan rakyat semata-mata. Dalam Islam, sumber pendapatan untuk memakmurkan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan negara, diperoleh melalui pelestarian kaedah zakat, wakaf, baitulmal dan cukai. Ada yang bersifat wajib secara mutlak dan ada bersifat *ijtihadi*. Namun, kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mengutip sebahagian pendapatan daripada rakyat secara adil dan

diagihkannya pula ke dalam rangka untuk mengelak penindasan dan untuk memakmurkan kesejahteraan masyarakat secara seimbang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, seterusnya saya ingin membawa perbahasan kita pada hari ini daripada perspektif masyarakat marhaen memandangkan aspek-aspek lain sudah banyak disentuh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi rakyat, GST membebankan dan telah meningkatkan harga barang terutamanya keperluan asasi rakyat seperti beras, sayuran, buah-buahan dan lain-lain. Secara praktikalnya, telah berlaku kenaikan harga barang sehingga 30 peratus ataupun lebih. Saya bawakan contoh mudah. Contohnya saya sendiri suka makan kuih kapit. Dekat hari raya ini, kita suka makan kuih kapit berintikan *peanut butter*.

#### ■1810

Kuih kapit ini kalau ikut asalnya, asasnya adalah gula dengan tepung yang tidak dikenakan GST. Akan tetapi namun begitu kuih kapit ini selepas dikenakan GST telah naik harganya hampir 30 peratus kerana *taxes* berlaku dari sudut *peanut butter* itu sendiri, balang itu sendiri juga ada cas dan seterusnya *sticker* pada balang juga ada cas, itu di peringkat pengeluar.

Di peringkat pemborong juga bukan setakat pemborong juga ada caj tetapi *transportation* juga ada caj. Tidak termasuk lagi diambil kira juga kos serapan akibat cukai input yang mengambil masa untuk dibayar balik sedangkan para peniaga ini perlukan *cash flow* untuk melancarkan perniagaan dan apabila barang tersebut sampai kepada peruncit dikenakan juga lagi caj secara asasnya sememangnya akan berlaku peningkatan harga barang dan pengguna atau rakyat yang terpaksa menanggung beban tersebut.

Sememangnya diakui GST diamalkan di lebih banyak negara namun ia tidak menjadi tanda aras ianya satu sistem cukai yang terbaik berdasarkan keadaan dan suasana di Malaysia. Dalam rangka saya mengkaji tentang GST ini, saya juga telah menemui satu kajian akademik yang menarik berkaitan dengan keluhan rakyat pasca GST.

Ada banyak keluhan rakyat yang saya baca dalam penemuan tersebut. Antaranya satu *informant*, seorang pengurus pemasaran pasar raya mengatakan keputusan memperkenalkan GST bukan pada masanya. Jika dilihat Singapura, beliau membandingkan dengan negara lain iaitu Singapura, GST mereka 7 persen, tetapi pendapatan rakyat mereka tinggi, mata wang mereka stabil, rakyat dan negara mereka mampu. GST pun terkawal tetapi Malaysia lain. *Informer* yang lain pula, seorang penjawat awam menyatakan bahawa mereka faham GST untuk pembangunan negara tetapi memandangkan nilai mata wang merudum, kuasa beli rendah, harga barang dinaikkan sesuka hati, maka walaupun GST digunakan untuk pembangunan negara, rakyat terbeban itu adalah perkara yang patut difokuskan oleh kerajaan.

*Informer* seterusnya pula adalah seorang pengurus bengkel mengatakan bahawa bukan sekadar pengguna atau pun rakyat yang berasa tidak *happy*, dengan izin, peniaga juga rasa tidak *happy*, tengok gaji rakyat untuk bermiaga, mereka susah payah, banyak anak mahu sekolah, makan lagi, bayar hutang bank lagi dan lain-lain lagi. *Informant* yang seterusnya adalah seorang pengurus mini *market* juga menjelaskan satu *finding* yang menarik iaitu menurutnya staf kerajaan pun dia kata sekarang bila ke kedai runcit ada buku lima. Kadang, RM600 hutang tidak bayar tetapi datang beli barang runcit lagi. Bayar sikit-sikit. Dia kata apa mahu buat, sebab keadaan menyebabkan jadi begini.

Ini adalah *finding* atau pun daptan daripada kajian akademik. Walaupun ia adalah kajian akademik, namun ini adalah keluhan realiti yang berlaku di kalangan rakyat Malaysia hari ini. Mereka yang melalui setiap hari dan mereka merasai keperitan akibat kenaikan harga barang. Kenapakah perkara ini berlaku. Ini kerana di bawah sistem GST, 90 peratus daripada barang dan perkhidmatan harian dikenakan cukai. Jadi, bebanan rakyat seharian menjadi semakin tinggi kerana semakin banyak barang dan perkhidmatan yang perlu dibayar cukai.

Namun adakah sistem ini akan bertambah baik selepas pelaksanaan SST. Ini kita serahkan kepada pelaksanaan selepas ini. Sebagai rakyat biasa seperti saya, tidak faham istilah dan pelaksanaan teknikal cukai tetapi apa yang rakyat tahu, adakah beban perbelanjaan meningkat atau tidak dan adakah berlaku peningkatan pendapatan atau mereka rasa tiada impak pembangunan.

Oleh itu, apakah kerajaan sudah mengkaji kelemahan yang mungkin timbul dan menyediakan mitigasi lebih awal bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada sekiranya SST dijalankan selepas ini. Oleh itu, GST atau apa sahaja cukai yang membebangkan rakyat terutamanya yang miskin ditolak oleh Islam.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, satu lagi perkara penting dalam aspek percuaiian ialah agihan. Apabila bercakap dengan rakyat marhaen, mereka sebenarnya tidak kisah untuk membayar cukai kepada kerajaan sekiranya mereka merasai impak pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Masalah yang berlaku adalah sebaliknya, isu ketirisan, rasuah dan skandal yang melibatkan wang yang banyak, menyesakkan dada rakyat. Skandal 1MDB contohnya telah menjelaskan kepercayaan rakyat yang semakin terhimpit kerana perlu membayar cukai demi kelangsungan negara sedangkan dalam masa yang sama berlaku ketirisan dan skandal.

Kenapa rakyat yang perlu menanggung beban ini. Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang telah bersidang pada 2014 telah mengharuskan kutipan cukai GST telah meletakkan salah satu perimeter penting iaitu cukai yang dikutip hanya untuk memenuhi *maslahah dharuriyah* atau *hajiyat*.

Apakah itu *maslahah dharuriyah* atau *hajiyat*. Mengikut *maqasid syariah*, perkara *dharuriyah* atau keperluan utama bagi rakyat ialah makan minum, tempat tinggal, keselamatan, kesihatan dan pendidikan. Masalahnya ialah pada hari ini walaupun kerajaan berjaya mengutip berbilion duit hasil kutipan GST, rakyat masih bergelut untuk memenuhi tuntutan hidup asasi ini.

Saya bagi contoh tempat tinggal dan pembelian rumah. Kajian menunjukkan pada tahun 2016 dengan purata pendapatan isi rumah di Malaysia pada kadar 5,228 menyebabkan rumah yang sebenarnya layak digelar mampu milik ialah RM188,208. Namun begitu, purata harga rumah di Malaysia berada pada kadar RM387,000 lebih.

Ini menunjukkan bahawa harga terus berada pada paras 6 kali lebih tinggi daripada purata pendapatan isi rumah di Malaysia. Walaupun berlaku sedikit penurunan harga atau pun harga *stagnant* pada tahun 2017 dan 2018 akibat lebihan bekalan dan faktor ekonomi semasa, tetapi tahap kebolehmilikan rumah masih rendah di kalangan rakyat terutamanya bumiputera.

Kita tahu kerajaan ada melakukan pelbagai insentif perumahan seperti PR1MA dan sebagainya, ramai yang *submit loan* atau pun *financing* untuk memiliki rumah tetapi akhirnya *loan* tersebut tidak lepas dan rumah ini ditawarkan juga kepada orang yang mempunyai duit. Berdasarkan kajian Bank Negara Malaysia tahun 2017, mengenai rumah terlalu mahal punca rakyat tidak mampu miliki rumah menunjukkan bahawa harga rumah yang semakin tinggi telah menambahkan lagi kekecewaan rakyat yang sedang bergelut dengan peningkatan kos sara hidup semenjak cukai GST dikenakan pada tahun lalu.

Tambahan pula kerajaan juga telah memansuhkan subsidi bagi barangan harian termasuk petrol dan gula. Oleh itu, apa sahaja cukai yang dijalankan selepas ini diharapkan tidak membebankan rakyat dan dalam masa yang sama kerajaan mengambil langkah-langkah untuk melindungi hak-hak *dharuriyah* atau *hajiyat* sebagaimana disebutkan dalam perimeter tadi setelah dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat habiskan.

**Puan Asmak binti Husin:** Habiskan ya? Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, akhir sekali saya ingin mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan untuk memastikan pelaksanaan pembangunan ekonomi yang lebih adil iaitu pertama, saya mencadangkan agar sebagaimana dicadangkan Yang Berhormat Datuk Haji Husain sebentar tadi iaitu cukai atas simpanan syarikat dan korporat difikirkan oleh pihak kerajaan dan juga cukai perdagangan keuntungan saham di Bursa Saham Malaysia.

Ketiga, meningkatkan kecekapan dan penguatkuasaan dalam kutipan cukai langsung terutamanya cukai pendapatan. Ini adalah kerana cukai pendapatan ini adalah komponen terbesar dengan sumbangan hampir 50 peratus setiap tahun sedangkan cukai tidak langsung

hanya melibatkan 22 lebih peratus sahaja. Menurut LHDN, setakat ini 15 peratus individu sahaja yang membayar cukai pendapatan. Adakah selebihnya tidak layak atau lari daripada membayar cukai. Manakala cuma 168,244 syarikat daripada 1.08 juta syarikat yang berdaftar dengan SSM yang membayar cukai. Adakah logik hanya 15 peratus syarikat di Malaysia yang membayar cukai pendapatan.

Seterusnya ialah membangun dan menggembung wakaf dalam pembangunan ekonomi negara adalah alternatif yang terbaik selaras falsafah ekonomi Islam yang menjadikan *equity-based* sebagai asas dan mengelakkan *debt-based* dalam pengurusan ekonomi. Pengenalan instrumen wakaf untuk membiayai dana pengajian tinggi sebagai contohnya yang telah dilakukan lebih awal, adalah contoh yang baik bagaimana kos pembangunan dapat ditanggung secara bersama dan dinikmati pada kos mampu milik dan dalam masa yang sama tiada beban hutang dalam tempoh masa yang panjang. Akhirnya saya menyokong pemansuhan GST.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Tidak ada kah?

#### 6.19 ptg.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

#### ■1820

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri serta pegawai-pegawai Jabatan Kastam dan juga pegawai-pegawai kementerian yang telah bertungkus-lumus menyediakan kerangka baru Rang Undang-undang SST 2018 bagi menggantikan GST yang telah dilihat memberikan kesan kenaikan kos harga barang dan perkhidmatan yang menjelaskan kuasa beli rakyat dan membebankan perbelanjaan harian rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam cadangan untuk memansuhkan Rang Undang-undang GST 2014 dan pelaksanaan percukaian baru melalui penggunaan Rang Undang-undang Akta Cukai Jualan 2018 dan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 bermula 1 September 2018 ini, saya amat bimbang akan berlakunya kenaikan barang-barang dan juga Jabatan Kastam akan mewartakan dalam senarai barang yang disenaraikan kena cukai jualan dan perkhidmatan.

Mengambil kira pengalaman pelaksanaan GST 2015, di mana peralihan dan mitigasi skim percukaian menyebabkan pengilang dan peniaga menaikkan kos pengurusan

perniagaan serta risiko modal pusingan perniagaan yang bakal dioffsetkan dalam proses penyesuaian harga-harga barang yang di kilang dan juga dijual kepada peniaga selepas 1 September.

Oleh kerana dalam Rang Undang-undang Pemansuhan GST 2018 ini dan tunggakan kerajaan untuk membayar balik tuntutan cukai input yang berjumlah RM19.4 bilion, apakah persediaan kementerian dan Jabatan Kastam dalam memastikan pertama, impak tanggungan kos pematuhan GST dan juga pematuhan SST ini akan mempengaruhi kenaikan harga barang yang dikeluarkan dan diedarkan selepas 1 September 2018.

Bagaimana jaminan program mitigasi dan juga peralihan mencakupi pematuhan Rang Undang-undang Pemansuhan dan Rang Undang-undang SST agar ia dilakukan secara tersusun dan teratur agar 80,000 identiti perniagaan yang bakal disenaraikan sebagai penyumbang hasil kutipan SST benar-benar mematuhi ketetapan yang ditetapkan kerajaan dalam mematuhi dan mengelakkan eksloitasi, dan juga kartel pengilang dan peniaga menaikkan harga barang.

Apakah perancangan yang bakal diambil oleh Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam untuk memuktamadkan pertikaian-pertikaian yang berlaku dalam isu-isu GST? Termasuk tuntutan cukai input yang belum diterima agar impak dan kesan perculaian baru SST tidak disalurkan kepada pengguna untuk menanggung bebanan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mekanisme cukai SST adalah pengenaan komponen cukai SST yang melibatkan item di dalam senarai CPI atau *customer price index* dimasukkan dalam kumpulan komponen item di bawah kumpulan restoran dan hotel. Saya dapati dalam cadangan pengenaan cukai perkhidmatan, akan dikenakan ke atas apa-apa jualan makanan dan minuman yang dijual oleh hotel atau kemudahan penginapan yang mempunyai nilai ambang dan pendapatan tahunan melebihi RM500,000.

Apa yang dibimbangkan, apakah dengan nilai ambang yang rendah ini akan menyebabkan aktiviti pelancongan dalam negara akan mengalami sambutan yang kurang memberangsangkan. Ini bakal menjelaskan industri pelancongan tempatan, terutama destinasi seperti Melaka dan negeri-negeri yang bergantung kepada sektor pelancongan.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kementerian Kewangan tentang perkara-perkara berikut. Bagaimana kerajaan membuat penyelarasan mengenai penentuan barang dan perkhidmatan yang bakal dikenakan cukai mulai 1 September ini? Sedangkan Jabatan Kastam belum lagi memberikan penjelasan wajar mengenai senarai lengkap barang dan perkhidmatan yang dikenakan berdasarkan kadar-kadar yang bakal ditetapkan Jabatan Kastam. Bagaimana penyediaan kerangka kerja Jabatan Kastam dan bimbingan yang boleh dilakukan terhadap syarikat-syarikat yang akan membayar SST agar semua

produk yang dijual dan diberikan perkhidmatan benar-benar mematuhi perundangan SST dan tidak membebankan pengguna?

Oleh itu, berapakah anggaran perbelanjaan dan kos yang bakal ditanggung kerajaan bagi mengubahsuai sistem ICT dan pemantauan digital Kastam ataupun MySST apabila Rang Undang-undang Pemansuhan GST dan skim SST ini dilaksanakan menjelang 1 September? Harapan saya agar Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam memastikan skim-skim percukaian ini bakal mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Jabatan Kastam pula menjadikan iktibar pelaksanaan GST dan kegagalan membayar balik tuntutan cukai input telah menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan kos barang dan membebankan pengguna. Semua langkah Kerajaan Pakatan Harapan menggunakan pendekatan SST ini secara *single stage tax* akan memanfaatkan semua rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

#### **6.26 ptg.**

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit perbahasan berhubung dengan rang undang-undang ini iaitu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Kita akui selepas kita mendengar pelbagai perbahasan dan juga penjelasan daripada pihak kerajaan, termasuk juga yang dibuat di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini. Kita akui apabila antara kelemahan besar sistem percukaian GST ini adalah apabila kegagalan untuk *comply with input tax claim* yang mana telah menyebabkan peniaga ada yang terpaksa merana menunggu *cash flow* yang positif hasil daripada *claim* ke atas *input tax* itu.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merekodkan pada Dewan yang mulia ini iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia sendiri pada Mac 2018 telah membuat pelbagai kenyataan menyokong sistem GST ini sendiri. Termasuk antaranya para pelabur asing dijangka lari dari Malaysia sekiranya Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dihapuskan dan digantikan semula dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Para pelabur sebaliknya akan beralih tumpuan kepada negara lain yang sudah lama melaksanakan GST kerana sistem itu dilihat lebih tersusun, adil, *transparent* dan terkehadapan. Jabatan Kastam juga menyebut bahawa GST amat baik kerana ia berjaya meningkatkan eksport seperti tahun yang lalu, pertumbuhannya kira-kira 20 peratus berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga sudah membuat kajian untuk melaksanakan GST, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1980-an lagi

dengan mengambil kira pelbagai aspek. Selain itu, Jabatan Kastam juga menyebut bahawa pelaksanaan sistem cukai itu dapat mengatasi masalah ketirisan cukai daripada perniagaan-perniagaan yang dijalankan dalam negara.

Jadi, banyak perbandingan dalam konteks kelebihan GST apabila kita bandingkan kepada SST. Ini termasuk juga saya hendak rekodkan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. GST juga telah menyelamatkan ekonomi negara pada tahun 2015. Waktu itu apabila harga minyak dunia jatuh merudum sehingga ke paras USD24. Waktu itu kita punyai kutipan daripada hasil GST ini telah berjaya membantu...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Senator, saya minta laluan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sedikit sahaja. Hendak minta laluan apa?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sedikit, hendak tambah.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Boleh, boleh.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, adinda Yang Berhormat Senator semalam tidak hadir. Jadi, saya hendak kena mencelah supaya dia jangan melalut. Nanti jadi masalah. Oleh sebab semalam Jabatan kastam sudah bagi *briefing* pada kita. Jadi, saya hendak beritahu supaya Yang Berhormat faham sedikit sebab saya sendiri menyokong GST waktu GST dibawa ke Dewan yang mulia ini. Saya juga menyokong.

Akan tetapi semalam apabila KP Jabatan Kastam bercerita sendiri bahawa perbezaan SST itu dengan GST itu, mungkin Yang Berhormat tidak hadir semalam. So, saya hendak cerita yang itulah sedikit. Terima kasih.

#### ■1830

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Cuma Tuan Yang di-Pertua, bezanya apabila Ketua Pengarah Kastam perjelaskan semalam dalam majlis penerangan, saya tahu. Saya tidak hadir kerana ada urusan peribadi di Ipoh. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri yang berusaha menganjurkan itu. Akan tetapi apa yang saya hendak rekodkan di sini kerana penting, Dewan Negara dan juga majlis malam itu berbeza. Jadi apa yang saya sebutkan di sini adalah perkara rasmi yang dimasukkan dalam *Hansard*. Semalam tidak menjadi penyataan rasmi daripada Ahli Dewan Negara.

Maka saya hendak ulang sedikit, GST antara yang berjaya membantu urusan kewangan negara pada tahun 2015 apabila harga minyak dunia jatuh Tuan Yang di-Pertua. Jadi pada masa yang sama juga, saya dapat melihat hasil kutipan GST ini juga dapat membantu. Antaranya program-program bantuan *outright* yang telah diberikan oleh pentadbiran terdahulu, antaranya BR1M dan juga program-program lain.

Hari ini saya hendak nyatakan juga, saya ingin minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, apabila kita sedia maklum pelajar-pelajar Malaysia mutakhir ini banyak mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti.

Antaranya di universiti-universiti terbaik di dunia. Baru-baru ini saya telah dikunjungi oleh lebih satu kumpulan pelajar-pelajar tempatan pelbagai bangsa dalam jumlah yang besar juga, lebih 60 orang yang mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian ijazahnya di 50 universiti terbaik di dunia.

Antaranya yang ada di *United Kingdom* dan juga di universiti-universiti kumpulan Ivy League di Amerika Syarikat. Akan tetapi malangnya apabila mereka berusaha untuk mendapatkan bantuan, malangnya kerajaan tidak dapat menyalurkan kerana mungkin kedudukan kewangan yang tidak kukuh. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, dengan kehilangannya pulangan ataupun kutipan daripada hasil *tax*, mungkin perkara-perkara yang seperti inilah, bantuan-bantuan kewangan untuk pendidikan itu terpaksa kita korbankan.

Mungkin saya ingat dalam hal itu Yang Berhormat Menteri, kalau ada di sini boleh beri perhatian juga kalau Tabung Harapan yang telah dikutip sebegini banyak, kalau tidak digunakan lagi mungkin boleh digunakan untuk bantu pelajar-pelajar ini. Saya kasihan juga pada mereka Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya hendak nyatakan jugalah hari ini memang hari yang cukup bersejarah. Pertama, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang Cukai Jualan dan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan. Kini kita sedang berbincang dan berbahas untuk memansuhkan pula Akta GST. Jadi hari ini saya hendak rekodkan di Dewan yang mulia ini bahawa negara hari ini akan kehilangan *the best thing ever happened to our fiscal policy and economy*. Saya hendak nyatakan di sini kerana kita telah buat perbandingan. Walau macam mana kita punya *defend story* ataupun *proposition* kita, apa jua yang kita perkatakan, GST tetap lebih superior dengan izin Tuan Yang di-Pertua, daripada SST. Ini bermakna hari ini apabila kita mansuhkan GST, bermakna *we are losing the best thing ever happened to our fiscal economy* ataupun *fiscal policy*.

Cuma saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sekiranya kalau kerajaan boleh bawa balik rang undang-undang ini ke Dewan Rakyat, saya cadangkan ianya dibiarkan, bermakna tidak perlu dimansuhkan. Apakah wujud risiko, kesan dan implikasi kepada pelaksanaan SST kalau GST ini dikekalkan tetapi tidak diguna pakai. Saya tidak tahulah sama ada boleh ataupun tidak iaitu kita punya dua akta sistem cukai. Satu diguna pakai, satu lagi tidak diguna pakai.

Alasan saya mudah Tuan Yang di-Pertua, kita biarkan begitu bukan atas dasar polemik politik tetapi saya menyatakan di sini bahawa kita pun tidak pasti. Yang Berhormat Menteri mengaku tadi dia pun tidak pasti, beliau tak pasti sama ada harga akan turun ataupun naik selepas pelaksanaan SST. Jadi kita tidak perlu berhujah sama ada barang naik ataupun turun tetapi apa salah kalau kita biarkan GST ini tanpa kita perlu guna pakai, tanpa kita perlu mansuhkan, tanpa ada kesan dan implikasi kepada pelaksanaan SST yang telah diluluskan.

Mungkin dalam hal ini, kita *continue* sahaja *zero-rated basis* GST tersebut tanpa perlu kita mansuhkan.

Jadi itu sahajalah persoalan dan pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kepada kerajaan. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mendoakan jugalah kepada kerajaan untuk terus punyai kesungguhan dalam menunaikan janji-janji yang telah diberikan kerana saya yakin rakyat dan pengundi sangat-sangat percaya kepada naratif Pakatan Harapan sewaktu Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu bahawa GST lah penyebab utama kepada kenaikan kos sara hidup rakyat dalam negara kita. Walhal rakyat dah sedar pun sebenarnya bukan GST. Jadi di manakah pendirian Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah.

### 6.35 ptg.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bahas rang undang-undang ini, saya cuma hendak sentuh sedikit yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan itu berkenaan dengan kita kekal akta tetapi kita *zero-rate*. Pada saya tak praktikal fasal kalau *you kekal akta dan zero-rate*, lain-lain seksyen masih akan berkuat kuasa. Ertinya dari segi *registration, mandatory registration* dan sebagainya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya hendak mencelah sedikit kerana saya pun tidak pasti apabila saya bangkitkan cadangan tersebut, apakah boleh ada *precedent* sebelum ini akta itu kita mungkin *keep in view* (KIV) tanpa perlu diguna pakai akta tersebut semata-mata kerana kita bersifat lebih saya fikir progresif, mungkin diperlukan di masa hadapan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih. Isu saya macam ini, dari segi aspek percukaian memang tidak ada kesan tambahan kepada pengguna dan sebagainya sebab dah *zero-rate*, juga kepada para peniaga tidak ada dari segi penambahan percukaian. Cuma dari aspek mungkin kerja dia lebihlah dari segi mandatori, *registration, submission of annual written* dan banyak-banyak borang itu masih dia kena isi. Itu cuma *my two cents word* dalam *suggestion* yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Khairul.

Berbalik kepada rang undang-undang ini, sebenarnya saya tak nak *argue* kepada perbezaan atau kebaikan antara SST dengan GST dan sebagainya. *The whole day* kita dah dengar *argument* itu, lagipun rang undang-undang ini cuma bertujuan untuk mansuhkan GST, so saya hendak fokus.

Saya cuma hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan *refund tax, credit refund*. *Last week*, kalau kita dengar Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mendedahkan satu berita yang mengejutkan bahawa sebanyak RM19.4 bilion *tax credit refund* masih belum dibayar balik kepada para peniaga. Apa yang mengejutkan lagi ialah jumlah itu tidak dibayar balik bukan kerana para peniaga tidak mematuhi dengan *guideline* dan sebagainya tetapi sebenarnya tidak dibayar balik kerana tak cukup dana dalam Tabung Amanah itu. Kalau tidak salah *figure* yang diberi itu dalam dana itu cuma ada RM1.4 bilion manakala duit yang diperlukan untuk melakukan pulangan sepenuhnya adalah RM19.4 bilion.

Pada saya, ini satu isu yang amat serius fasal kalau kita tengok seperti yang diterangkan di Dewan Rakyat dan *statement*. Duit yang kita patut *refund* ini *is not current account*, bukan untuk tahun semasa tetapi ia tunggak dari tahun 2015 sampai sekarang. Saya tahu *figure* itu telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, kalau tak salah RM600,000 dari 2015 sehingga sekarang.

Isunya lagi satu yang pada saya, *this is very serious issue*. Implikasinya, dari segi implikasinya. Tadi Yang Berhormat Senator Dr. Nuning cakap, *after all* kastam mohon RM82.9 bilion, dapat balik RM63.5 bilion, yang RM19.4 bilion ini hanya 25 peratus, so tidak ada implikasi. Akan tetapi sebenarnya *the reality is* lain. Kalau *you* tengok 25 peratus mungkin dari segi peratus, angka 25 itu nampak kecil tetapi dari segi jumlah para peniaga yang terlibat ialah sebanyak 121,429 syarikat yang terlibat, yang tidak dapat balik duit mereka. Itu satu.

#### ■1840

Kedua, implikasi dia adalah atas aliran tunai syarikat-syarikat tersebut ini. Bila dia menghadapi masalah aliran tunai, dia ini secara *direct* akan meningkatkan kos perniagaan dan *any manufacturer* mana-mana peniaga akan *pass* balik kos itu kepada *consumer*. Jadi, ini salah satu faktor yang menyebabkan kos meningkat. Akan tetapi, saya lebih fokus kepada kalau betul duit itu digunakan sebagai hasil? Saya tahu amalan yang telah diterangkan, duit itu kena masuk dalam *Consolidated Account*. Kemudian itu, bila kita mohon kita bagi duit itu balik kepada Tabung Amanah.

Akan tetapi, isu dia, adakah duit ini digunakan sebagai hasil? Itu satu, *and* kalau / ada sedikit *figure* kalau / tengok, kalau betul duit ini digunakan sebagai hasil. *I think* kita kena perlu dapat satu penjelasan yang betul. Kalau tidak digunakan sebagai hasil, masih ada dalam *Consolidated Account* atau kenapa tidak bayar balik kepada akaun Amanah, *at least* RM18 bilion itu atau mana hilang dia RM18 bilion?

Dalam ini saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang di keluar dalam beberapa media, bahawa Yang Berhormat Pekan yang dahulunya Menteri Kewangan, perlu memberi keterangan. *I think he has to clear the air*, apa yang sebenarnya berlaku. Saya tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menimbulkan dua

soalan, tiga soalan yang penting. Akan tetapi saya hendak fokus kepada dua soalan. Adakah betul atau adakah benar, bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meluluskan keputusan bekas KSP, Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk tidak memindahkan balik yang dimohon RM82.9 bilion itu, dia hanya 63 lebih. Adakah dia diluluskan oleh bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan? Itu satu.

Kedua, adakah bekas Menteri Kewangan juga telah meluluskan supaya duit ini diiktiraf sebagai hasil kerajaan? Pada saya kedua-dua ini merupakan banyak serius punya isu. Mungkin perkataan *misappropriation* itu banyak berat, tetapi ini *misleading*. You hendak pakai duit yang bukan hasil untuk tujuan hasil. Fasal kalau ini benar, *and then we don't know* apa lagi ada cases macam ini. Fasal bukan sahaja duit Amanah ini, kerajaan pun ada pegang banyak duit sebagai deposit. / pun tidak tahu sama ada ini akan berlaku kepada duit-duit itu.

Akhir sekali saya cuma hendak sentuh satu saja, perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan pakai perkataan perompakan. Saya akui perkataan perompakan itu *is a strong word*. Akan tetapi, kalau duit itu disalahgunakan, nanti kalau betul-betul disalahgunakan, maka ia bererti pecah amanah. Dalam keadaan macam ini, saya berpendapat pecah amanah itu seolah-olah perompakan. Kalau betul-betul berlaku pecah amanah. Dengan ini saya...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh minta laluan? Cuma kalau ianya benar-benar berlaku. Kalau ianya tidak berlaku, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah:** Itu fasal tadi saya cakap, ini adalah satu peluang keemasan untuk bekas Menteri Kewangan untuk *clear the air*. Akan tetapi sehingga sekarang beliau belum lagi mengambil kesempatan itu. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

#### 6.45 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, KASTAM dan semua kementerian berkaitan dengan RUU ini. Terlebih dahulu, saya memberi terima kasih kepada Menteri Kewangan yang sudi bersama kita untuk membentang RUU SST 2018 ini. Kita difahamkan, Yang Berhormat Menteri sepatutnya berada di luar negara semalam dan hari ini. Akan tetapi, beliau hadir dengan kita di sini di Dewan mulia ini kerana ada acara yang sangat penting dan juga dia memberikan kita taklimat semalam. Dengan izin, *thank you Sir. I won't want to be in your shoes, at this particular moment.* Syabas.

Terima kasih kepada Menteri juga dan Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan banyak item-item daripada dikenakan SST seperti caj hospital, ubat, *wheelchairs*, lampin kanak-kanak dan dewasa dan sebagainya. Kita pun sudah diberitahu ada 5,443 item sudah dikecualikan cukai, dibandingkan dengan GST dulu, hanya 500 lebih. Saya tertarik dengan jentera-jentera seperti *forklift*, kren yang ada dikecualikan daripada cukai.

Yang Berhormat Menteri, saya mohon untuk pekebun-pekebun kecil seperti pekebun ladang sawit. Biarnya, *excavator* ataupun jentera-jentera pengangkutan boleh dapat dikecualikan dari SST juga. Akan tetapi, kita di faham juga kutipan daripada sistem SST nanti anggarannya hasil adalah RM21 bilion ataupun RM22 bilion. Ini adalah kurang dari kutipan GST dahulu. Saya bimbang banyak projek-projek yang telah diluluskan dan telah dilaksanakan mungkin akan di batal atau ditangguhkan kerana kekurangan kutipan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap projek-projek Persekutuan di Sarawak nanti tidak akan di batal atau di tangguh. Ini kerana pembangunan infrastruktur di Sarawak adalah masih jauh ketinggalan daripada seluruh Malaysia. Akhir kata, saya harap Kementerian Kewangan, KASTAM Diraja, Kementerian Pengguna dan kementerian lain-lain dan juga Persatuan Pertubuhan Pengguna dapat memantau dengan teliti, mengawal selia, andainya ada penyelewengan di kalangan peniaga-peniaga yang hanya mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang demi keuntungan semata-mata dan menyebabkan kesusahan rakyat. Tidak perlu lah saya bercakap banyak, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hormati hasrat rakyat. So *the question of objecting to the pemansuhan* tidak timbul untuk saya. Ini kerana juga kesemua formula-formula yang sudah dibentangkan tadi sudah diluluskan. Sekian terima kasih.

#### ■1850

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Akhirnya, saya jemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Dipersilakan.

#### 6.50 ptg.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah patut kita berikan kepada Yang Berhormat Menteri dari pagi, sampai ke malam bersama-sama dengan kita. Ini menunjukkan komitmen beliau... [Dewan tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya bahkan cukup berbangga mendengar hujah-hujah yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat saya dalam Dewan yang mulia ini di mana hujah-hujah ini saya perhatikan ada yang menyokong, ada yang tidak menyokong. Akan tetapi saya merasakan berdasarkan kepada fakta dan kita pun bersyukur, saya perhatikan rakan-rakan

di sini cukup baik belaka. Kita tidak ada gaduh-gaduh, kita bercakap dengan baik. *Alhamdulillah*, itu kita punya spirit di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan kita faham hasrat Kerajaan Pakatan Harapan setelah mereka berjaya mengambil alih kuasa daripada Barisan Nasional selama 61 tahun. Sudah pasti hasrat mereka ingin membuktikan mereka merupakan satu kerajaan walaupun baharu tetapi kerajaan yang baik, cekap, efisien dan yang lebih penting, sudah pasti mereka berjanji akan memastikan rakyat akan dijaga dengan baik, bukan sahaja rakyat dijaga dengan baik, sudah pasti mereka juga berjanji memastikan bahawa negara kita ini akan terus aman, makmur, sejahtera, tidak ada masalah, tidak ada pergaduhan, kita sama-sama hidup di bumi bertuah ini sebagai satu rakyat Malaysia. Itu hasrat mereka dan sudah pasti saya dengan itu menghormati segala hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan kita menghormati *stand pihak* kerajaan dalam isu-isu berkaitan yang telah kita bincangkan dari pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, hasrat satu bidang. Itu cita-cita hasrat kita yang ikhlas, yang suci, memang bagus. Persoalannya saya sebagai seorang ahli akademik, saya memerhatikan dan saya merasakan sedikit kebimbangan. Tujuan saya pada petang ini bukan untuk mengkritik tetapi mengharapkan kalau sekiranya SST ini diimplementasikan, saya benar-benar berharap supaya ia berjalan dengan betul, dengan baik supaya rakyat terus gembira, ceria, suka dan rakyat hidup lebih senang dari dahulu.

Saya berkata sedemikian- ini merupakan nasihat, bukan kritik. Hasrat saya baik. Saya hendak kerajaan pada hari ini terus sebab kalau kerajaan baik, rakyat pun senang. Kita pun tidak ada susah. *You* hendak dengki pada orang kah, hendak mengadu pada orang kah, hendak marah pada orang kah, tidak ada. Hasrat saya, terus kerja dengan baik.

Akan tetapi walau bagaimanapun sebagai seorang ahli akademik saya mengatakan tadi, saya tidak ingat Tuan Yang di-Pertua, semasa saya belajar di luar negara mengambil saya punya *first degree* dalam ekonomi, lebih kurang 40 tahun yang lepas. Pada masa itu negara kita memang negara yang miskin, yang cukup mundur dan saya cukup teringat teori-teori ini kerana pada masa itu, cukup relevan dengan kedudukan negara kita sebagai sebuah negara yang mundur, rakyat kita miskin. Di kampung saya sendiri bukan sahaja orang Cina miskin, saya punya jiran di kampung, orang Cina miskin, orang Melayu miskin, orang India lagi miskin [*Ketawa*]

Jadi saya teringat teori yang saya belajar semasa saya mengambil *BA Economics* yang berkaitan dengan Teori Sosiologi. Kalau Yang Berhormat masih ingat *the Theory Revolution of Rising Expectations*. Itu yang pertama dan juga satu lagi teori yang saya ingat 40 tahun yang lepas, saya teringat satu teori lagi iaitu teori yang kita panggil *Theory of Relative Deprivation*. Saya akan terangkan.

Kedua-dua teori ini cukup relevan yang saya hendak kaitkan dengan apa yang akan berlaku kepada negara kita. Ini kerana ia telah berlaku dahulu. Kalau saya baca di sini apa maknanya, saya ambil dalam bahasa Inggeris dahulu, dengan izin, “*When perception of needs satisfaction decrease but expectation continue to rise, a widening gap is created between expectation and reality*”. Itu saya katakan tadi *rising expectation* lebih kurang Bahasa Melayunya, harapan yang memuncak, harapan cukup tinggi tetapi akhirnya harapan itu tidak menjadi realiti. Maka ini akan menimbulkan satu suasana yang kita panggil *Revolution of Rising Expectations*.

Teori yang juga berkaitan iaitu *Theory of Relative Deprivation*. “*Feeling of relative deprivation arise when desire become legitimate expectation and those desires are not achieve*”. Maksudnya Tuan Yang di-Pertua iaitu *expectation* ini telah merupakan satu *legitimate expectation*. Perkataan “*legitimate*” itu penting. Satu *legitimate expectation* tetapi *legitimate expectation* ini tidak tercapai. Dalam bahasa Melayunya juga, saya katakan tadi harapan yang tidak kesampaian ataupun harapan kecewa.

Saya hendak mulakan mukadimah itu dahulu iaitu Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu 40 tahun yang lepas, saya katakan tadi kita di Malaysia apabila negara-negara lain sudah mula membangun, *expectation* kita pada masa itu kalau kita di kampung, anak kita dapat makan kita bersyukur. Kita pula ada dapat beli *motorbike* satu pun cukup ataupun beli kereta buruk satu cukup. Hendak berangan pergi ke luar negara memang tidak ada duit.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua pada hari ini, rakyat Malaysia tidak bercakap tentang hendak beli *motorbike*. Majoriti rakyat Malaysia ini hidup di dalam kemewahan dan kesenangan. Di kampung saya pun nelayan, tiga biji kereta... [Disampuk] Memang [Ketawa] Kalau kita pergi di *airport* Tuan Yang di-Pertua, tidak percaya, pergilah di *airport*.

Eh! Kalau dahulu masa saya kecil dapat pergi Cameron Highlands pun seronoklah, ataupun dapat melawat Kuala Lumpur, tengok Airport Subang ataupun tengok Batu Caves, punyalah seronok sampai tidak tidur malam itu. Mak buat nasi lemak. Pada hari ini kita tidak main Cameron Highlands. Kita hendak tengok *snow*. Kita pun tidak main sekarang kalau sekarang kita hendak pergi ke *Southern Korea*, esok lusa dia hendak pergi ke Switzerland pula. *Expectation* dia sudah tinggi.

Saya belajar di ITM, saya masih ingat semasa studen, *the whole campus*, budak-budak studen hanya seorang sahaja yang ada kereta. Sekarang pergilah ke kampus, penuh dengan kereta sampai dia bergaduh dengan pensyarah tentang *parking*. Bila pensyarah marah dia, dia cakap balik pada pensyarah, “*You punya kereta, kereta buruk. I punya kereta BMW*”. Ini studen. Maksudnya, *rising expectation* pada hari ini berbeza.

Apa yang saya takut Tuan Yang di-Pertua, saya takut kita sudah biasa hidup senang macam ini, hidup mewah, *expectation* kita lebih tinggi lebih mewah apabila kerajaan baharu

mengambil alih seperti yang telah dijanjikan, tiba-tiba kita undur ke belakang, Tiba-tiba kita dapati hidup kita lebih susah, bukan sahaja sudah tidak boleh pergi ke Switzerland, hendak pergi ke Cameron Highlands pun tidak cukup duit. Bukan sahaja hendak beli kereta baru, kereta buruk pun tidak ada duit. Beli minyak tidak ada duit. Ini yang saya bimbang kerana ia berkaitan tadi saya katakan *feeling of relative deprivation* kerana mereka menganggapkan ini satu *legitimate expectation* yang mesti diberikan. Ini kerana ia telah dijanjikan.

Saya tidak marah, saya faham kalau kerajaan mengatakan tidak boleh gerenti turun atau tidak turun, *I understand* dengan keadaan ekonomi global tetapi masalahnya telah dijanjikan.

#### ■1900

Saya minta maaf, saya ada *collection of videos*. Dijanjikan bukan untuk 100 hari, bukan untuk lima tahun. Apa yang buat mereka menang dalam video ini, “*Tuan-tuan dan puan-puan, ini malam kita menang, esok...*” Orang pun terus, “*Sabaq no, sabaq no. Sabaq no, tidak sabaq no*”. Collection video saya itu cukup banyak Tuan Yang di-Pertua. “*Ini hari kita menang, esok tuan-tuan balik kampung...*” Kampung ini di Johor. Saya tidak mahu quote nama Menteri ini. [Ketawa] “*Kali ini kita balik kampung, minyak RM1.50, tol free.*”

**Seorang Ahli:** Simpang Renggam keluar.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Eh! Janganlah cakap tempat ya. “*Ini malam kita menang, esok balik kampung tol free, RM1.50 minyak RON95.*” Tepuk tangan. Itu naratifnya pada masa itu.

Memang rakyat cukup *confident*, cukup yakin tetapi saya katakan tadi *expectation* cukup tinggi. Bagaimana anak-anak muda tidak memilih mengundi kerajaan pada hari ini, mereka telah dijanjikan bukan sahaja fasal minyak, bukan sahaja fasal tol, fasal PTPTN. Suatu ketika dikatakan PTPTN akan dihapuskan. Siapa yang tidak suka? Bahkan GST dikatakan ini hari menang, esok GST kita hapuskan. Maksud GST kita hapuskan segala-galanya akan menjadi cantik.

Persoalannya, saya berbalik yang saya takut. *Expectation* kita tinggi. Itu sebab, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, bukalah media sosial.

*I am trying to be neutral. I am an academician.* Saya bukan orang politik, saya orang akademik. Dahulu media sosial memang bagi hendak gila menghentam Barisan Nasional. Hari ini bukalah media sosial, orang yang sama menghentam Barisan Nasional, mereka sekarang menghentam kerajaan pada hari ini kerana *expectation* mereka tinggi, janji telah dibuat tetapi tidak ditunaikan.

Hanya secara ikhlas, saya katakan tadi, ini yang paling saya bimbang yang menyebabkan kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat iaitu pada sesi Parlimen yang lepas,

saya rasa dalam *Hansard* ada, saya bercakap di mana banyak orang marah saya. Apa yang sebenarnya saya bercakap itu ikhlas. Saya bukan hendak menakut-nakutkan, tidak! Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat sesi Dewan yang lepas, saya berkata dengan *firm*, saya mengatakan melihat tentang manifesto dan janji-janji pilihan raya sekiranya Barisan Nasional kalah, saya bagi tempoh dua tahun, negara kita akan menghadapi masalah yang cukup besar. Saya akan *detail* kemudian. Masalahnya adalah dua bentuk yang boleh menghancurkan negara ini. Yang pertama ekonomi, yang kedua politik.

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

Hari ini saya hanya menekankan aspek ekonomi sahaja sebab kita bercakap tentang GST. Saya tidak mahu sentuh politik. Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang-mengapa saya berani bercakap demikian?

Lihatlah pada hari ini, sudah mula. Saya bimbang sebagai seorang ayah dan sebagai seorang datuk, saya tidak mahu melihat anak saya susah, cucu saya susah. Saya tidak mahu melihat negara saya menghadapi masalah kerana masalah ekonomi berkaitan dengan masalah politik. Masalah politik berkaitan dengan masalah perpaduan di mana negara ini mempunyai pelbagai kaum. Negara kita satu negara yang cukup-cukup sensitif, cukup bahaya. Kalau kerajaan tidak dapat memainkan peranan dengan baik, itu sebab saya bagi *warning*. Bukan *warning* tetapi nasihat. Bukan hendak menakutkan orang. Banyak saya tahu yang hentam saya macam-macam, kutuk saya macam-macam. Ada yang kata saya profesor bodoh. Bodoh, bodoh, tidak apalah tetapi saya cakap ikhlas.

Saya berkata itu kerana banyak faktor. Pertama, saya tengok, saya fikir macam mana mungkin hendak hapuskan PTPTN? Berapa bilion? Hendak cari mana? Bagaimana mungkin GST- itu pun *proven* GST kita sudah rugi RM20 bilion apabila hendak tukar kepada SST. Bagaimana mungkin tol hendak bagi *free*, berapa bilion lagi? Bagaimana mungkin minyak RM1.50? Berapa bilion lagi? Tidak mungkin. Makna kalau kerajaan *implement* semua itu, kita betul-betul bankrap. Maka dalam hati saya pada masa itu, kerajaan tidak akan *implement*. *It is true enough [Ketawa]*

Walaupun saya faham kita banyak *excuses*, minta maaf cakap, memanglah kita banyak helah kata itu, kata ini, kata itu, kata ini tetapi persoalannya kita sudah janji. Apabila janji, *expectation*- ini saya kata tadi *the rising expectation*. Itu yang masalah. Terutama anak-anak muda, mereka yang menentukan pilihan raya yang lepas apabila dijanjikan dengan begitu cantik melainkan bulan dan bintang tidak dijanjikan. Kita sudah janji sekarang kalau sekiranya- saya doakan dapat buat, saya doakan. Ikhlas, saya tidak mahu melihat negara

saya susah. Saya tidak mahu melihat anak-anak, cucu-cicit kita susah, saya tidak mahu. Saya doakan ikhlas berjaya.

Itu sebab saya mengharapkan setelah kita memutuskan pada hari ini, saya minta sungguh-sungguh pihak kerajaan duduk betul-betul, fikir betul-betul apakah tindakan yang terbaik, apakah strategi yang terbaik. Jangan berlaku benda-benda yang tidak elok ini kepada negara kita yang cukup cantik ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Negara kita sebuah negara yang cantik. Tuan Yang di-Pertua, harapan saya, kita jaga sama. Saya tidak berniat untuk mengkritik. Saya tegas sekali lagi, saya bukan orang politik, saya orang akademik, bidang saya adalah politik. Itu sahaja.

Saya ikhlas, saya doakan semua berjaya. Pastikan rakyat akan hidup dengan lebih senang daripada dahulu. Pastikan rakyat hidup lebih mewah. Kalau sekarang boleh pergi umrah setiap tahun, tahun hadapan kita pun boleh pergi umrah setiap tahun. Boleh pergi melawat ke Switzerland, ke *Balkan State*, ke Turki dan lain-lain. Maka rakyat pun seronok, rakyat tidak kacau. Kalau benda ini tidak ditunaikan, saya takut-takut, banyak takut sebab saya katakan tadi saya belajar teori ini 40 tahun yang lepas. Ini merupakan satu amaran kepada kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

## 7.07 mlm.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan; juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan; Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali; dan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator bahawa ini adalah satu detik sejarah dengan pemansuhan GST ini. Ini menjadikan GST sebagai satu bahan sejarah. Tentu saya menghargai pandangan bahawa bolehkah kita hidup bersama-sama iaitu GST dan SST hidup bersama dengan mensifarkan atau menjadikan sifar GST sedangkan kita laksanakan SST. Akan tetapi sekiranya ini dilakukan oleh pihak kerajaan, ia

akan dianggap sebagai tidak ikhlas untuk menunaikan janji bahawa kita akan gantikan GST dengan SST. Mungkin mengekalkan GST itu seakan-akan ada udang di sebalik batulah. Itu yang kita hendak elakkan daripada ia berlaku.

Akan tetapi walau macam mana pun, kita akan berusaha bersungguh-sungguh. Seperti yang saya sebut tadi, terasnya ialah untuk menambah baik ataupun menjamin kesejahteraan rakyat. Sekiranya SST dapat menjamin kesejahteraan rakyat, kerajaan bersedia untuk mencari jalan lain macam mana kita boleh menambahkan hasil kerajaan.

#### ■1910

Apabila saya sebut bahawa kita boleh merancang dan berusaha tetapi akhirnya Tuhan yang menentukannya, ini bukan bermakna kita telah putus asa, tidak. Akan tetapi kita kena ingat, akhirnya akan berlaku keadaan yang di luar kawalan kita. Kalau kita mahu tengok keadaan di Malaysia, negara Malaysia hanya sebagai sebuah negara kecil. Kita boleh dilanda oleh kejadian-kejadian antarabangsa. Baru-baru ini ialah perperangan perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan seluruh dunia. Bukan sahaja dengan negara China tetapi Eropah, Kanada dan pelbagai lagi negara. Tambahan pula, berlakunya krisis di Turki di mana mata wang asing Lira, jatuh menjunam sebanyak 45 peratus. Ini semua adalah kesan limpahan ke atas negara Malaysia.

Akan tetapi mujurlah sehingga sekarang, Malaysia sungguhpun ada kesan tetapi masih lagi boleh bertahan. So dalam aspek ini, kita tentu mengharapkan- saya mahu ucapan terima kasih kepada semua Senator yang melahirkan harapan dan juga ucapan tahniah dan syabas bahawa kita boleh berjaya dengan SST untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Tentu daripada segi pertambahan hasil, pihak kerajaan sekiranya mahu menimbang sistem percukaian baru, seperti yang saya sebutkan tadi terdapat satu Majlis Perundingan Reformasi Cukai yang akan dijalankan. Apa yang penting ialah kita tidak mahu melihat apa-apa sistem percukaian yang diperkenalkan menjelaskan teras utama iaitu menjelaskan kesejahteraan rakyat. Itulah prinsip yang akan dipegang oleh pihak kerajaan.

Di samping reformasi sistem percukaian, satu lagi langkah ialah untuk memastikan bahawa perbelanjaan bukan sahaja dijalankan secara berhemat, tetapi kita juga boleh mendapat nilai yang sebesarnya daripada semua perbelanjaan yang dijalankan. Kita juga berharap bahawa dengan reformasi institusi-institusi yang sedia ada, kita dapat menjana sumber pendapatan, sumber hasil yang baru, baik daripada Industri 4.0 ataupun dalam sektor-sektor pelancongan di mana ia dapat menjana pendapatan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan beberapa soalan khusus daripada Yang Berhormat, saya akan bermula dengan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang tidak berada sekarang, bahawa kerajaan sememangnya menetapkan semua peralatan perubatan dan alat bantuan khusus untuk kegunaan OKU dikecualikan daripada Cukai

Jualan. Ini termasuklah beberapa barang yang digunakan oleh golongan warga emas seperti *diapers* serta lebih 30 jenis barang. Sekiranya terdapat apa-apa peralatan lain yang khusus Yang Berhormat mendapati masih dicukai, boleh mengemukakan senarai ini kepada pihak kementerian saya atau pihak kastam untuk pertimbangan selanjutnya.

Bagi Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, memang benar masih ramai individu di Malaysia yang tidak perlu membayar cukai pendapatan kerana paras pendapatan mereka masih rendah. Lebih kurang daripada 50 peratus daripada individu yang bekerja yang mempunyai fail cukai pendapatan ataupun membayar cukai. Hal ini pun kerana kerajaan menyediakan lebih kurang 20 jenis pelepasan cukai pendapatan yang bertujuan untuk membantu pembayar cukai mengurangkan tanggungan kos cukai pendapatan atau *tax burden* atas keprihatinan supaya rakyat dapat kelegaan yang sewajarnya.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, mengenai kos untuk membangunkan sistem MySST di Jabatan Kastam. Kos pembangunan sistem pengkomputeran MySST adalah hanya sebanyak RM4.5 juta, berbanding dengan kalau saya tidak silap jumlah ratusan juta untuk GST.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Kementerian Kewangan sangat prihatin akan kos yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mencadangkan pengecualian cukai ke atas jentera seperti eskalator, pelau dan seeder yang digunakan bagi aktiviti *agriculture*.

Yang Berhormat daripada Selangor, Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah bertanya tentang tiga soalan kepada Yang Berhormat Pekan. Memang itu soalan yang wajar. Saya tidak bercadang untuk bercakap lebih panjang tentang perkara ini kerana Dato' Sri Mohd Najib tidak berada dalam Dewan ini. Ini tidak adil apabila saya membuat kenyataan, beliau tidak dapat masuk untuk membahaskan perkara ini. Akan tetapi di luar, saya akan menanyakan tiga soalan penting ini yang saya harap beliau boleh jawab. Ini kerana tidak ada sebab beliau tidak jawab atau mungkin kita akan bahasnya di Parlimen.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeling, berkaitan dengan jumlah kutipan sebenar GST. Secara kasar adalah sebanyak RM44 bilion, tetapi secara bersihnya selepas kita tolak bayaran balik GST- *refund*, yang diterima secara bersih oleh pihak kerajaan adalah dalam lingkungan RM35 bilion. Masalahnya ialah RM9 bilion setiap tahun tidak semuanya dibayar balik. Itulah sebabnya kita harus membayar balik RM19.4 bilion di mana daripada jumlah ini hanya RM148 juta dalam Tabung Amanah. Kerajaan sekarang iaitu kerajaan baharu harus mencari RM19.25 bilion untuk membayar balik kepada pembayar cukai kerana wang ini telah digunakan secara *advance* oleh kerajaan lama.

Ini tentunya merupakan satu cabaran yang besar kepada kerajaan baharu yang harus kami menanganinya kerana kita telah buat *commitment*. Oleh itu pihak kerajaan baharu akan

memulai pembayaran GST *refunds* mulai tahun depan. Jumlah bayaran balik ini bukanlah lewat selama dua bulan, tetapi lewat sehingga tiga tahun. Ada juga yang lewat dari tahun 2015 sejak GST dilaksanakan pada 1 April 2015, masih belum dibayar balik. Ini adalah suatu kedudukan yang amat serius dan ia membabitkan 121,429 orang pembayar cukai. Rakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, salah satu mangsanya, Yang Berhormat Pasir Putih, beliau sendiri akui dalam perbahasan Dewan semasa kita berbahas untuk memansuhkan Akta GST.

Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun juga melahirkan kebimbangan bahawa pelabur akan lari atau negara mungkin akan menjadi bankrap tanpa GST. Itu juga satu kebimbangan saya. Saya tidak mahu menjadi Menteri Kewangan ketika Malaysia menjadi bankrap. Akan tetapi sungguhpun pihak kerajaan baharu sudah mansuhkan GST, setakat ini Malaysia belum menjadi bankrap. Kita masih boleh bertahan lagi. Ini membuktikan bahawa sememangnya benar bahawa kita mampu bertahan tanpa GST.

#### ■1920

Beliau rasa bahawa GST adalah sistem yang paling baik di dunia, seperti yang saya sebut sebelum ini paling baik di dunia untuk kutip cukai yang paling banyak daripada rakyat dan ini menyusahkan rakyat. Itulah di mana kita mungkin ada perbezaan yang berlainan. Kalau hendak kutip mengapakah bebannya diletak di atas bahu golong B40 atau golongan yang tidak berada.

Tentulah kerajaan lama telah gunakan ideologi ini. Ini adalah satu sistem cukai pengguna, cukai kepenggunaan yang mereka telah melaksanakan tetapi adalah ketara ditolak oleh rakyat. Kita harap bahawa Dewan yang mulia ini boleh berikan peluang kepada kerajaan baharu untuk melaksanakan SST, suatu sistem percukaian yang kita rasa lebih ringan, tidak begitu keras terhadap golongan B40. Pada masa yang sama dapat menjamin pembangunan ekonomi yang lestari.

Sistem percukaian lain saya rasa tidak akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan bukan sahaja kedudukan fiskal tetapi juga pada pasaran modal. Jangan lupa bahawa pasaran modal pun sangat penting. Lihatlah Turki, macam mana gagah kepimpinan Turki, macam mana kuat tenteranya tetapi agak payah untuk lawan pasaran modal dan juga keyakinan pelabur-pelabur. Saya berani cakap di sini, negara yang paling kuat pun, Presiden Donald Trump daripada Amerika Syarikat pun tidak bermaya untuk melawan pasaran modal kerana mereka tidak mahu perang mereka hanya tarik balik dia punya dana, ekonomi boleh jatuh merudum ini ada kesan yang sangat teruk.

Oleh sebab itu, sungguh pun GST mungkin menjadi idola pihak-pihak yang mahu pasaran yang bebas sekali tetapi ia punya impak ke atas golongan tidak berada adalah amat berat. Pada masa yang sama, SST sesungguh pun mungkin seperti yang disebut sebelum ini

tidak begitu efisien dan tidak begitu telus tetapi ia boleh pada satu pihak tidak mengancam pelabur-pelabur, tidak mengancam pasaran modal, pada masa yang sama tidak begitu menekan ke atas golongan tidak berada. Tolong imbas sekali, sebelum GST dilaksanakan tidak ada ramai yang membuat aduan tentang SST malah kita pun tidak berapa biasa tentang SST kerana jarang dengar. Jarang dengar SST.

Saya rasa itu satu hakikat tetapi selepas GST dilaksanakan semua kenal sistem percuakan GST. Itu menunjukkan kesan yang begitu besar GST ke atas kehidupan dan kos sara hidup rakyat dan tentulah ke atas kesejahteraan ekonomi rakyat. So, itulah sebabnya sudah sampai masanya kita cuba sedaya upaya bangunkan ekonomi tetapi pada masa yang sama kita pun mahu rakyat menikmati hasil ekonomi itu dan tidak terlalu membebangkan. Pertumbuhan ekonomi bukanlah sesuatu yang kita, dengan izin, *take for granted*, itulah sebabnya kalau kita gunakan sistem ekonomi yang lain, itu harus dilaksanakan secara berhati-hati.

Mesti ada satu rekod yang kita boleh percayai bahawa ia memang boleh diterima pakai dan berkesan untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sekiranya tidak kita lihat bahawa Tun Dr. Mahathir Yang Amat Berhormat daripada Langkawi dijadikan idola untuk Perdana Menteri Pakistan yang baharu Imran Khan baharu angkat sumpah hari ini menjadi Perdana Menteri Pakistan yang baharu. Beliau secara terus terang menyatakan bahawa Tun Dr. Mahathir adalah di antara yang beliau sanjung, mengapa? Oleh kerana dari segi pengurusan ekonomi.

Itu adalah asas kejayaan sesebuah negara iaitu kejayaan dari aspek ekonomi. Apa gunanya kita buatlah ceramah hebat-hebat ataupun menjadi pemidato yang hebat sekiranya ekonomi tidak baik atau rakyat hidup melarat. Itulah saya rasa sebab mengapa sampai Perdana Menteri baharu Pakistan menyanjung Perdana Menteri Malaysia dan menganggap sebagai negara Islam ataupun negara membangun ia boleh menjadi satu model.

Tentu selepas skandal 1MDB Malaysia bukan lagi satu model kerana hanya model *kleptocracy* tetapi selepas 9 Mei kita harap ia akan balik ke pangkal jalan. Menjadi satu negara setanding dengan negara-negara di peringkat antarabangsa, sebagai sebuah negara yang bermaruah, bebas daripada rasuah, menghormati kedaulatan undang-undang, *rules of law* dan membolehkan rakyat hidup bermaruah.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang mengambil bahagian dalam ucapan ini. Sebelum saya habis saya hanya hendak betulkan tentang satu kenyataan tadi yang saya hanya dimaklumkan bahawa saya sebut insurans hayat dikenakan SST. Sebenarnya insurans hayat tidak dikenakan SST, hanya insurans am yang dikenakan SST. Insurans kesihatan, insurans hayat dikecualikan daripada SST. Hanya insurans am sahaja perlu membayar SST. So, itu adalah satu kebaikan kalau di banding

dengan GST. Saya harap perkara ini boleh diambil perhatian bukan sahaja oleh Dewan yang mulia ini tetapi juga oleh pihak media, sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya, ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawantankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 7.29 mlm.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1930

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 bertujuan untuk meminda Akta Kastam 1967. Pindaan yang dicadangkan merupakan pindaan yang berbangkit daripada Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 dan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 yang telah dibahaskan oleh Dewan Yang Mulia bagi membolehkan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 14 fasal seperit berikut:

Fasal 1 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 bagi memasukkan takrifan baharu bagi perkataan “*customs agent*” dan meminda takrifan bagi perkataan “*manufacture*”.

Fasal 3 adalah bagi meminda seksyen 90 untuk memastikan *customs agent* berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan mengetatkan kawalan terhadap mereka.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 141C untuk mengehadkan jumlah Timbalan Pengerusi Tribunal Rayuan Kastam kepada dua orang dan meningkatkan jumlah minimum anggota lain daripada dua kepada tujuh orang.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 141E untuk membatalkan pelantikan anggota Tribunal yang melakukan kesalahan di bawah perundangan SST baharu atau perundangan SST dan GST yang dimansuhkan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 141F untuk memerlukan anggota Tribunal memberikan notis tiga bulan sebelum meletak jawatan.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 141FA untuk menyediakan keadaan apabila keanggotaan Tribunal dikosongkan, dalam keadaan tersebut Menteri boleh melantik ahli yang baharu.

Fasal 8 bertujuan menggantikan seksyen 141J untuk memerihalkan berkenaan sidang tribunal.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 141K untuk memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menentukan sidang rayuan boleh dipengerusikan oleh seorang anggota sahaja bagi memastikan kendalian rayuan yang cepat dan cekap.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 141M untuk meluaskan bidang kuasa tribunal untuk mendengar kes di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dicadangkan dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang akan dimansuhkan.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 141Q untuk membenarkan Ketua Pengarah diwakili oleh pegawai yang diberi kuasa dan membenarkan perayu diwakili oleh peguam.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 141R untuk membenarkan Tribunal memberikan fakta keputusan dan sebab keputusan rayuan kecuali bagi maklumat yang tidak dibenarkan pendedahannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 141TA untuk memberi kuasa kepada Tribunal membuat penganugerahan kepada perayu.

Fasal 14 adalah berkenaan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan yang menyokong.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

### 7.34 mlm.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi saya dapat bercakap untuk membahaskan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 bagi penyesuaian yang akan dilaksanakan ekoran Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Dalam perbahasan ini, saya secara ringkas ingin mendapat penjelasan dari kastam mengenai perkara-perkara dalam urusan pelantikan ejen kastam yang sah sebagaimana seksyen baharu 90(6A) dalam pindaan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pindaan Akta Kastam bagi memberikan penekanan terhadap kawal selia daftar ejen kastam untuk membantu pengimport, pengeksport dan juga pengilang amat penting dalam memastikan persekitaran perniagaan dan pematuhan percuakaian negara berjalan dengan lancar. Cuma komen saya tentang kawal selia ejen-ejen kastam ini, apakah perancangan yang paling baik oleh Kastam untuk memastikan bahawa isu integriti ejen-ejen kastam dalam mengendalikan apa-apa urusan dengan pihak kastam berjalan lancar dan tidak timbul perlakuan rasuah dan juga tidak berintegriti?

Bagaimana kastam menetapkan standard dan syarat minimum keperluan khas bagi memberikan pengiktirafan kepada ejen-ejen kastam agar satu sistem komprehensif dapat diadakan untuk mengekang kewujudan ejen yang tidak kompeten dan mendatangkan risiko ketirisan kutipan cukai oleh kerajaan? Apakah ada satu perundangan statutori kastam bagi pemberian akreditasi mengikut modul-modul latihan yang ditetapkan oleh kerajaan berdasarkan terma rujukan perundangan agar semua ejen-ejen kastam mendapat latihan di Akademi Kastam di seluruh negara agar kawalan ketat, pengiktirafan ejen-ejen ini dikuatkuasakan secara telus? Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan bagi kami Ahli-ahli Dewan Negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, berapa minit agaknya Yang Berhormat?

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Ini sekejap lagi habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak? Jikalau hendak 10 minit pun / boleh bagi.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Tidak mengapa, / habiskan benda ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Agak-agak berapa minit?

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Dalam lima minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Okey, terima kasih. Saya minta maaf, suara saya ini serak sedikit, fasal batuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, perlahan-perlahan.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan bagi kami Ahli-ahli Dewan Negara untuk melihat tahap profesional kastam dan juga integriti pasukan ini terus dipelihara dan di perkasa sepenuhnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, semasa tempoh pelaksanaan, penerangan SST ini adalah perlu dan kursus-kursus yang penting berkaitan dengan SST ini hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa untuk memberikan penerangan kepada pegawai-pegawai kanan kastam iaitu kepada NGO yang didaftarkan oleh kastam bagi menjaga kepentingan dan kebajikan mereka.

Apabila banyak jemputan-jemputan menghadiri kursus-kursus anjuran persatuan-persatuan kastam, ini dilakukan oleh pegawai kastam dengan menggunakan *email* rasmi kastam, ia dilihat sebagai satu tindakan yang tidak beretika dan melanggar prinsip integriti agensi penguat kuasa. Ia juga menjelaskan kebocoran data peribadi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan kastam.

Ini kerana kebanyakan dari kita musykil bagaimana mungkin data *email* dan talian telefon pemilik atau *person in charge* SST ini boleh diakses oleh pegawai kastam sedangkan data peribadi ini tertakluk kepada undang-undang perlindungan diri.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kastam agar dapat kiranya dalam kerangka kerja percukaian baharu ini, Kementerian Kewangan kena lebih tegas lagi untuk memastikan semua NGO kastam ini tidak lagi mengendalikan kursus-kursus berkaitan dengan perundangan percukaian kastam. Sebaliknya memberi peluang seluas-luasnya kepada aktiviti kursus dan latihan yang dibuat oleh Akademi Kastam ini di seluruh negara dan hasil kutipan yuran kursus dan latihan dimasukkan ke dalam akaun kumpulan wang. Ini perlu dipergiatkan lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Disatukan untuk menjamin integriti pasukan kastam juga, dapatkan kastam dan juga Kementerian Kewangan menetapkan modul-modul latihan secara *online* bagi memastikan semua *info* grafik mengenai tatacara dan pelaksanaan cukai baharu ini difahami semua pihak berkepentingan. Bagaimanakah fokus dan perancangan yang boleh dimainkan oleh Akademi Kastam untuk memberikan fokus pengajaran semula dalam aspek latihan, kompetensi dan pensijilan berkaitan dengan percukaian agar dengan fokus lebih terarah. Kerajaan dapat

menjadikan institusi latihan kastam agar dapat membuka banyak ruang dan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang sedang mencari pekerjaan di sektor swasta. Ini akan manfaatkan kerajaan untuk memastikan kutipan cukai lebih cekap dan bebas ketirisannya.

■1940

Saya mohon agar segera teguran dan juga persoalan yang saya kemukakan ini diambil perhatian dan perlulah pihak kementerian mengambil perkara ini secara serius dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat seluruhnya. Sekian terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali yang nampaknya agak pakar dalam perihal kastam. Sememangnya saya ingin cadangkan bahawa Jabatan Kastam akan membuat satu kajian tentang cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator.

Jabatan Kastam telah menyediakan kod etika yang perlu dipatuhi oleh ejen-ejen kastam. Ejen kastam juga perlu mengambil ujian dan juga temu duga sebelum diberi lesen sebagai ejen kastam. So mana-mana ejen kastam yang tidak patuhi peraturan dan kod etika, tentu menghadapi pembatalan lesen mereka.

Jabatan Kastam sememangnya ada menjalankan kursus dan latihan tetapi tumpuan diberi kepada latihan ke atas pegawai kastam. NGO kastam pula hanya menjadi pengajur kursus dan kursus ini dibuka kepada orang ramai. Saya tidak tahu sama ada kursus ini perlu buat bayaran. Sekiranya buat bayaran, ini pun akan dikaji supaya ia memang boleh sisihkan persepsi negatif bahawa ini adalah satu peluang untuk mengutip bayaran. Mungkin tidak, saya tidak tahu, tetapi kita akan adakan satu kajian tentang cadangan yang dibuat Yang Berhormat Senator. Saya akan minta kastam sekiranya perlu untuk menghubungi Yang Berhormat Senator supaya boleh dapat input yang lebih lanjut lagi.

So dengan ini, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

*Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **7.43 mlm.**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan 2018) bertujuan untuk meminda Akta Zon Bebas 1990. Pindaan yang dicadangkan merupakan pindaan yang berbangkit daripada Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 dan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 yang telah dibahaskan oleh Dewan yang mulia bagi membolehkan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk menguraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai sembilan fasal seperti berikut.

Fasal 1 menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen dua bagi membatalkan definisi “Sales Tax” dan “Service Tax” yang berkaitan dengan pindaan kepada fasal tiga dan fasal sembilan.

Fasal 3 adalah bagi meminda seksyen empat untuk mengeluarkan perkara melibatkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di zon bebas kerana perkara tersebut telah disediakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dicadangkan.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 6 untuk mengeluarkan kuasa Menteri untuk mengecualikan sebarang perkhidmatan daripada peruntukan seksyen 4 kerana perkara ini

telah disediakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dicadangkan.

Fasal 5 hingga 9 bertujuan meminda seksyen 21, 22, 23, 26 dan 28 untuk membatalkan rujukan kepada Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi mengelakkan pertindihan kuasa di dalam zon bebas. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa menyokong?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

*Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah meluluskan rang undang-undang yang dikemukakan pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 27 Mac 2018.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.53 malam]*